

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil. 17</b>	<b>Isnin</b>	<b>4 April 2016</b>
----------------	--------------	---------------------

---

**KANDUNGAN**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 26)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Syarikat 2015	(Halaman 27)
Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015	(Halaman 109)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT PERTAMA**

Isnin, 4 April 2016

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan perancangan mengekalkan dasar pendidikan MARA dalam menghadapi kekangan ekonomi semasa.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan daripada Yang Berhormat Jerlun. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, program penajaan pelajaran secara pinjaman boleh ubah yang disediakan oleh MARA adalah sebagai pelengkap dalam usaha melahirkan modal insan global dan berintegriti dalam pelbagai peringkat pengajian di dalam dan di luar negara.

Ianya bertujuan untuk memenuhi keperluan pasaran semasa yang memerlukan modal insan profesional dan juga *global oriented*. Untuk memastikan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai *hub* pendidikan di rantau ini, perkara ini sudah tentu mengambil sedikit masa. Pelajar cemerlang perlu dihantar ke luar negara untuk mendapatkan pendedahan agar lebih matang dan bersedia apabila belajar di negara-negara maju.

Apabila pelajar tersebut tamat pengajian, sebahagian daripada mereka akan berkhidmat kembali ke dalam negara sebagai pekerja yang berkebolehan tinggi dan mempunyai kepakaran. Dalam keadaan cuaca ekonomi yang tidak begitu baik buat masa ini, untuk makluman Yang Berhormat, MARA mengambil beberapa langkah bagi memastikan jumlah tajaan pelajar tidak berkurangan walaupun peruntukannya agak terhad.

Antaranya ialah melalui pelaksanaan program kerjasama *twining program* antara Institusi Pendidikan MARA (IPMA) dan beberapa IPTS yang terpilih yang mempunyai rangkaian usaha sama program dengan universiti di luar negara. Dahulunya pelajar-pelajar akan dihantar terus ke luar negara untuk mengikuti pengajian sepenuh masa di sana. Bagi menghadapi kekangan keadaan ekonomi semasa, pelajar-pelajar akan membuat persediaan di dalam negara selama dua tahun setengah dan seterusnya di universiti luar negara yang terpilih bagi program ijazah sarjana muda.

Sebagai contoh, program doktor pergigian, *Foundation International Baccalaureate* (IB) di Kolej Mara Seremban selama dua tahun, ijazah sarjana muda di Melaka, Manipal Medical College selama dua tahun setengah dan kemudian kita hantar ke Manipal Academy of Higher Education, India selama dua tahun setengah. Jadi jumlahnya ialah tujuh tahun tempoh pembelajaran.

Bagi program *engineering* Tuan Yang di-Pertua, *foundation* di Kolej MARA Kuala Nerang, kita letakkan di sana selama satu tahun kemudian ijazah sarjana muda UniKL selama satu tahun seterusnya universiti terkemuka di UK selama tiga tahun. Bagi program-program perubatan, *foundation* kita letak di Kolej MARA Banting selama dua tahun. Ijazah sarjana muda di Penang Medical College selama dua tahun setengah dan diteruskan sama ada di Royal of Surgeon Island ataupun University College of Dublin untuk tempoh baki dua tahun setengah lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di kesempatan ini saya hendak ucapkan tahniah kepada MARA yang kini telah pun menyambut ulang tahun yang ke-50 dan selama ini benar MARA telah pun berjaya menabur bakti untuk anak bangsa sejak sekian lama dan telah berjaya merubah *destiny* anak bangsa ini. Berjuta orang telah pun memperoleh pelbagai faedah dengan kewujudan institusi seperti MRSM, Kolej MARA, GMI, MFI dan juga UniKL serta sudah tentulah pelbagai tajaan ke luar negara.

Soalan saya, memandangkan keadaan ekonomi ketika ini, keadaan semasa, adakah MARA bercadang untuk merasionalisasikan tajaan ke luar negara ini mengikut, memilih hanya negara-negara tertentu dan daripada segi kursusnya pula adakah MARA akan mengkaji semula kursus-kursus yang dipilih untuk dihantar pelajar-pelajar ini, contohnya kita difahamkan ketika ini terdapat lebih graduan daripada segi perubatan dan kekurangan pula graduan *accounting professional* seperti ACCA dan sebagainya. Jadi, adakah MARA berhasrat untuk mengkaji semula, terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Jerlun atas soalan tambahan dan saya juga ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Jerlun atas ingatan hari ulang tahun MARA pada 1 Mac yang lepas dan juga atas penghargaan yang telah diberikan untuk mengenang jasa-jasa yang banyak yang telah dilakukan oleh MARA kepada rakyat dalam negara ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan memandangkan kepada keadaan suasana ekonomi pada hari ini, ianya telah membuatkan pihak kementerian dan MARA untuk merancang sesuatu perkara yang boleh kita ubah suai balik tentang penajaan pelajar-pelajar kita ke luar negara.

#### ■1010

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulunya kita tengok daripada segi bidang perubatan contohnya, kita akan tertumpu kepada negara-negara tertentu. Akan tetapi mulai daripada sekarang, kita sudah mengurangkan contohnya pelajar-pelajar yang kita hantar ke UK.

Kita tumpukan ke India kerana kos sara hidup sudah tentu jauh berbeza antara UK dengan India. Juga kita melihat negara-negara lain seperti Rusia, kita hantar pelajar-pelajar kita di Moscow. Untuk rancangan masa-masa yang akan datang, kita akan terus mengurangkan secara berperingkat penghantaran pelajar-pelajar kita dalam bidang-bidang tertentu yang ada di setengah-setengah negara yang berkualiti tinggi daripada segi pembelajarannya, contohnya perubahan.

Seperti yang saya sebut tadi, kita kurangkan secara berperingkat-peringkat penghantaran ke UK. Kita akan mula tumpukan kepada negara-negara seperti India kerana kos sara hidup di India adalah rendah berbanding UK. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, kita dapat memberi peluang dan menghantar lebih ramai pelajar-pelajar kita untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, *twinning* program ini akan kita perhebatkan lagi. Ini kerana seperti yang saya sebut ada soalan asal tadi, kalau dahulu kita hantar pelajar ini apabila mereka cemerlang, dapat keputusan yang cemerlang dan memenuhi syarat pada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), kita terus hantar ke luar negara. Akan tetapi hari ini tidak, kita letakkan di universiti-universiti tempatan dan kemudian sebahagiannya dalam tempoh dua tahun setengah, barulah kita hantar ke luar negara. Ini juga sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita dapat memberi peluang dan ruangan yang lebih kepada pelajar-pelajar kita kerana permintaan ini bertambah daripada tahun ke setahun.

Kita yakin untuk dalam empat, lima tahun yang akan datang, permintaan atau permohonan untuk mendapatkan penajaan MARA ini akan semakin bertambah. Akan tetapi kita juga mesti melihat keadaan keupayaan kerajaan daripada segi ekonominya. Kalau dapat peruntukan yang lebih, kita akan hantar lebih. Walau bagaimanapun, apa yang sudah kita hantar itu kita tidak bercadang, apa pun kita ikhtiar kita tidak bercadang untuk mengurangkan jumlah yang kita hantar ke luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat Yang Berhormat Menteri di Perak, Gerik ada MRSM, Kuala Kangsar baru dapat MRSM yang baru, sungguh indah, begitu juga di Pasir Salak. Cuma soalan saya minta MARA buat perancangan, Oh! Yang Berhormat Bagan Serai kata pun MRSM tiada di Bagan Serai termasuklah— dia tumpang ini tidak apa kita kawan boleh tolong.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohonlah kepada MARA supaya membuat perancangan membangunkan satu MRSM khususnya di Parlimen Lumut ataupun Manjung. Saya bantu, Yang Berhormat Bagan Serai pun minta, saya rasa dia tidak dapat buat soalan tambahan. Kami-Arked MARA sudah cukup Yang Berhormat Menteri. Kita mohon sangat-sangat satu MRSM diwujudkan di Parlimen Lumut ataupun di Daerah Manjung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Lumut. Memang tidak dapat dinafikan, kalau kita lihat daripada jumlah permohonan pelajar-pelajar kita yang hendak masuk ke MRSM ini amat

tinggi Tuan Yang di-Pertua. Contohnya kita kalau tahun 2015, pelajar-pelajar yang cemerlang 5A kita tawarkan untuk menduduki MRSM.

Akan tetapi kita juga sedar dan ingat bahawasanya pelajar-pelajar di luar bandar ini ada sebenarnya yang mendapat 4A tetapi kita seharusnya memberi peluang kepada mereka. Mereka dapat 4A ini kerana bukannya mereka tidak berupaya untuk dapat 5A tetapi kerana keadaan kehidupan keluarga dan juga sokongan pembelajaran mereka miskin. Ada beberapa pelajar, yang juga ramai yang juga merayu walaupun mereka dapat 4A untuk kita serapkan ke MRSM dan juga kita bantu.

Untuk makluman Dewan yang mulia, kita bantu pelajar-pelajar tetapi kerana yang dapat 4A ini kita bantu untuk ke MRSM. Akan tetapi memandangkan kepada kedudukan tempat yang amat terhad ini, kita tidak dapat memenuhi permintaan mereka. Jadi saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat sahabat saya daripada Lumut. Memang kementerian sedang merancang untuk membina sebanyak mungkin MRSM. Akan tetapi memandangkan kepada keadaan ekonomi, kekangan pada masa kini, maka kita akan membuat kajian yang terperinci berkenaan dengan kawasan-kawasan yang kita perlukan untuk kita bina beberapa MRSM baru termasuk mungkin Yang Berhormat Bagan Serai kot, dia tidak sempat kemuka soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah berani yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi membetulkan keadaan nilai mata wang Ringgit yang masih merudum di pasaran dunia.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Kapar bertarikh 7 April 2016 memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang hampir sama iaitu mengenai langkah-langkah menstabilkan nilai ringgit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Chua Tee Yong:** Pada tahun 2015, Ringgit menyusut nilai sebanyak 18.6% berbanding Dolar Amerika Syarikat dan turut menyusut nilai sebanyak antara 8.4% hingga 14.7% berbanding mata wang serantau. Penyusutan nilai Ringgit dipengaruhi oleh faktor-faktor dalam dan luar negeri. Pertama, jangkaan dan susulan kenaikan kadar dasar Amerika Syarikat telah menyebabkan penyemakan semula aset portfolio dari pasaran sedang pesat membangun kepada aset kewangan Amerika Syarikat. Ini menyebabkan penambahan nilai Dolar Amerika Syarikat yang ketara berbanding dengan kebanyakan mata wang dalam pasaran sedang pesat membangun.

Kedua, kebimbangan yang semakin meningkat terhadap prospek ekonomi global termasuk negara China, di mana negara China merupakan pedagang utama negara kita telah menyebabkan meningkatnya penghindaran risiko oleh pelabur dan aliran keluar pelaburan portfolio yang lebih tinggi daripada pasaran sedang membangun.

Ketiga, Ringgit dan kebanyakan mata wang negara-negara pengeksport komoditi yang lain juga turut terjejas akibat kebimbangan terhadap kesan harga minyak mentah dan harga komoditi yang lebih rendah seperti getah dan kelapa sawit ke atas kedudukan ekonomi negara-negara asing termasuk Malaysia. Akhirnya ketidakpastian yang disebabkan oleh perkembangan domestik juga telah memberi kesan sentimen yang negatif terhadap Ringgit.

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah untuk menstabilkan nilai mata wang ringgit.

- (i) Kerajaan telah berusaha untuk membantu mengurangkan kesan aliran keluar ke atas nilai Ringgit. Ini termasuklah melaksanakan langkah-langkah yang menggalakkan syarikat berkaitan kerajaan untuk membawa balik hasil eksport dalam mata wang asing dan jika perlu mengehendkan aliran keluar dana;
- (ii) pelaksanaan cadangan daripada Majlis Eksport Negara; dan
- (iii) memperkenalkan langkah-langkah proaktif yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Khas Ekonomi.

Kerajaan juga telah berkomunikasi dan pertemuan dengan penganalisa, pelabur dan agensi penarafan antarabangsa yang juga telah dipertingkatkan untuk mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

Pada mulanya terdapat salah tanggapan bahawa Malaysia sangat terdedah kepada kesan penurunan harga komoditi. Melalui perbincangan dan interaksi yang aktif, kerajaan telah menjelaskan bahawa ekonomi Malaysia telah ditransformasikan untuk menjadi lebih pelbagai dan tidak terlalu bergantung kepada sektor komoditi. Sektor komoditi kini hanya menyumbang sebanyak 18% daripada KDNK Malaysia manakala hasil minyak pula hanya menyumbang kira-kira 22% daripada sumber hasil kerajaan pada tahun 2015. Disebabkan juga oleh sumber pertumbuhan dan hasil kerajaan yang lebih pelbagai, Malaysia masih terus dapat menikmati pertumbuhan ekonomi yang positif antara yang tertinggi di rantau ini.

Sementara defisit fizikal terus kekal di landasan konsolidasi. Ini telah membantu dalam mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia dan mengelakkan aliran keluar dana. Sebagai contoh, susulan penemuan oleh kerajaan yang menegaskan komitmen untuk mengekalkan sasaran defisit fizikal dalam pengubahsuaian Bajet 2016, ianya telah menyebabkan reaksi pasaran yang positif pada ketika itu.

#### ■1020

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sejak Januari 2016, Ringgit telah menambah nilai berbanding Dolar Amerika Syarikat sebanyak 10 peratus dan kebanyakan mata wang utama dunia. Ringgit juga menambah nilai berbanding mata wang serantau antara lima hingga 9.9 peratus. Walaupun langkah-langkah untuk menstabilkan nilai mata wang Ringgit telah membantu dalam pengukuhan ekonomi negara kita, harus diketahui bahawa persekitaran global masih tidak

menentu kerana ketidakpastian dasar monetari ekonomi maju dan juga harga trend minyak mentah global. Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab begitu teknikal.

Kita tahu bahawa pengukuhan USD Dolar juga menjadi di antara punca kenapa mata wang kita dan juga negara-negara lain dalam keadaan yang sedemikian. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, kita, Malaysia di antara negara di Asia yang amat terkesan walaupun negara-negara lain menghadapi masalah yang sama.

Jadi, yang lebih parah lagi ialah, yang di bawah sana, bukan sahaja masalah nilai Ringgit kita turun tetapi ditambah dengan GST dan lain-lain. Ini menyebabkan kuasa membeli rakyat Malaysia ini amat terkesan. Kita melihat walaupun Menteri Pelancongan mengatakan apabila ringgit turun ini memberikan manfaat untuk pelancong masuk, tetapi kalau dibandingkan dengan manfaat pelancong masuk dengan apa yang rakyat terpaksa hadapi khususnya apabila Ringgit kita turun, harga yang terpaksa kita belanjakan, oleh kerana kita eksport terlalu banyak, menjadi begitu mahal.

Jadi soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah berkemungkinan kah kalau keadaan ini berterusan, inflasi akan terjadi dan ini akan terkesan lagi kepada rakyat di bawah? Apakah langkah-langkah yang amat drastik yang satu masa dahulu kita pernah buat di mana kita *cut* pemborosan, kita potong perbelanjaan pada Menteri dan juga menteri-menteri, pegawai-pegawai kerajaan, pegawai kanan, kita buat sungguh-sungguh supaya akhirnya ekonomi kembali stabil dan apabila stabil itu, saya rasa barulah kita boleh lepas sedikit demi sedikit. Harus ada suatu yang drastik dilakukan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Nombor satu, dari segi mengapa Ringgit menurun lebih daripada negara-negara ASEAN yang lain. Ini kerana di negara ASEAN, kecuali negara Brunei di mana mereka telah *pegged* nilai mata wang mereka dengan *Singapore Dollar*, kita merupakan salah satu negara yang eksport minyak kalau dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain dan ini ditambah pula dengan nilai harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah menghadapi cabaran.

Pada masa sekarang, kita mengetahui walaupun terdapat pendapat yang mengatakan mungkin sektor pelancongan dapat dirangsang dengan penurunan Ringgit, tetapi kita lihat dengan jelas terutamanya walaupun terdapat penurunan harga komoditi minyak kepala sawit dan getah, dari segi eksport atau *trades surplus* kita masih meningkat. Menurut data yang saya ada, *trade surplus* pada tahun 2014 adalah RM82 bilion dan tahun 2015 adalah sebanyak RM94 bilion.

Maka, kita mengetahui bahawa walaupun terdapat kesan dari segi inflasi, tetapi baru-baru ini kita juga dapat melihat pengukuhan nilai mata wang Ringgit. Kita berharap trend ini dapat diteruskan dan ini tentu dapat mengurangkan dari segi kadar inflasi.

Dari segi pelaksanaan GST, ada yang mengatakan GST membawa inflasi, tetapi mengikut Bank Negara, dari segi peningkatan khususnya untuk CPI adalah sebanyak 0.7 peratus. Ini menunjukkan bahawa langkah-langkah kerajaan untuk memperkenalkan khususnya barang yang dikecualikan, barang yang dikenakan kadar sifar dapat menolong dari segi mengurangkan impak pelaksanaan GST.

Untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan, kerajaan telah mengumumkan pengubahsuaian bajet di mana dari segi *operating expenditure* atau perbelanjaan mengurus telah diturunkan khususnya untuk mengekalkan defisit fiskal negara kita dan baru-baru ini juga terdapat pengumuman di mana terdapat pengurangan dari segi elaun kerajaan dan sebagainya khususnya untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan. Sekian, terima kasih

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, *inflation* atau inflasi barang-barang di negara kita atas isu harga. Ini masalah sekarang apabila inflasi Ringgit kita. Apabila kita sekarang Ringgit sudah jadi RM3.88 mungkin RM3.89, tetapi awal daripada itu, Ringgit pada RM4.50 atau RM4.30 tapi itu harga barang-barangan, dia ada ikut itu *rate*. Sekarang Ringgit kita sudah turun, dia ikut *rate*. Apabila itu Ringgit naik, dia tidak kira sudah, itu barang harga sudah tetap itu. So, apa tindakan dan cadangan untuk menyelesaikan ini isu? Itu satu.

Isu kedua, *trade relation* sama negara China. Kita sudah cerita lama, panjang lebar, tetapi sampai hari ini kita tidak nampak lagi ada hasil. Saya yakin, walaupun negara China akan membantu kenaikan ataupun *stabilize* mata wang kita tetapi saya mahu tanya bila dapat dimeterai melalui...? Bila? Apabila rakyat tanya, kita cerita panjang lebar. Ada kata kita *trade* tidak payah guna US Dolar, kita boleh guna Renminbi. Dua-dua pemimpin negara masing-masing sudah setuju tetapi akhirnya kita tidak nampak hasilnya. Sampai hari ini pun tidak ada.

Isu ketiga, adakah *trade relation* dengan Amerika boleh menstabilkan Ringgit melalui TPPA? Rakyat tanya, sampai hari ini tidak nampak lagi.

Isu keempat, masalah... [Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Banyak isu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini masalah pembangkang, selalu kata harga naik, tetapi kita mesti mahu ada satu jawapan yang jelas kepada rakyat, tepat sekali, kali-kali bila Ringgit naik sedikit, Gabenor Bank Negara kongkalikung, cerita lagi wang 1MDB, RM2.6 bilion, besok Ringgit turun lagi. Kenapa Kementerian Kewangan tidak boleh menyelesaikan isu ini bersama Gabenor Bank Negara? Kalau tidak bagus, buang sama dia. Dua kali lima punya cerita, hari-hari buat orang pening. Kalau kata cerita 1MDB semua ada siasatan, siasatanlah, apa guna cerita lain? Ceritalah negara punya ekonomi yang terbaik daripada Amerika masuk negara kita. Bila ada forum, dia kata Malaysia punya ekonomi memang lagi boleh bertahan. Tetapi Gabenor kongkalikung, hari-hari kata masalah macam-macam.



Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab baik-baik. Jangan kongkalikung punya jawapan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga harap soalan jangan kongkalikung lah.

Nombor satu Yang Berhormat Bintulu, dari segi inflasi, kita mengetahui bahawa pada, sebagai contoh Disember 2015, kadar pertukaran mata wang asing dengan Dolar Amerika Syarikat dengan mata wang Ringgit Malaysia adalah sebanyak RM4.29. Pada April baru-baru ini, adalah sebanyak RM3.90. Akan tetapi, dari segi pedagang-pedagang atau dari segi peniaga-peniaga yang kita telah temui, kita mengetahui bawah kebanyakan barang-barang yang telah dibeli adalah mengikut kadar mata wang yang lepas di mana trend pengukuhan ini mengambil masa di mana pada masa sekarang. Maka kita berharap, kalau trend pengukuhan ini berterusan, maka kita boleh melihat dari segi trend terutamanya barangan import mungkin dari segi harganya akan bertambah lebih murah. Ini tentu akan membantu dari segi mengurangkan kadar inflasi yang dihadapi oleh negara kita.

■1030

Dari segi perdagangan dengan negara China dan negara Amerika Syarikat sebenarnya dia khusus di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan negara China hari ini ada soalan nombor 6.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

**Datuk Chua Tee Yong:** Bukan ada soalan nombor 6 khususnya untuk negara China di mana senarai-senarai syarikat yang akan melabur di Malaysia dan nilainya semenjak tahun 2009. Ini merupakan soalan seperti yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Bintulu dan dari segi *trade relations* dengan negara Amerika Syarikat melalui pelaksanaan TPPA, ini merupakan awalnya di mana ia belum dilaksanakan.

Ia merupakan sesuatu yang dibincangkan, dimeterai dan kita yakin dengan adanya lebih banyak dari segi pedagang-pedagang atau negara-negara yang mempunyai *trade relations* atau tarif yang kurang ia tentu akan membantu dari segi eksport kita dan kalau eksport kita menambah khususnya *trade surplus* ia tentu akan membantu dalam pengukuhan nilai mata wang Ringgit. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita merasa cukup lega sekali kerana Ringgit Malaysia telah didagangkan dengan begitu tinggi sekali berbanding dengan, dengan izin *a basket of other currencies*. Misalnya dengan USD, dengan Pound Sterling, dengan Yen, dengan Singapore Dollar dan juga dengan Euro.

Kita dapat lihat walaupun satu ketika dahulu wang kita jatuh dengan begitu kuat sekali tetapi kini Ringgit kita semakin mengukuh sebanyak 12% pada tahun ini dan kita dagangkan pada hari ini, kita dapat satu peningkatan yang cukup baik sekali iaitu berada pada tahap RM3.86 dan wang kita menjadi *The Best Performer* in Asia tahun 2016. [*Tepuk*]

Jadi apa yang saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, apabila satu perdagangan wang Ringgit ini kita kena lihat dalam satu jangka masa 52 minggu ataupun setahun, kita tengok *high* dan *low* di mana paras tertinggi kita adalah pada Ringgit pertukaran kita pada tahap RM3.51 dan yang paling teruk sekali kita pernah kena sebanyak RM4.48 di mana ada perbezaan lebih kurang 94 sen di situ.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan daripada *economic fundamental* dalam negara kita dan juga persekitaran global pada ketika ini, adakah kadar pertukaran kita bersesuaian mengikut apa yang saya sebut iaitu *economic fundamental* kita dan apakah paras yang lebih optimal lagi dan bersesuaian? Kalau kita lihat dalam masa yang sama adakah Bank Negara bercadang untuk mengambil tindakan membuat satu persediaan satu dana bagi memastikan supaya kita dapat terus mempertahankan Ringgit kita dalam apa juga serangan seperti apa yang dibuat oleh Singapura?

Kita tengok Tuan Yang di-Pertua, saya terperanjat tengok pada hari ini tukaran wang kita telah semakin mengukuh dan rizab negara kita telah mencatat sebanyak RM412.3 bilion dikata bersamaan dengan USD 96 bilion. Sepatutnya kalau pertukaran kita di bawah RM4.00, sepatutnya rizab kita mestilah 100 bilion lebih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya dari segi ramalan kadar nilai mata wang Ringgit dengan nilai mata wang Amerika Syarikat sebenarnya tiada ramalan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Kita sentiasa memastikan dari segi pertukarannya tidak mempunyai penurunan ataupun peningkatan secara mendadak. *Role* dari segi Bank Negara adalah khususnya untuk *smoothen*, dengan izin *exchange rate* dengan Negara Amerika Syarikat atau nilai-nilai mata wang serantau.

Dari segi *economic fundamentals* seperti yang ditanyakan oleh Yang Berhormat kita jelas menunjukkan bahawa dengan kadar pertumbuhan yang dicatatkan pada tahun 2015 iaitu 5% dan kadar pertumbuhan yang positif khususnya antara 4% hingga 4.5%, ini menunjukkan bahawa negara kita masih dalam keadaan yang stabil dan landasan yang betul di mana dari segi kadar pelaburan atau FDI telah juga meningkat pada tahun 2014 sebanyak RM35 bilion, dia telah meningkat hingga RM39 bilion.

Selain daripada itu, kebanyakan penganalisa antarabangsa atau *rating agencies* masih memberi rating yang stabil untuk negara Malaysia ditambah juga kalau kita lihat dari segi Bon Negara Malaysia atau *Malaysian Government Securities* ia masih mencatat boleh dikatakan *holding* yang tinggi oleh pelabur asing. Ini menunjukkan bahawa mereka juga mempunyai keyakinan terhadap ekonomi negara Malaysia. Sekian, terima kasih.

**3. Datuk Raime bin Unggi [Tenom]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sasaran Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) jumlah syarikat milik usahawan muda Bumiputera yang menembusi pasaran eksport setiap tahun, terutama menerusi program Generasi Pengeksport Baharu (GenEX).

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam

1Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Tenom. Dalam usaha untuk meningkatkan eksport negara penyertaan dari syarikat milik usahawan muda juga diberikan perhatian.

Selain daripada Program Pembangunan Pengeksport Belia, MATRADE turut menjalankan kolaborasi strategik bersama badan-badan bukan kerajaan, NGO bagi menggalakkan penyertaan usahawan generasi muda mengakses pasaran antarabangsa. Contohnya pada 22 Disember 2015, satu MoU telah ditandatangani oleh MATRADE dan Pertubuhan Usahawan Generasi Muda Berjaya Malaysia (GMB).

Kerjasama ini bertujuan untuk menjayakan program generasi pengeksport baharu (GenEX) yang melibatkan syarikat milik usahawan belia. Seperti peningkatan kapasiti melalui latihan dan seminar merangkumi aspek-aspek yang bersesuaian untuk meningkatkan daya saing dan ilmu berkaitan eksport bagi memudahkan proses penyertaan peserta dalam program sedia ada di MATRADE.

Selain itu dalam menggalakkan penyertaan usahawan termasuk usahawan muda bumiputera, MATRADE juga melaksanakan pelbagai program bagi menggalakkan peningkatan eksport. Bagi tahun 2016, MATRADE sedang melaksana dan merancang 150 program yang terdiri daripada promosi pasaran dan pembangunan pengeksport. Program pembangunan pasaran merangkumi aktiviti seperti pameran perdagangan luar negara, misi pemasaran khusus, Program Penyumberan Antarabangsa, Geran Pembangunan Pasaran serta program pameran perdagangan peringkat antarabangsa yang dianjurkan di dalam negara iaitu *International Trade Malaysia In-trade* dan *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*.

Di samping itu MATRADE juga memberi tumpuan kepada program berimpak tinggi bagi terus mengukuhkan daya saing PKS atau SME. Antaranya:

- (i) Program Syarikat Tingkat Pertengahan atau Mid-Tier Companies;
- (ii) Going Export atau GoEX;
- (iii) Program eTRADE yang melibatkan e-Dagang atau e-Pemasaran;
- (iv) Dana Eksport Sektor Perkhidmatan (SEF);
- (v) Best Exporters Programme;
- (vi) Large Corporations and SME Partnership, dengan izin untuk syarikat besar membantu PKS;
- (vii) Promosi 1Malaysia; dan
- (viii) Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera dan Wanita.

Terima kasih.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan tadi. Kita melihat bahawa hari ini kerajaan kita untuk menyertai pengusaha-pengusaha belia dalam program generasi pengeksport baharu ini begitu rancak sekali dan saya melihat banyak program yang telah dilaksanakan oleh pihak MITI sendiri.

Saya tertarik dengan apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan eTRADE tadi, eTRADE. Saya ingin bertanya soalan tambahan saya

berkenaan dengan eTRADE ini, Tuan Yang di-Pertua, apakah inisiatif dan juga perkembangan dalam pelaksanaan program eTRADE ini terutamanya yang tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan usahawan perusahaan kecil dan juga sederhana? Begitu juga dengan usahawan-usahawan belia, bagaimanakah, apakah inisiatif yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan kepada program-program ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih, Yang Berhormat Tenom. Program eTRADE secara khusus ditanyakan. Ia adalah program untuk menggalakkan PKS sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera mengeksport secara atas talian, *online*.

■1040

Program ini dilaksanakan di bawah inisiatif Digital Malaysia dan kita membantu PKS menyenaraikan produk dan perkhidmatan kita melalui *e-marketplaces* antarabangsa yang terkemuka. Sebagai contoh jika kita ingin memasarkan satu produk, kita boleh mendaftar diri di [www.matrade.gov.my](http://www.matrade.gov.my). Itu adalah portal MATRADE, [www.matrade.gov.my](http://www.matrade.gov.my). Di situ ada satu seksyen yang dipanggil sebagai eTRADE, kita memberikan geran sejumlah RM2,500 kepada syarikat-syarikat yang kita fikir layak mempunyai kapasiti untuk pengeksportan melalui atas talian dan kita memberikan geran itu sebanyak RM2,500 untuk syarikat berkenaan disenaraikan di dalam *golden package, gold package listing* di bawah *alibaba.com* misalnya, sebagai satu contoh sebuah syarikat yang mengikuti eTRADE itu dan kita bantu menjual gula Melaka. Jualannya sehingga RM3 juta setelah masuk dalam *gold listing alibaba.com*. Itu sebagai contoh yang kita maksudkan sebagai *e-marketplaces* ataupun *e-marketing* ini. Ia adalah trend penjualan peringkat antarabangsa, dalam dan luar negara pada ketika ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelebu. Hampir tidak ternampak Yang Berhormat.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya berkaitan dengan persiapan kerajaan khususnya MITI dan juga MATRADE dalam menghadapi pelaksanaan TPPA dalam tempoh setahun, dua akan datang. Jadi bagaimana, apakah program-program yang disebutkan tadi itu merupakan sebahagian daripada kerangka mempersiapkan SME-SME kita, pedagang-pedagang kita bagi untuk *participate* dengan lebih berkesan, berjaya dan berdaya saing apabila TPPA berkuat kuasa nanti atau ada langkah-langkah lain yang akan dilakukan oleh kerajaan bagi menjamin kita, peniaga kita, SME kita, bumiputera kita berjaya melalui persaingan yang di negara lain, bukan sekadar dalam negara kita tetapi menguasai pasaran-pasaran dunia luar yang terlibat dengan TPPA itu.

Jadi minta penjelasan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan persiapan ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jelebu, kita ada lebih kurang dua tahun lagi untuk melaksanakan. Jika TPPA dipersetujui semuanya terutama oleh Amerika Syarikat. Persiapan kita adalah untuk menambah

kekuatan syarikat-syarikat pengeksport kita. Saya ingin kongsi angka-angka berapa jumlah syarikat pengeksport di Malaysia ini, berapa jumlah. Jumlahnya 16,655 buah syarikat dan bumiputera cuma 30%, Tuan Yang di-Pertua daripada 16,655 itu iaitu 4,839 syarikat. Bukan bumiputera, 10,648 syarikat ataupun 66% pengeksport dan syarikat-syarikat asing ada 542 syarikat atau 3.9% daripada pengeksport. Jadi kita ingin mengukuhkan segalanya 16,655 ini kita ingin kukuhkan.

Pada ketika yang sama apabila kita menyebut PKS, Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME), jumlahnya ada lebih kurang 645 ribu syarikat. Pengeksport cuma 16,655. Jadi 645 ribu syarikat PKS Malaysia itu kita perlu latih mereka dan mengukuhkan mereka untuk menjadi syarikat-syarikat pengeksport dan senarai lapan yang saya sebut tadi itu antara program dan kita akan terus meningkatkan program-program bukan hanya oleh MATRADE dan MITI tetapi sudah tentunya oleh kementerian-kementerian yang lain secara bersepadu di bawah konsep NBOS, *National Blue Ocean Strategy*. Terima kasih.

**4. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kerajaan bersedia untuk memanfaatkan fungsi Lembaga Penapisan Filem memastikan filem yang ditayangkan kepada umum menepati syariat Islam.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman, Lembaga Penapis Filem, Kementerian Dalam Negeri adalah bertanggungjawab bagi melaksanakan penapisan semua jenis filem yang akan disiarkan, dipamerkan, disebar, ditayangkan, diedarkan dan dipancarkan di Malaysia selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Penapisan Filem 2002 (Akta 620). Lembaga Penapis Filem melaksanakan tugas penapisan filem dengan berpandukan kepada garis panduan penapisan filem Kementerian Dalam Negeri yang menggariskan empat aspek utama yang perlu diberi perhatian iaitu:

- (i) keselamatan dan ketenteraman awam;
- (ii) keagamaan;
- (iii) sosiobudaya; dan
- (iv) ketertiban dan ketatasusilaan.

Mana-mana filem yang kandungannya secara keseluruhan bertentangan dengan mana-mana aspek dalam garis panduan penapisan filem tersebut, tidak akan diluluskan untuk disiarkan, dipamerkan, disebar, ditayangkan, diedarkan atau dipancarkan di Malaysia. Dalam melaksanakan tugas penapisan ini juga Lembaga Penapis Filem mengambil kira hakikat bahawa masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama. Oleh yang demikian, penapisan sebuah filem adalah mengambil kira keperluan masyarakat majmuk.

Bagi filem yang berunsurkan agama Islam, penekanan adalah diberikan terhadap kandungannya supaya tidak bercanggah dengan pegangan penganut agama Islam di Malaysia. Untuk maksud itu, Lembaga Penapis Filem mengguna pakai Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan

Islam (JAKIM) sebagai rujukan. Ini buku dia. *[Menunjukkan buku garis panduan yang dimaksudkan]* Yang Berhormat boleh dapat di JAKIM ya. Ada banyakkah dia punya peraturannya, saya tidak akan sebut di sinilah.

Saya juga ingin menyebut di sini bahawa kita telah membuat kajian cara penapisan yang dibuat di negara-negara jiran. Sebagai contoh di Singapura, media daripada mana *Authority of Singapore* mengambil peranan dalam menapis filem dan tujuan mereka atau cara mereka melaksanakan penapisan filem adalah menggunakan piawaian klasifikasi kandungan untuk membantu pengguna membuat pilihan media. Maksudnya dia berikan pilihan kepada penonton untuk memilih kandungan media yang mereka hendak tonton. Sebab itu dia bagi *rating* 13 tahun untuk umum dan juga untuk yang terhad.

Di Indonesia, Lembaga Sensor Film menjalankan tanggungjawab menapis filem dan penapisan filem di Indonesia adalah untuk bertujuan mengembangkan perfileman negara tersebut. Antara aspek utama tapisan yang digunakan di Indonesia adalah yang berkenaan dengan kekerasan, pornografi, suku kaum, agama, hukum, harkat dan martabat manusia dan juga usia penonton filem. Mereka juga menggunakan klasifikasi filem untuk tujuan penapisan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bachok.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih pada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang panjang lebar. Saya merasakan FINAS ini sebagai Lembaga Penapisan Filem bukan setakat perlu untuk menapis filem-filem yang akan ditayangkan dalam negara kita walaupun itu dipertikaikan juga dari segi *enforcementnya*. Perlu juga FINAS sebagai badan yang ber*authority* untuk mengeluarkan pandangan ataupun *statement* terhadap filem-filem dan pembikinan yang kontroversi. Sebagai contoh saya mengambil filem yang bertajuk 'Muhammad' yang dihasilkan pada hujung tahun lepas oleh pengarah filem Majid Majidee yang menelan belan RM164 juta dengan kerjasama Kerajaan Iran. Ini mendapat bantahan daripada seluruh umat Islam daripada seluruh dunia kerana bertentangan dengan prinsip agama yang Nabi SAW *[Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab]* yang bermaksud; "*Barang siapa menyandarkan satu fakta kepalsuan kepada batang tubuhku, maka Allah tempah baginya satu tempat dalam neraka*".

Jadi walaupun tidak ditayangkan di Malaysia tetapi pengguna dan rakyat dalam negara kita boleh *download* daripada internet dan ini juga perlu pada garis panduan daripada pihak JAKIM bagi mendidik masyarakat yang mana filem yang sepatutnya ditonton dan mana filem yang bertentangan dengan prinsip agama perlu di jauhi. Begitu juga jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa syarat-syarat yang telah pun diletakkan dengan begitu ketat untuk tayangan filem di Malaysia. Tapi kalau kita merujuk kepada dan kita melihat filem-filem dan drama yang ditayangkan dalam *channel-channel* TV kita termasuk *channel* Astro, ada unsur tahyul yang sangat melampau yang dibikin dalam negara kita dan juga pembikin tersebut daripada negara jiran ditayangkan oleh Astro.

## ■1050

Jadi, saya rasakan ia perlu pihak KDN memperhalusikan perkara ini dan melihat secara lebih komprehensif dan holistik terhadap penyebaran filem-filem yang bertentangan dengan prinsip agama ini. Soalan saya ialah apakah pihak FINAS, apa *indicator* yang digunakan dalam mengukur kejayaan dan gagalnya sesebuah filem itu. Adakah alasannya sekadar pecah panggung baru berjaya ataupun di sana ada visi dan juga mesej yang murni yang ingin disampaikan kepada rakyat Malaysia melalui pembikinan filem-filem ini. Kerana kita perlu ingat pembikinan filem ini jugalah yang menjadi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bolehlah itu Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** ...medium untuk sebaran dakwah dan juga perkara yang tidak sepatutnya dan juga bertentangan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu pun saya tegur.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Saya rasa ada kekeliruan yang timbul di sini. Kementerian Dalam Negeri hanya bertanggungjawab kepada Lembaga Penapisan Filem. Itu di bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri. FINAS, soalan Yang Berhormat utarakan kepada saya itu tidak berkenaan dengan kementerian saya. Itu berkenaan dengan Kementerian Komunikasi.

Saya hendak terangkan di sini Lembaga Penapisan Filem (LPF), kita tapis kandungan filem. FINAS terlibat dalam aktiviti mengembangkan industri perfileman. Jadi, itu saya rasa Yang Berhormat kena jelaskan hal ini. JAKIM pula kerjanya untuk memberi nasihat kepada FINAS dan juga kepada LPF tentang perkara-perkara yang boleh memesongkan akidah dan sebagainya dalam kandungan filem yang berkenaan.

Jadi, saya pun ingin tambah sedikit lagi ya. Ada beza di antara filem yang ditayangkan di panggung wayang dan juga di TV. TV maknanya TV1, TV2, TV *terrestrial*. Ada bezanya dengan filem yang ditayangkan secara *subscription* seperti Astro dan sebagainya. Ada juga filem yang dimuat turun dalam internet yang menyukarkan kementerian untuk hendak membuat penapisan filem. Jadi, perkara ini isunya yang berkenaan dengan KDN hanyalah berkenaan dengan kandungan yang ditapis oleh LPF untuk kegunaan di stesen TV *terrestrial* dan juga di Astro. Akan tetapi itu pun ada kelonggarannya dan kita tidak bertanggungjawab pada apa-apa kandungan filem yang dimuat turun ataupun disiarkan secara dalam internet daripada punca antarabangsa. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Fungsi LPF ini ialah untuk melaksanakan dasar penapisan dan menapis filem untuk Malaysia. Jadi, akta pertama yang digunakan ialah Akta Filem Sinematografi 1992 dengan pindaan 1996 diikuti oleh Akta Penapisan Filem 2002 iaitu Akta 620 yang mana berkuat kuasa sehingga hari ini. Sudah lama itu, 15 tahun.

Jadi, saya ingin bertanya sejauh manakah pihak kementerian melaksanakan penguatkuasaan bagi seksyen 16 pembuatan pendua filem dalam Akta Penapisan Filem 2002 kerana dilihat semakin banyak pihak yang melakukan aktiviti pendua filem ini demi untuk untung peribadi. Pergi tengok wayang dan sebagainya dibuat filem, lepas itu dia jual. Jadi, dia buat untung dekat situ. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian terhadap pihak penerbit yang gagal mengikut garis panduan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya kurang faham soalan tersebut kerana kalau cerita pasal pendua filem itu penciplak lah katakan, dia di bawah penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan. Bukan bawah Kementerian KDN. Cuma saya hendak jelaskan di sini. Mungkin kalau orang tidak faham mengenai isu penapisan ini, sebenarnya cara kita di LPF untuk menapis kandungan filem adalah berkenaan dengan mendidik pengguna iaitu penonton filem itu supaya ia boleh membuat pilihan yang baik.

Kalau kita hendak mengongkong semua kandungan yang dikeluarkan oleh penerbit filem ini tidak akan memberikan satu pendidikan yang baik atau satu budaya yang baik bagi penonton filem di negara kita ini. Kita juga hendak memberikan mereka ruang untuk membuka minda dan sebagainya. Sebab itu kita ada *engagement* dengan pihak-pihak seperti JAKIM, Persatuan Hindu Sanggam dan Church, gereja dan sebagainya untuk mereka memberikan input kepada kita bagaimana kita boleh memperbaiki undang-undang yang kita ada dan juga amalan yang kita ada di LPF supaya ia akan dapat sentiasa diperbaiki mengikut masanya dan dengan tujuan untuk mendidik penonton-penonton filem.

Akan tetapi pada waktu yang sama kita juga memantau kalau ada filem-filem yang mempunyai kandungan yang berkenaan dengan keganasan yang boleh memperkasakan ISIS sebagai contoh. Ini kita akan ambil tindakan yang lebih berat untuk hendak pastikan bahawa filem-filem seperti ini tidak disebar di negara kita. Terima kasih.

**5. Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang mewujudkan aplikasi pendaftaran e-Kasih dalam bentuk Mobile Apps (Android & IOS) bagi menggalakkan pendaftaran e-Kasih lebih mudah.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Menjawab bagi pihak ICU, kerajaan telah mewujudkan sistem e-Kasih sebagai satu Pangkalan Data Kemiskinan Nasional yang bertujuan untuk mengklasifikasikan kategori golongan miskin di Malaysia sama ada mereka tergolong dalam kalangan miskin tegar, miskin atau terkeluar berlandaskan paras garis kemiskinan sedia ada.

Prosedur pendaftaran ke atas sistem e-Kasih perlu dilengkapi dengan verifikasi kes di lapangan yang akan dijalankan oleh pembanci kemiskinan dengan menggunakan borang banci isi rumah miskin sebelum memasukkan data ke dalam sistem e-Kasih dilakukan. Proses verifikasi maklumat di lapangan perlu dilakukan untuk mengelak ketirisan dan pemalsuan maklumat yang diberi oleh pemohon e-Kasih. Justeru itu, integriti data e-Kasih akan dapat dipelihara dan



sentiasa berada di tahap yang boleh dipercayai untuk digunakan oleh semua agensi pemberi bantuan.

Pada masa ini, proses pendaftaran e-Kasih berjalan dengan lancar dan tidak menghadapi masalah yang besar dalam melaksanakannya. Sehubungan dengan itu, kerajaan belum bercadang untuk mewujudkan aplikasi pendaftaran e-Kasih dalam bentuk *Mobile Apps (Android & IOS)* dan prosedur sedia ada dilihat masih relevan. Walau bagaimanapun, bagi tujuan proses pemutihan data sedia ada pihak kerajaan telah menggunakan aplikasi atas talian secara *mobile application* yang mana data-data serta maklumat-maklumat isi rumah miskin yang telah didaftarkan di dalam e-Kasih boleh dikemas kini di lapangan semasa sesi lawatan turun padang, *revisit* dibuat. Inisiatif ini dilihat dapat menjimatkan masa dan memberi impak serta kepada kumpulan sasaran. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat setakat ini pendaftaran e-Kasih dibuat melalui manual dan banyak juga rakyat kita yang miskin masih tercicir daripada cara yang kita pergi turun padang dan juga dalam talian *revisit* kita tadi. Maka, kita memohon kepada pihak kerajaan kalau boleh membuatkan langkah-langkah yang lebih manfaat lagi seperti yang kita cadangkan bersifat membantu rakyat dan berinformatif diwujudkan. Apakah inisiatif kerajaan untuk menggalak pembangunan aplikasi dari segi insentif dan dana untuk pembangunan supaya banyak rakyat kita di luar bandar yang miskin itu tidak tercicir. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Kalau kita tengok dalam statistik status kemiskinan sehingga 31 Mac 2016, kita tengok di Sarawak sebagai contoh 111,250 orang, miskin tegar - 30,110 orang, miskin - 35,552 orang, mudah miskin - 6,771 orang, terkeluar - 38,817 orang. Jadi, sebenarnya Yang Berhormat Sibuti apa yang telah Yang Berhormat Sibuti nyatakan itu memang terutama sekali sekarang kalau kita lihat dalam aspek teknologi maklumat banyak beranggapan bahawa ini suatu jalan yang lebih mudah bagi kerajaan.

#### ■1100

Akan tetapi soalan yang perlu kita tanya juga Yang Berhormat Sibuti ialah, adakah bila kita menggunakan sistem teknologi maklumat, adakah kawasan-kawasan yang di luar sana dalam pedalaman boleh menerima sistem komunikasi yang begitu canggih supaya data-data yang dimasukkan dalam aplikasi itu menjadi satu data yang begitu tepat dan pada masa yang begitu cepat. Walau bagaimanapun, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) melancarkan GAMMA atau Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia iaitu satu aplikasi mobil sektor awam mampu bekerjasama dengan MDEC untuk meningkatkan latihan dan keperluan dalam pembangunan aplikasi mobile sektor awam.

Di samping itu untuk meningkatkan kepakaran dalam aplikasi mobile kerajaan. Jadi bagaimanapun, keputusan kerajaan dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, perlu kita mengambil kira bahawa tidak akan berlakunya secara tidak langsung berlakunya kezaliman kepada rakyat, yang mana ada yang tertinggal disebabkan adanya sifat-sifat yang tidak boleh dipercayai oleh

individu bila mereka mendaftarkan diri mereka dalam proses eKasih. Jadi, verifikasi maklumat itu akan menjadi satu ukuran yang begitu penting. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah SOP yang telah diguna pakai oleh pihak kementerian untuk penentuan paras garis kemiskinan, sebab dengan keadaan peningkatan kos hidup yang sekarang ini, sudah tentulah paras kemiskinan itu perlu disemak balik. Jadi, apakah SOP yang telah digunakan oleh pihak kementerian untuk menentukan paras garis kemiskinan sama ada golongan miskin atau miskin tegar atau mudah miskin dan apakah ada perbezaan penentuan paras kemiskinan antara penduduk bandar dan luar bandar. Minta penjelasan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Rantau Panjang. Sebenarnya, saya tidak ada jawapan pada soalan itu tetapi boleh memberi jawapan bertulis kerana soalan pada hari ini adalah berkenaan dengan sistem *mobile application*. Walau bagaimanapun, ingin saya menyatakan daripada jumlah kemiskinan yang disahkan seluruh negara setakat 31 Mac 2016, jumlahnya ialah 552,888 orang.

Daripada jumlah ini, kalau kita tengok Yang Berhormat Rantau Panjang, Kelantan boleh dilihat antara negeri yang paling tinggi dalam kategori pemohon kepada eKasih iaitu jumlahnya 80,316 orang, miskin tegar 13,203 orang, miskin 36,298 orang, mudah miskin 8,288 orang, terkeluar 22,527 orang. Jadi dalam soalan Yang Berhormat Rantau Panjang kepada dua, berkenaan dengan paras garis kemiskinan dari segi SOP dan juga perbezaan antara bandar dan luar bandar akan saya bagi jawapan bertulis. Terima kasih.

**6. Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) senarai syarikat dari negara China yang telah melabur di Malaysia dan nilainya semenjak 2009 hingga sekarang; dan
- (b) nyatakan prestasi pelaburan tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Jumlah pelaburan langsung asing dari negara China yang telah diluluskan dalam sektor perkilangan bagi tahun 2009 hingga tahun 2015 adalah sebanyak RM13.6 bilion. Pelaburan ini melibatkan 143 projek dan dijangka akan menjana sebanyak 24,786 peluang pekerjaan. Sebahagian besar adalah dalam proses pelaksanaan.

Daripada jumlah pelaburan asing negara China yang diluluskan mengikut industri bagi tempoh 2009 hingga 2015, industri barangan logam asas menerima pelaburan langsung asing tertinggi, RM8 bilion diikuti dengan industri barangan elektronik dan *electrical* RM3.5 bilion, barangan galian bukan logam RM738 juta, tekstil dan barangan tekstil RM556 juta dan barangan logam dibentuk RM157 juta.

Pelaburan langsung asing sebenar yang telah dilaksanakan dari negara China dan telah beroperasi di Malaysia setakat ini adalah sebanyak 191 projek dalam sektor perkilangan dengan pelaburan RM6.0 bilion yang dapat menjana sebanyak 20,587 peluang pekerjaan. Pecahan pelaburan China sebenar yang telah dilaksanakan mengikut industri adalah barangan logam asas RM2.3 bilion, barangan elektronik dan *electrical* RM1.7 bilion, tekstil dan barangan tekstil RM561 juta, barangan galian bukan logam RM542 juta dan barangan logam dibentuk RM161 juta.

Prestasi pelaburan China adalah memberangsangkan. Pada tahun 2009, jumlah pelaburan dari China adalah sebanyak RM160 juta sahaja dan telah meningkat kepada RM4.75 bilion pada tahun 2014. Kedudukan USD, harga komoditi dan harga minyak mentah pada tahun 2015 telah menjejaskan ekonomi seluruh dunia. Namun demikian, pelaburan dari China yang berjumlah sebanyak RM1.87 bilion pada tahun 2015 menunjukkan keyakinan pelabur China terhadap kestabilan ekonomi Malaysia.

Nama-nama syarikat sehingga tahun 2015 yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat, Compact Solar International, Eastern Steel, *Ye Chiu Non-Ferrous Metal*, D&Y Textile, Kibing Group, Geneco Solar Technology, Vibrants Wisp, G-KAM Dimency, Amos International, Jinfast Industries, Kaifa Technology, Mega Tracks Plastic, *East Coast Universe Smelting & Mining*, Mafunzo Integrated Industries, Uni Tube Group, DNC Asiatic, Noblelift Malaysia, Mansion Machinery, Euroma Rubber Industries. Itu antara sehingga tahun 2015. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengikuti dengan teliti penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya agak keliru dalam senarai pelabur-pelabur China yang telah disebut, ada tak dimasukkan pelaburan pihak syarikat GLC China dalam pembelian jana kuasa-jana kuasa yang pada satu ketika dulu, dimiliki oleh 1MDB tetapi telah dijual kepada mereka sehingga menjadi milik 100% oleh syarikat-syarikat China.

Saya ingin tahu, sekiranya ia termasuk dalam senarai tadi, yang mana satu dan apakah dasar kerajaan berhubung dengan persoalan milikan penuh terhadap jana kuasa-jana kuasa ini? Ini bahagian pertama kepada soalan saya yang satu. Bahagian dua kepada soalan yang sama, begitu juga dengan persoalan pembelian tanah Bandar Malaysia yang telah dilakukan oleh syarikat China yang telah dijual kepada mereka oleh 1MDB setelah 1MDB mengambil pinjaman sukuk daripada Tabung Haji sebanyak RM2.4 bilion.

Setelah dijual tanah itu kepada syarikat China, mana satu yang dalam senarai itu yang ada dalam senarai yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri yang terlibat dalam persoalan pembelian tanah tersebut dan bagaimana 1MDB hendak bayar balik duit yang telah dipinjam ataupun diambil daripada Tabung Haji itu? Bahagian yang ketiga kepada soalan yang satu saya itu ialah, bagaimana dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Penglibatan syarikat-syarikat China dalam *development* ataupun *high speed train* yang telah diserahkan kepada mereka dan apakah

sikap Kerajaan Malaysia terhadap keterlibatan dan pemilikan segala aset ini oleh sebuah negara asing. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Saya dalam keadaan serba-salah. Sebenarnya dalam peraturan mesyuarat, satu soalan sahaja, satu soalan tambahan boleh ditanya oleh setiap orang Ahli.

■1110

Akan tetapi Yang Berhormat, soalnya dari pagi tadi hingga sekarang, kedua-dua belah pihak melakukan pelanggaran ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *But then again...*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *But then again. [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Dua kesalahan itu tidak menjadikan satu kebenaran, Yang Berhormat, ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi untuk dilihat adil, biarlah sama-sama mengemukakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah komenlah. Tidak payah komenlah Yang Berhormat. Tidak payah komen lagi, ya. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, saya memahami soalan Ahli Yang Berhormat Shah Alam. Apa yang saya sebut tadi ialah senarai perkilangan, pelaburan dalam *manufacturing* sehingga 2015. Itu senarai yang saya sebut. Untuk tahun 2016, pada 23 Mac 2016, Kumpulan CGN, sebuah syarikat milik Kerajaan China telah melabur untuk milikan ekuiti *Edra Global Energy Berhad* dan telah pun membayar keseluruhan jumlah RM9.83 bilion. Kemudian, di Bandar Malaysia pula, *China Railway Engineering Corporation (CREC)*, sebuah lagi syarikat *China's state owned enterprises* bersama Konsortium *Iskandar Waterfront*, telah menyatakan, membeli 60 peratus daripada ekuiti Bandar Malaysia yang mana daripada 60 peratus ekuiti itu, pecahannya ialah 60 peratus Konsortium *Iskandar Waterfront* dan 40 peratus CREC.

Pada 21 Mac 2016, CREC menyatakan akan melabur USD2 bilion untuk membina *regional HQ* di Bandar Malaysia dan konsortium itu juga telah membayar sepuluh peratus daripada RM7.41 bilion ekuiti 60 peratus Bandar Malaysia, RM7.41 bilion telah dibayar sebanyak sepuluh peratus iaitu RM741 juta.

Lain-lain soalan tentang 1MDB bolehlah ditanyakan kepada Kementerian Kewangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sebenarnya soalan saya berhubung dengan sikap kerajaan terhadap pelaburan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak dijawab, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, itulah jawapannya, Yang Berhormat ya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Soalan saya berkaitan dengan Yang Berhormat Shah Alam juga. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Kita faham bahawa China merupakan rakan dagangan yang amat penting bagi kita dan kita akan melalui *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) tahun ini, *insya-Allah*.

Kita juga berharap dengan ada tambahan perdagangan, ada tambahan pelaburan. Saya difahamkan bahawa Kerajaan China - sebab hubungan yang begitu baik dengan kita, memperuntukkan sebanyak RM50 bilion *Renminbi* ataupun lebih kurang RM33.5 bilion di dalam skim khas yang dipanggil *Renminbi Qualified Foreign Investment Institution* ataupun Skim Pelabur Institusi Asing Berkelayakan *Renminbi*.

Jadi saya hendak tahu, apakah status skim peruntukan pelaburan ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, RCEP yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Tinggi iaitu *Regional Comprehensive Economic Partnership*, ia melibatkan 16 buah negara dan kita sedang dalam peringkat akhir perbincangan. Brunei, Myanmar, Indonesia, *Cambodia*, Laos, Malaysia, Filipina, *Singapore*, Thailand, Vietnam, Australia, China, India, Jepun, Korea dan New Zealand dan ia satu Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Sebenarnya Malaysia telah pun menandatangani FTA dengan China secara dalam ASEAN sejak tahun 2004 lagi.

Itu sebab perdagangan antara Malaysia dengan China itu sentiasa tinggi dan kita mengiktiraf negara China sebagai negara kedua perdagangan terbesar dalam dunia. Itu sebab sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Tinggi mengenai *Renminbi* dan sebagainya adalah hasil daripada delegasi-delegasi perdagangan antara Perdana Menteri. Misalnya Perdana Menteri kita ke China pada 26 hingga 29 Mac 2015 untuk *Boao Forum for Asia*. Timbalan Perdana Menteri pergi ke China pada 1 hingga 4 Februari tahun ini. Menteri MITI juga ada pergi untuk *join Economic and Trade Corporation*.

Oleh itu segala usaha yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Tinggi itu kita akan teruskan. Pada ketika yang sama kita juga mengadakan pelaburan di negara China. Bukan hanya syarikat-syarikat negara China melabur di Malaysia, satu perkara yang menarik ialah syarikat Malaysia juga melabur di negara China dan jumlah pelaburan setakat ini ialah RM24.36 bilion. Kadang-kadang kita hanya memikir China datang ke Malaysia sedangkan kita juga pergi ke negara China seperti *Enersave Group*, *Genting Group*, *Sunway Global*, *The Lion Group*, *MTD Capital Berhad* membuat projek lebuhraya, *Sime Darby*, ada di dua tempat, RM1.164 bilion, *Tele-Works Corporation*, *Unisem*, *RAMA Technologies*, *Calsam* dalam perkilangan dan macam-macam.

Jadi pada ketika yang sama kita mengetahui China datang ke Malaysia, kita juga ingin memaklumkan Malaysia juga melabur di negara China. Terima kasih.

7. **Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan kementerian dalam menangani tuntutan palsu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dalam pengiktirafan atau penganugerahan sebarang kelayakan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K).

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor. Sebelum saya menjawab saya ingin, dengan izin, mengalu-alukan rombongan JKPP dari Sungai Batu, Parlimen Balik Pulau, di atas sana. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, ini soalan berkenaan dengan perubatan tradisional dan komplementari. Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum bahawa terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab membuat tuntutan palsu dalam pengiktirafan atau penganugerahan kelayakan perubatan tradisional dan komplementari. Pada tahun 2015, Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan telah menerima sebanyak 15 aduan yang berkaitan dengan kelayakan pengamal atau penganugerahan sijil palsu.

Susulan siasatan, KKM mendapati kebanyakan kursus atau program ini merupakan program kursus ataupun program jangka pendek yang tidak berstruktur dengan tenaga pengajar yang tidak berkelayakan. Kursus dan program tidak diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan lazimnya dianjurkan oleh institusi ataupun organisasi yang tidak berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Tinggi. Pelbagai usaha telah diambil oleh KKM dalam menangani isu ini. Antaranya termasuk mengadakan operasi bersepadu bersama agensi yang berkaitan seperti KPT terhadap aduan kelayakan sijil palsu.

Dalam keadaan berlakunya penyalahgunaan nama KKM yang mengelirukan orang awam, kes tersebut akan dirujuk kepada penasihat undang-undang di mana laporan polis akan dibuat atas nasihat daripada penasihat undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, KKM juga mengadakan pelbagai aktiviti seperti pameran dan ceramah termasuk sesi temu bual radio bagi meningkatkan tahap kesedaran orang ramai dalam isu ini agar tidak terpedaya. BPTK telah memaparkan kenyataan penafian di dalam *website* rasmi yang menyatakan bahawa pada masa ini KKM tidak menyokong ataupun tidak *endorse*, mengiktiraf atau menganugerahkan sebarang kelayakan PTK mahupun terlibat dalam pelanggaran kursus ataupun program bersama pihak bukan kerajaan untuk tujuan pendaftaran di bawah akta PTK. Pada 11 Januari 2016, KKM telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar bertajuk '*Tujuan Tuntutan Palsu Kursus Perubatan Tradisional dan Komplementari Oleh Pihak Yang Tidak Bertanggungjawab*'. KKM telah menekankan kepada orang awam agar berwaspada dengan tuntutan palsu yang berkaitan di mana orang awam diseru untuk berhubung terus dengan KKM jika terdapat sebarang kemusykilan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta PT&K ataupun Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 akan dikuatkuasakan tidak lama lagi. Akta ini bertujuan untuk mengawal selia amalan dan pengamal PT&K di Malaysia serta perkara-perkara berkaitan dengannya. Akta ini memberikan peruntukan bagi penubuhan Majlis PT&K yang akan menetapkan kelayakan PT&K yang diiktiraf serta kriteria pendaftaran sebagai pengamal PT&K.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, KKM telah bekerjasama dengan KPT dalam membangunkan Program Pendidikan Tinggi dalam bidang Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K). Setakat ini, terdapat 11 buah Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang menawarkan program pendidikan tinggi dalam bidang PT&K di Malaysia. KKM juga bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) bagi bidang PT&K.

■1120

Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) akan dianugerahkan kepada mereka yang telah pun melalui:

- (i) latihan di pusat bertauliah;
- (ii) latihan berorientasikan industri; dan
- (iii) pengiktirafan pencapaian terdahulu.

Apabila Akta PT&K 2016 dikuatkuasakan kelak, mana-mana individu yang ingin mengamal atau menawarkan perkhidmatan PT&K adalah wajib untuk berdaftar dengan Majlis PT&K. Individu yang didapati mengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf tanpa berdaftar dengan Majlis PT&K adalah menyalahi undang-undang dan boleh dikenakan tindakan perundangan.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam hal ini, saya ingin memberikan sedikit lagi soalan tambahan kepada Timbalan Menteri iaitu bagi memastikan bahawa peluang kepada pengamal-pengamal perubatan tradisional dan juga komplementari ini dan juga kepada mereka yang ingin mengembangkan ilmu yang berkaitan dengan perubatan-perubatan tradisional dan komplementari supaya bidang ini juga boleh dilaksanakan secara *legal*, dengan izin, secara sah di tanah air kita ini, jadi bolehkah pihak Timbalan Menteri menjelaskan apakah kriteria-kriteria utama yang diperlukan oleh pihak-pihak individu ataupun pengamal-pengamal secara pertubuhan dari segi perubatan tradisional dan komplementari ini untuk mereka boleh berdaftar di bawah Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari yang berkenaan? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, sebelum akta yang baru ini dilaksanakan, kawalan ataupun kriteria yang telah ditetapkan kita ikut kriteria yang ditetapkan oleh gabungan masing-masing, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini ada lapan gabungan yang mengawal amalan perubatan masing-masing. Saya sebut di sini iaitu;

Bil.	Pertubuhan	Jenis Amalan
(i)	Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (GAPERMA)	Perubatan tradisional Melayu
(ii)	Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM)	Perubatan tradisional India
(iii)	<i>Federation of Chinese Physician and Medicine-Dealers Association of Malaysia</i>	Perubatan tradisional Cina
(iv)	<i>Federation of Chinese Physician and Acupuncturist Association of Malaysia</i>	
(v)	<i>Malaysian Chinese Medical Association</i>	

(vi)	Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam (Darussyifa')	Perubatan Islam
(vii)	Majlis Perubatan Homeopati Malaysia	Homeopati
(viii)	<i>Federation of Complementary and Natural Medicine Association Malaysia</i>	Terapi komplementari

Ini badan-badan yang mengawal sekarang, Tuan Yang di-Pertua. Mereka yang tetapkan kriteria untuk pengamalan. Akan tetapi selepas penubuhan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari, maka semua kriteria ini akan ditetapkan oleh majlis yang baru ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Soalan tambahan tentang adakah Kementerian Kesihatan akan mengadakan kursus terhadap mereka yang ingin berdaftar ini pada masa hadapan? Kursus formal daripada kementerian.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Seperti yang saya sebut tadi dalam jawapan bahawa memang sudah ada usaha daripada pihak universiti swasta yang mengadakan pelbagai kursus perubatan tradisional. Di sini yang saya sebut tadi ada 11 semuanya. Ini adalah kursus-kursus formal yang diiktiraf oleh badan masing-masing dan selepas ini akan diiktiraf oleh majlis. Saya sebut di sini ada 11 buah universiti semuanya iaitu;

Bil.	Institusi	Kursus
(i)	<i>Southern University College</i>	Pelbagai kursus <i>Chinese medicine</i>
(ii)	<i>Tunku Abdul Rahman University</i>	<i>Bachelor of Traditional Chinese Medicine</i>
(iii)	<i>INTI International University</i>	<i>Bachelor of Traditional Chinese Medicine</i>
(iv)	<i>Cyberjaya University College of Medical Science</i>	<i>Bachelor of Homeopathic Medical Science</i>
		Diploma Amalan Pengubatan Islam
(v)	<i>Management &amp; Science University</i>	<i>Bachelor of Traditional Chinese Medicine</i>
		<i>Diploma in Traditional Chinese Medicine</i>
(vi)	<i>International Medical University</i>	<i>Bachelor of Science (Chinese Medicine)</i>
		<i>Bachelor of Science Chiropractic</i>
(vii)	<i>Malacca College of Science Management</i>	<i>Diploma in Natural Medicine</i>
(viii)	<i>Lincoln University College</i>	<i>Diploma in Traditional Chinese Medicine</i>
(ix)	<i>Institute of Physical Science, Culture and Arts</i>	<i>Diploma in Malay Massage</i>
(x)	<i>International Institute of Management and Technology</i>	<i>Bachelor in Traditional Chinese Medicine</i>
(xi)	<i>Xiamen University Malaysia</i>	<i>Bachelor of Medicine in Traditional Chinese Medicine</i>

Jadi, dah ada Tuan Yang di-Pertua.



**8. Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan apakah perancangan kementerian untuk memperbaiki infrastruktur di kawasan bersejarah di sekitar Kuala Sepetang yang boleh menarik pelancongan ke kawasan tersebut sekali gus meningkatkan hasil negara dan ekonomi setempat.

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) 2011-2015, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta bagi menaik taraf dan meningkatkan kemudahan produk-produk pelancongan di negeri Perak. Di antaranya ialah pembangunan Tasik Raban, Tasik Cenderuh, Fasa 3 Lenggong, peningkatan kemudahan pelancongan di kawasan Air Terjun Lata Kijang, Tapah, peningkatan kemudahan pelancongan di *Kellie's Castle*, Batu Gajah, projek pembangunan pelancongan di *Sunway Riverfront*, projek pembangunan Royal Town di Kuala Kangsar dan juga cadangan menaik taraf produk pelancongan di Dataran Dato' Sagor Bandaraya Ipoh.

Jabatan Warisan Negara telah mewartakan Kota Ngah Ibrahim sebagai tapak warisan pada tahun 2009 yang juga merupakan salah satu tapak warisan yang berada di sekitar Kuala Sepetang. Kompleks sejarah Kota Ngah Ibrahim yang juga dikenali sebagai Muzium Sejarah Matang adalah berpotensi untuk menarik pelancong. Di samping itu, pemuliharaan Rumah Kapten Speedy yang juga berada di kawasan tersebut telah pun siap dijalankan pada November 2015.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia mengalu-alukan sebarang cadangan daripada Yang Berhormat sekiranya ada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan di Kuala Sepetang untuk dikemukakan di bawah *rolling plan* Rancangan Malaysia Kesebelas (RP RMKe-11) pada tahun 2017 melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri Perak. Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan di kawasan Kuala Sepetang dan juga Matang merupakan banyak tempat yang agak menarik untuk dilawati tetapi malangnya kita lihat kawasannya ataupun pembangunannya untuk pelancongan ini tidak terurus terutama di kawasan jeti yang agak uzur. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh pergi lihat bagaimana kawasan itu kalau setiap hujung minggu hampir 2,000 orang datang melawat di situ sedangkan kemudahan tandas pun tidak ada. Jadi saya harapkan supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh melawat ke sana. Kalau melawat sana, '*hello*' saya sendiri untuk kita turun sama-sama. Terima kasih.

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Di bawah Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2015, kluster Taiping, Batu Kurau, Kuala Sepetang, Bukit Merah telah pun dikenal pasti kluster yang matang dan juga banyak produk pelancongan yang berada di dalam Kuala Sepetang yang boleh diketengahkan. Di antaranya, Paya Bakau Matang, Bukit Larut, mi udang. Saya pun pernah berada di sana dan juga merasai keenakan mi udang.

Juga, cadangan permohonan yang akan dikemukakan di bawah RP3 di bawah RMKe-11 tahun 2018 ke 2019 iaitu menaikkan taraf jeti, papan tunjuk arah, menyediakan laluan basikal dan juga *shuttle* bas daripada Taiping ke Kuala Sepetang dan juga menaik taraf R&R.

Sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri, pastinya akan kita mengambil maklum dan saya sendiri selain daripada Yang Berhormat Menteri, pastinya akan ke kawasan Yang Berhormat untuk melihat potensi. Saya juga difahamkan di Kuala Sepetang juga mempunyai batu arang, pemprosesan batu arang antara yang lama di situ dan juga dijadikan lokasi untuk penggambaran pengantin di sana, cukup cantik. Terima kasih.

#### ■1130

**9. Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilangan, jenis dan lokasi rumah di bawah projek perumahan Rumah Bina Negara (RBN) yang akan dibina bagi membolehkan belia luar bandar memiliki kediaman sendiri.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan Yang Berhormat Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, Rumah Bina Negara ataupun RBN merupakan program perumahan kepada golongan belia luar bandar khususnya generasi kedua, peserta di tanah-tanah rancangan agensi di bawah KKLW. Di dalam Bajet 2016 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan sebanyak 2,000 unit rumah yang akan dibina oleh FELCRA dan juga 2,000 unit lagi akan dibina oleh RISDA di dalam tempoh Rancangan Malaysia yang Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun 2016 sehingga 2017, FELCRA akan membina sebanyak 1,381 unit Rumah Bina Negara ataupun RBN kepada warga peserta FELCRA di seluruh negara berdasarkan permintaan dan juga keperluan peserta. Rumah yang akan dibina ialah jenis sesebuah, jenis berkembar dan jenis teres mengikut kesesuaian saiz lot tapak yang akan dicadangkan.

Manakala, bagi RISDA rumah RBN yang akan dibina kepada generasi kedua pekebun-pekebun kecil di bawah RISDA adalah jenis sesebuah dan teres dan pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua RISDA akan dan telah membuat kajian dan menerima sebanyak 1,300 lebih permohonan. Namun demikian, pihak RISDA masih di dalam peringkat pelarasan bagi menentukan peserta yang layak. Ini bermakna kita akan buat di bawah FELCRA terlebih dahulu.

Manakala, pecahan yang saya bagi maklumat di sini RBN yang akan dibina oleh FELCRA untuk tahun 2016 dan juga tahun 2017 adalah seperti berikut. Di Pahang, 216 buah rumah ataupun 216 unit, di Sabah 123, Pahang 140, 150 di Perak, Negeri Sembilan 94, Terengganu 72, Johor 150, Pahang 230, Melaka 106, dan Kedah 100 yang berjumlah 1,381 unit yang akan kita bina. Mungkin ada negeri-negeri yang tidak tersenarai di sini Tuan Yang di-Pertua akan kita bina di bawah RISDA. Terperincinya kawasan-kawasan di dalam negeri-negeri yang

saya sebutkan tadi boleh saya bagi ada di tangan saya tapi kekangan masa akan saya bagikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Sabak Bernam. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih, Yang Berhormat setakat itulah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12 (1) saya jemput Yang Berhormat Menteri.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.33 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 hari Selasa, 05 April 2016.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Peraturan Mesyuarat 18 (1),

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Berkenaan ?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya telah hantar satu usul di bawah 18(1) berkenaan laporan *Australian Broadcasting Corporation* yang telah pun menyebut tentang perkara tentang *additional* RM1.1 bilion.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey, *what is your point of order* Yang Berhormat?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Kerana usul saya ditolak kerana telah memberi tanpa menjelaskan pengesahan daripada mana-mana pihak berkuasa di Malaysia. Akan tetapi pihak Malaysia pun mengeluarkan kenyataan dia memang terima mengatakan sebahagian wang itu diterima dari Arab Saudi. So, saya hendak dapatkan kepastian mengapa

usul saya ini ditolak kerana ia melibatkan perkara tertentu yang amat penting yang perlu segera dibahaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah, Yang Berhormat. Ya, saya yakin Yang Berhormat ada menerima surat bertarikh 4 April yang ditulis oleh Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan usul Yang Berhormat. Seperti yang tertakluk dalam peraturan mesyuarat saya tidak ada apa-apa untuk menambah terhadap keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua dalam mahkamah dan saya yakin Yang Berhormat, Yang Berhormat juga maklum bahawa untuk merujuk mengkaji semula keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua hanya boleh dibuat melalui satu usul yang berasingan. Terima kasih, Yang Berhormat.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT 2015**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” **[31 Mac 2016]**.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Selayang menyambung perbahasan.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pada hari Khamis..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya jangkakan bahawa Yang Berhormat Menteri akan menjawab penggulungan sebelum jam lima petang nanti Yang Berhormat. Jadi kita ringkas, boleh bagi-bagi masa pada yang lain.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya hendak sentuh tentang kewajipan dan tanggungjawab pengarah. Di dalam fasal 213 perenggan satu rang undang-undang ini nampaknya bahawa konsep yang lama seperti di dalam zaman *re-equitable fire insurance* pada 1925 masih dikekalkan dalam fasal ini. Saya cadangkan bahawa ini diubah dan kita mengambil seksyen 172, United Kingdom Act 2006 yang berkata bahawa kewajipan pengarah hendaklah mengambil kira lebih daripada kepentingan pemegang saham iaitu dengan izin, *a director must act in a way he considers, in good faith, would be most likely to promote the success of the company but having regard to the following;*

- (i) *the likely consequences of any decision of any in the long term,*
- (ii) *the interests of the company's employees,*
- (iii) *the need to foster the company's relationships with suppliers, customers and others,*

- (iv) *the impact of the company's operations on the community especially the environment,*
- (v) *the desirability of the company maintaining a reputation for high standards of business conduct, and the need to act fairly as between members of the company.*

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan untuk syarikat bukan sahaja untuk mencari keuntungan dan keuntungan dalam jangka masa yang pendek. Dalam kita melihat mengakibatkan beberapa perkara yang tidak baik seperti kita melihat **enronworld.com** dengan *subprime* bukan pakar-pakar kewangan dan bank tidak tahu bahawa *subprime* itu ada risiko yang tinggi. Akan tetapi, sebab tekanan yang begitu besar daripada pemegang saham untuk mencari keuntungan dari jangka masa yang pendek mereka telah didesak untuk mengambil risiko itu.

Seksyen 172 memberikan satu garis panduan daripada segi undang-undang kepada lembaga pengarah untuk mengambil kira dua perkara. Satu ialah kepentingan syarikat dalam jangka masa panjang. Kedua, ialah untuk mereka selain daripada pemegang saham iaitu pekerja dan komuniti dan juga alam sekitarnya. Kalau kita mengadakan perkara ini kita tidak akan mengalami masalah MAS yang telah kita lihat pekerja suami isteri kedua-dua hilang kerja pada masa yang sama. Mereka yang telah berkhidmat 10 tahun, 20 tahun telah hilang kerja mereka ini menjadi kalau kita mengadakan undang-undang ini kita mengadakan satu garis panduan kepada lembaga pengarah.

#### ■1140

Kita juga pernah mengetahui bahawa seksyen 172 ini adalah sama daripada apa yang telah disyorkan oleh negara kita di *High-level Finance Committee on Corporate Governance* pada 1999 iaitu mengikut laporan dengan izin, *"The definition of corporate governance that we had developed from this exercise is as follows. Corporate governance is the process and structure used to direct and manage the business and affairs of the company towards enhancing business prosperity and corporate accountability with the ultimate objective of realising long-term shareholder value, whilst taking into account the interests of other stakeholders.*

Maknanya kita pada 1999, telah mengeluarkan satu konsep *corporate governance* dan kita hendak menggubal undang-undang untuk selaras dengan konsep ini tetapi pada masa yang begitu baik dengan mengadakan satu undang-undang baru kita masih ada 213 yang masih mengekalkan konsep yang lalu. So, ini yang saya minta dikaji semula kerana kita melihat apa yang terjadi, *whilst* kita mengalu-alukan *GLC transformation* yang mengikut *code of corporate governance*. Kita juga mengadakan buku hijau, konsep sama yang dikatakan oleh *committee of high-level* telah diguna pakai.

So, mengapa kita tidak menggunakannya di dalam rang undang-undang ini, apabila kita menghadapi masalah tentang *corporate governance* dan akauntabiliti, setiap tahun, setiap penggal kita mengadakan laporan daripada *Auditor General* dan antaranya memang kita ada masalah tentang GLC dengan masalah tentang akauntabiliti dan *corporate governance*. So, inilah

saya mencadangkan agar kita mengadakan *section 172, United Kingdom Companies Act 2006* untuk diguna pakai.

Selain daripada perkara itu, saya juga hendak sentuh tentang seksyen 216 iaitu tentang *nominee director*. Ada dicadangkan oleh beberapa jawatankuasa untuk memperbaharui undang-undang syarikat bahawa ada satu konsep yang dipanggil *adjusted financially duty*. Kalau kita mengadakan seperti yang dia ada, ini adalah mengikut lagi undang-undang yang lama iaitu *Scottish Co-operative Wholesale Society Ltd v Meyer* pada 1959 bahawa pengarah dalam subsidiari hendaklah mengambil kira hanya kepentingan syarikat itu sahaja dan bukan syarikat yang melantiknya.

Akan tetapi dalam keadaan hari ini, kita selalunya mengadakan *joint venture* dan tanggungjawab pengarah di dalam syarikat itu adalah untuk menjaga kepentingan syarikat yang melantiknya, itu ialah realiti dan dalam konsep *adjusted financially duty* di beberapa buah negara seperti Australia, New Zealand, Ghana juga mengadakan bahawa apabila semua pemegang saham mengetahui ini adalah satu syarikat *joint venture*, mereka boleh mengadakan satu resolusi untuk meluluskan, untuk membenarkan *nominee director* untuk mengambil kira juga kepentingan syarikat mereka. Kita juga melihat ini adalah satu keperluan apabila melihat GLC dan beberapa syarikat yang sedia ada nampaknya pengarah yang telah dilantik tidak mengambil kira kepentingan kepada syarikat-syarikat yang melantik mereka.

Saya juga hendak menyentuh tentang konsep *connected persons* yang sekarang diadakan di seksyen 223. Ini memang daripada seksyen 132G yang ada dan yang menjadi satu beban kepada mereka yang mengurus syarikat bahawa harta yang telah dimiliki oleh pengarah tidak boleh dimasukkan ke syarikat hanya dengan semua pemegang saham meluluskan. Walaupun ini adalah penting untuk syarikat awam tetapi banyak syarikat kita adalah syarikat keluarga dan kadang-kadang bapa hendak memasukkan hartanah kepada syarikat untuk membahagikan kepada anak-anaknya dengan saham kerana tidak mahu tanah yang diberikan misalnya 10 orang anak dan dipecah, nilainya akan jatuh.

Akan tetapi ini tidak boleh dibuat dengan seksyen 132G yang kerajaan melihat ini juga satu beban, ia ditukar kepada 132E, namun mempunyai masalah dan sekarang dikekalkan dalam rang undang-undang ini, 231. Oleh itu saya meminta ini dikaji semula supaya lebih sesuai dengan keadaan di Malaysia di mana banyak syarikat terdiri daripada syarikat keluarga.

Saya juga hendak pergi kepada hak dan remedi ahli. Ini memang penting kerana pelabur asing, pelabur tempatan tidak akan melabur dalam syarikat kerana mereka memang akan menjadi pemegang minoriti bila tidak ada perlindungan yang berkesan. Antara masalahnya ialah remedi ini hendak diberikan bukan sahaja kepada anggota yang dinamakan dalam pendaftar anggota tetapi juga akan diberikan kepada bekas kerana selalunya apabila kita melihat pengarah menyalahgunakan kuasa mereka, perkara pertama yang mereka buat ialah untuk membatalkan pendaftaran anggota atau tidak membenarkan mereka untuk menjadi anggota.

Keputusan mahkamah dalam kes Owen Sim Liang Khui melawan Piasau Jaya, 1996 (1MLJ 113) telah mengambil kira bahawa hak hendak diberikan kepada mereka yang merupakan

bekas anggota tetapi pada masa-masa yang singkat ini dalam kes Koh Jui Hiong melawan Ki Tak Sang dilaporkan pada tahun 2014 (3MLJ 10), Mahkamah Persekutuan telah berkata bahawa mengikut undang-undang syarat yang ada, hanya mereka yang masih didaftarkan sebagai anggota boleh menggunakan seksyen ini. Jadi inilah satu perkara yang kita perlu ambil kira dan memberikan satu hak kepada mereka yang dikeluarkan daripada menjadi anggota apabila itu dibuat dengan cara yang salah.

Perkara tentang tindakan *derivative statutory*. Saya mengetahui bahawa CIC telah mengemukakan syor bahawa apabila kita mengadakan tindakan *derivative statutory*, kita mansuhkan *common law derivative action*. Akan tetapi pada saya, *common law derivative action* adalah juga satu kebaikan yang boleh diguna pakai dan tidak ada apa-apa keraguan untuk mengadakan kedua-duanya remedi ini. Seperti yang kita ada pada masa ini di mana seksyen 181(a) mengatakan bahawa *common law derivative action* masih boleh diguna pakai.

Masalahnya, mengikut *statutory derivative action*, 28 hari hendaklah diberikan notis kepada syarikat dan untuk mendapat kelulusan dari mahkamah sebelum boleh digunakan. Tetapi 28 hari ini adalah satu masa yang begitu panjang apabila pengarah telah menyalahgunakan kuasa, mereka akan menjual harta benda syarikat dan selalunya pemegang minoriti mendapat *injunction* menggunakan *common law derivative action* tetapi kalau hendak memberikan 28 hari, ini menjadi terlalu lewat. So, ini adalah antara perkara untuk diambil kira.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat panjang lagi?

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Satu *point* yang akhir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

#### ■1150

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Hak rakyat mengadakan satu rang undang-undang yang canggih itu memang adalah baik dan negara kita telah dikaji oleh beberapa aensi dan telah memberikan satu markah yang begitu tinggi mengikut satu kajian Investment Bank dan juga *ratio Corporate Governance Association*. Markah Malaysia untuk mengadakan undang-undang untuk *corporate governance* dan syarikat-syarikat sebagainya adalah 9.0, adalah tertinggi sekali. Lebih tinggi daripada Hong Kong dan Singapura dan sebagainya.

Tetapi bila kita melihat tentang pelaksanaan penguatkuasaannya, kita hanya *score* 3.5 bahawa penguatkuasaan kita adalah begitu lemah sekali dan pada akhirnya yang penting sekali ialah penguatkuasaan. Bila kita tidak mengadakan penguatkuasaan yang ketat, kita melihat tentang skandal-skandal yang sepanjang ini, dahulu 30 tahun kita ada Bumiputera Malaysia Finance, 20 tahun kita mengadakan Asian *crisis*, kita melihat tentang TLI, Renong dan sebagainya juga PERWAJA, masalah tentang Malaysia Airlines dengan Tajudin Ramli. Ini semua berlaku sudah 20 tahun. Akan tetapi kita melihat mereka tidak didakwa dan mereka yang didakwa juga dilepaskan, tidak ada apa *accountability*. Sekarang, sepuluh tahun kita ada PKFZ, juga kita melihat bahawa pendakwaan itu telah gagal dan hari ini kita ada 1MDB.

So, ni adalah- semua kita ada undang-undang yang canggih, tetapi penguatkuasaannya begitu lemah. Saya hendak tanya Menteri, walaupun kita adakan satu rang undang-undang begitu tebal, apakah pelaksanaan yang kita akan ada. Apa langkah-langkah yang kita ada untuk menangani masalah ini kerana kita tahu antara masalahnya, keadaannya ialah kita ada bukan sahaja *government-linked company*, tetapi kita juga ada *politically-linked company*. Masalahnya ialah *politically-linked company* bagaimana kita hendak mengambil tindakan supaya kesan-kesan yang buruk ini tidak dilanjutkan. Setakat ini hujah saya, saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik.

**11.52 pg.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bersama untuk membahar tentang Rang Undang-undang Syarikat yang baru ini, di mana kalau secara langsungnya Akta Syarikat 1965 ini hendak dimansuhkan. Di mana sepanjang 49 tahun Akta Syarikat ini dikuatkuasakan, ia telah dipinda secara *ad hoc* sebanyak 35 kali mengikut perkembangan ekonomi dan keperluan komuniti perniagaan semasa.

Dalam pembentangan bacaan kali kedua pun Yang Berhormat Menteri telah menyentuh secara terperinci fasa *by fasa* dan sudah tiba masanya Akta Syarikat 1965 ini digantikan dengan satu perundangan syarikat yang moden dan dinamik serta relevan dalam konteks perniagaan masa kini. Di mana, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada SSM selama ini tidak lah, walaupun kita hendak mansuhkan Akta Syarikat lama kepada Akta Syarikat baru, tetapi sebenarnya rakyat berterima kasih kepada SSM di mana segala pendaftaran syarikat-syarikat dapat diuruskan dengan baik dan mudah.

Di mana selepas tahun 2000, kita lihat rakyat bergantung banyak kepada jenis perniagaan menyebabkan kita daftar. Rang Undang-undang Syarikat yang dicadangkan ini menghapuskan prosedur-prosedur lapuk yang tidak lagi relevan dalam konteks perniagaan moden hari ini, serta mengurangkan kos pematuhan melalui konsep pemudah caraan. Kalau dahulu setiausaha syarikat telah *book* siap-siap nama-nama syarikat, *insya-Allah* dengan Akta Syarikat yang baru, semua pendaftar-pendaftar syarikat ini, kita yang pelanggan yang hendak pergi ke SSM, boleh mendaftar mengikut syarikat yang kita hendak. Kalau dahulu kita macam disuapkan, ditunjukkan dengan *company secretary* dengan seratus syarikat dan kita pilih.

Tetapi hari ini, dengan pemansuhan Akta Syarikat lama dan kita cadangkan Akta Syarikat baru, kita yang nak menubuhkan syarikat boleh mencadangkan nama-nama syarikat mengikut kehendak kita sendiri dan nampak kita lebih demokratik. Rang Undang-undang Syarikat ini juga akan memberi keanjalan dan *flexibility* kepada syarikat dalam urusan seharian. Maknanya lebih terbuka tanpa kompromi terhadap kawalan dalaman dan amalan tadbir urus korporat. Di samping itu, Rang Undang-undang Syarikat juga bersifat maju ke hadapan dengan mengambil kira perkembangan dan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang akan memudahkan lagi pengurusan sesebuah syarikat.



Yang paling penting di bawah era Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Abdul Razak kita menyambung kepimpinan dahulu, membuat satu kerangka ekonomi baru, di mana salah satu daripada yang mendapat sambutan dan menjana ekonomi negara ialah syarikat. Jadi, di sini saya berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah merangka dan cuba membina, membentuk syarikat yang baru yang saya rasa untuk masa hadapan negara, kita boleh bersaing dengan dunia di luar dan dalam masa yang sama peniaga-peniaga yang berjaya di peringkat dalam negara mula boleh melangkah ke luar negara untuk mencapai kejayaan yang lebih hebat.

Secara keseluruhan, Rang Undang-undang Syarikat akan membantu komuniti perniagaan, terutamanya industri kecil dan sederhana atau IKS untuk lebih berdaya saing dengan memastikan amalan tadbir urus korporat yang teguh dan telus bagi memelihara kepentingan bukan sahaja pemegang saham syarikat, tetapi juga pihak-pihak berkepentingan lain seperti pekerja, sektor korporat yang bertransaksi dengan syarikat, *creditor* ataupun institusi kewangan dan perbankan para pengguna dan negara amnya.

Seterusnya kita boleh melihat di mana dalam perubahan yang baru ini, syarikat yang dicadang diperbadankan hanya seorang pemegang saham. Selama ini, setiap kali kita hendak tubuh syarikat, mesti ada sekurang-sekurangnya pemilik ada dua orang. Tetapi kali ini, perundangan baru ini akan membolehkan seorang usahawan menubuhkan syarikat dan menikmati ciri-ciri *liability* terhad dalam menjalankan perniagaan.

Dalam masa yang sama, usahawan tersebut yang merupakan pemegang saham tunggal syarikat dibenarkan juga bertindak sebagai pengarah syarikat jenis ini. Mungkin persoalan tanya, takkan seorang. Ada kemungkinan-kemungkinan yang macam mana? Tetapi saya percaya langkah yang dibuat oleh kerajaan ini berikutan perkembangan dan kemajuan dunia dalam perniagaan soal syarikat. Walau bagaimana pun, perundangan baru ini mengehendaki pengarah tunggal tersebut mematuhi segala peruntukan berhubung pematuhan tadbir urus korporat bagi memastikan hak dan kepentingan pihak-pihak *taken holder* yang lain adalah terpelihara.

Dalam masa yang sama, Rang Undang-undang Syarikat ini memperuntukkan prosedur tertentu dalam mengatasi situasi apabila pengarah tunggal atau terakhir syarikat meninggal dunia, memandangkan proses memperoleh surat cara pentadbiran dalam masa enam bulan atau lebih. Jika pengarah tunggal ataupun pengarah terakhir meninggal dunia, maka setiausaha syarikat itu hendaklah secepat yang mungkin dilaksanakan, memanggil sesuatu mesyuarat, waris qadim dan untuk melantik pengarah yang baru. Prosedur ini bertujuan membolehkan sesebuah syarikat meneruskan aktiviti perniagaan tanpa perlu menunggu perintah surat cara pentadbiran daripada mahkamah.

#### ■1200

Sekiranya waris kadim gagal melantik seorang pengarah dalam masa enam bulan dari tarikh kematian pengarah yang terakhir itu, pendaftar bolehlah mengarahkan SSM itu dibatalkan di dalam subfasal 209(3) dan (5).

Peruntukan di bawah subfasal 209(3) dan (5) ini, adalah bagi kes mengisi kekosongan jawatan pengarah bagi syarikat pengarah tunggal yang juga merupakan pemegang saham tunggal dan juga bagi syarikat biasa yang dalam keadaan ketiadaan pengarah atas sebab-sebab kematian, tidak siaman, hilang kelayakan atau mengosongkan jawatan pengarah berasaskan Perlembagaan. Selepas itu proses biasa bagi pelantikan pentadbir harta pusaka masih perlu dipatuhi bagi agihan saham si mati. Kemudian, pemegang saham yang baru boleh membuat keputusan sama ada untuk mewujudkan perlembagaan bagi proses pelantikan pengarah atau mengikut prosedur biasa iaitu syarikat persendirian melalui kontrak pelantikan, maka bagi syarikat awam, pelantikan pengarah tadi oleh pemegang saham.

Secara tidak langsung, kita sudah lihat perkara tersebut ada perubahan baru. Di bawah Akta Syarikat 1965. Kapasiti syarikat tertakluk kepada memorandum artikel tetapi bagaimana dalam pembaharuan syarikat yang dikatakan sudah tidak payah pakai, tiada untuk memohon memorandum untuk artikel. Dalam rangka perundangan yang baru, syarikat diberi kuasa penuh untuk menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan. Ini bermakna, tidak lagi keperluan untuk mewujudkan atau mendaftarkan memorandum artikel ketika pemerbadanan, ketika pendaftaran. Maknanya, kita pergi daftar syarikat, tidak perlu dah macam dulu, ada M&A. Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat berhasrat dengan hendak ada M&A, syarikat masih boleh berbuat demikian pada bila-bila masa selepas pemerbadanan dan syarikat akan tertakluk kepada peruntukan M&A tersebut.

Peruntukan undang-undang yang baru juga memberi kuasa penuh bagi membolehkan syarikat melakukan apa-apa tindakan atau memasuki mana-mana transaksi tanpa kekangan bidang kuasa. Ini memberikan kemudahan kepada pihak ketiga dalam berurusan dengan syarikat tanpa perlu ragu-ragu terhadap sebarang kekangan kuasa yang mungkin terdapat dalam M&A Perlembagaan.

Proses penubuhan syarikat juga dikatakan menjadi lebih mudah. Di bawah RUU syarikat yang baru ini, pemegang saham atau promoter sendiri boleh menubuhkan syarikat tanpa perlu melalui perkhidmatan setiausaha syarikat. Ini adalah memandangkan proses pemerbadanan syarikat baru akan menjadi sangat mudah dengan pengenalan borang teras, *super form*, *template* dan perundangan yang tiada lagi memerlukan penyediaan pelbagai borang seperti borang pengesahan bahawa pengarah layak untuk bertindak sebagai pengarah, borang bagi pengesahan berhubung keperluan pendaftaran, penyediaan dokumen-dokumen seperti memorandum dan artikel syarikat yang sekali gus, tiada lagi keperluan proses *stamping*. Memudahkan kita menubuhkan syarikat sendirian berhad. Namun, setiausaha syarikat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gerik, masa depan setiausaha syarikat, apa jadi dalam negara?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Masa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masa depan setiausaha syarikat?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Setiausaha syarikat tidak akan dihapuskan, sementara hendak mula-mula itu tidak perlu hendak pakai setiausaha syarikat. Selepas ditubuhkan syarikat, tetap juga kita kena ada setiausaha syarikat. Takkanlah *board director* seorang sahaja hendak menjalankannya, kan? Jadi kita bayar duit kepada setiausaha syarikat, terus kepada setiausaha syarikat tetapi ini, yang kita cerita, memudahkan urusan pendaftaran syarikat pada peringkat awal. Tidak perlu pakai setiausaha syarikat. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua pula yang tanya saya. Namun - mungkin Tuan Yang di-Pertua ada beberapa buah syarikat kot. *[Ketawa]*

Namun, setiausaha syarikat masih perlu dilantik dalam tempoh, ini dengar, dalam tempoh 30 hari selepas pemerdagangan bagi memastikan penubuhan tadbir urus syarikat yang sempurna dalam operasi harian syarikat. Saya pun hendak bagi peluang kepada rakan-rakan yang lain berbahas tetapi saya ada banyak lagi *point*. Akan tetapi, yakni saya bercakap kawan-kawan lain sudah ada dua tiga orang yang menunggu untuk bercakap tetapi saya berterima kasih kepada kerajaan. Saya percaya dalam kesimpulan saya tadi, perubahan syarikat daripada yang lama hendak dimansuhkan kepada yang baru, kita kena lihat secara positif sebagai satu pendekatan baru, hala tuju, ekonomi baru dalam hendak bersaing dengan ekonomi dunia.

Kita percaya, kementerian ini telah memandang ke hadapan, melontar satu kerangka baru dan kita percaya, perniagaan inilah memberi sumbangan pendapatan negara yang paling tinggi. Kita percaya satu masa, apabila kita hendak menuju negara maju pada tahun 2020, kalau kita masih mengekalkan akta syarikat yang lama, ada kemungkinan perniagaan yang baru ini, ia tidak boleh memberi satu perkembangan yang baik untuk negara dengan ada kemudahan cukai GST, walaupun isu pelbagai. Dulu kita pun ada cukai SST, tidak ada pun pernah ada orang *complain* pasal SST tetapi apabila dibuat GST yang boleh memberi penambahan pendapatan kepada negara, kita bising satu negara.

Mungkinlah pasal pilihan raya kecil di Sarawak, macam-macam lah orang buat cerita tetapi saya percaya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Gerik, boleh mencelah?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Boleh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mana satu dahulu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gerik, ada dua orang bangun. Dua- dua sahabat. Yang Berhormat Sepang, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada rakan saya daripada Gerik. Akan tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat kata dulu, orang tidak marah dengan SST, dulu pun ada SST. Sekarang orang marah. Saya hendak tanyalah atau saya beri jawapan. Mungkin boleh mempertimbangkan jawapan ini. setujukah dengan saya bahawa dulu orang tak marah sebab SST tidak kena pada semua orang, tidak pada semua barang tetapi sekarang ini, GST ini, ia lebih merangkumi semua orang. Ia untuk semua, daripada orang yang merangkak, *baby* pakai *pampers* sampailah orang yang mungkin sakit dan merangkak balik tau pun sudah terlentang dah. Itu pun kena GST. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ini pasal orang marah kan? Serupa Yang Berhormat Sepang kata, semua cukai SST dahulu, sebenarnya dahulu pun *hat* orang merangkak pun, kalau ada benda cukai-cukai itu yang kena. Sama juga tukar tetapi kalau kita secara rasional cerita betul-betul, SST 10 campur lima, cukai perkhidmatan dan cukai barangan. Akan tetapi apabila GST, kerajaan meletakkan enam *percent* sahaja tetapi diputar-belitkan macam-macam cerita yang akhirnya rakyat pun akan terpengaruh, "*Oh, betul, aku susah ini kerana cukai GST*". Yang dulu-dulu ini, yang kita bayar cukai, semuanya, yang SST, ramai peniaga boleh main '*catcop*' la orang kata, curi sikit kan, tak payah bayar cukai. Akan tetapi GST, tidak ada siapa pun apabila sudah daftar, pasti kena bayar. Okey, Yang Berhormat Shah Alam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Gerik ini memang kawasan pedalaman lalu kita tak hairanlah ya, kalau dia tak faham, Tuan Yang di-Pertua. Pasal orang kampung, duduk dalam.

#### ■1210

Dia tadi cakap, ada penambahan. Saya hairan macam mana boleh ada penambahan apabila dalam keadaan kita kurangkan cukai? Macam mana boleh tambah kalau kadar cukai dikurangkan? Jawapannya ialah – sekejap, biar saya beri jawapannya. Jawapannya ialah yang dikurangkan ialah kadar tetapi yang ditambah ialah kadar itu kena kepada harga runcit yang sebelum ini SST walaupun kadarnya sepuluh peratus tetapi harganya dikenakan pada harga kilang, sekarang ini harga runcit.

Inilah sebabnya kenapa kutipan itu bertambah dan ia bertambah, ia bukan hasil daripada pengeluaran ataupun satu hasil yang datang dari usaha kerajaan. Ia bertambah kerana ia diambil dari rakyat tanpa mengambil kira sama ada rakyat itu kaya ataupun miskin. Semua yang beli, kena bayar dan itulah sebab jumlahnya tambah. Tambahnya kutipan hasil cukai adalah simbol kezaliman yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional terhadap rakyatnya sendiri.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** [Bangun]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apabila Kerajaan Barisan Nasional tidak mahu menutup segala saluran kebocoran dan ketirisan, hendak hidup dengan cara yang seperti biasa, boros dan membazir...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ceramahkah ini?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Mengamalkan kronisme, maka duit sudah hendak habis...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam duduklah. Saya sudah faham apa Yang Berhormat Shah Alam kata.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Kutip dari orang kampung. Itu sebabnya. Itu sebabnya.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik, duduk sekejap.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tunggu sekejap, Yang Berhormat Bagan Serai tunggu sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua minta duduk dahulu, Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya duduk, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hari ini Yang Berhormat, kita hari ini membincangkan, membahaskan Rang Undang-undang Syarikat, bukan GST Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Berkaitan *maaa...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tengok peraturan semasa Tuan Yang di-Pertua bercakap, yang lain duduk diam Yang Berhormat, pertama. Keduanya, pencerahan bukannya untuk berbahas Yang Berhormat. Okey Yang Berhormat, tajuk tumpu kepada tajuk semula Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih. Yang Berhormat Shah Alam kata saya orang hulu tetapi cara dia jawab dia lebih teruk lagi daripada itu, nampak macam orang '*bengong*' sahaja.

Seterusnya saya sudah buat kesimpulan iaitu supaya...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** [*Bangun*]

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Bagan Serai, jangan cerita GST ini fasal ini kita luar daripada tajuk.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Akan tetapi saya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, takut hendak cerita GST, takut orang ini keliru.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bagan Serai ini ketagih GST, jangan main.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya teruskan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya hendak tanya Yang Berhormat Gerik, kalau 163 buah negara di dunia ini daripada 190 buah negara yang ada di dunia ini... [*Dewan riuh*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Duduk, duduk. Negara yang maju atau tidak maju...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [*Bangun*]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Negara yang...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jangan kepala batulah Yang Berhormat Batu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Lebih pendapatan daripada Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu, duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Malah ada negara yang kurang lagi pendapatan dari Malaysia, melaksanakan GST, adakah mereka ini salah? Ini saya hendak tanya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak celah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gerik, saya hendak tanyalah. Kalau orang dekat pedalaman tidak faham mungkin, tetapi adakah orang yang duduk dekat Shah Alam ini, dia ini tidak nampakkah, dia butakah ataupun dia buta hati tidak nampak benda ini? Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Gerik, boleh celah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak dapat penjelasan dari Yang Berhormat Gerik, rang undang-undang yang kita bahaskan dan model *company X* yang kita akan perkenalkan, berapa negara yang pakai? Adakah ini dipakai oleh majoriti negara-negara lain atau kita hanya mengikut negara-negara tertentu iaitu Australia sahaja? Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya pun dalam kesimpulan, soalan Yang Berhormat Batu masuk dalam ucapan saya minta Yang Berhormat Menteri jawab. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Syarikat yang dibentangkan pada hari ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sebentar tadi Yang Berhormat Selayang, PKR. Tidak ada daripada lain? Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

### 12.15 tgh.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri saya peluang berbahas Rang Undang-undang Syarikat 2015. Saya faham hasrat kerajaan untuk *upgrade* Akta Syarikat ini untuk selaras dengan *best practices*. Hendak mengatakan syabaslah untuk – *well done*, kerja yang besar ini dengan tiga jilid ia punya penukaran.

Akan tetapi pada saya ada satu kelemahan yang agak besar dalam akta baru ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kepentingan pekerja langsung tidak disentuh dalam akta ini kerana saya telah bawa isu pekerja yang dibuang kerja jika berlaku kegawatan, jika syarikat mufliis dan tiada peruntukan untuk jaga kepentingan pekerja pada masa itu. Macam untuk tiga atau empat tahun yang lalu, setiap tahun ada 20,000 orang pekerja yang dibuang kerja oleh kerana beberapa

perkara. Antara mereka, hampir 25 percent hingga 30 percent daripada mereka tidak dapat pampasan yang dipastikan dalam Akta Kerja.

Walaupun Akta Kerja katakan, jika seorang pekerja itu dibuang kerja dia mesti diberi 20 hari gaji setahun bekerja itu tetapi jika syarikat itu mufliis, syarikat itu tidak ada dana untuk bayar dan biasanya apabila dia sudah bayar untuk *secured creditors*, dia bayar pada *liquidator*, yang tinggal itu tidak cukup untuk pampasan untuk pekerja. So, inilah isu yang mungkin boleh dikendalikan dalam Akta Syarikat kerana apabila ini berlaku bukan sahaja pekerja yang ada masalah. Dia tiba-tiba hilang kerja, gaji terakhir pun kadang-kadang tidak dapat. Lagi pampasan yang diperuntukkan dalam Akta Pekerja pun dia tidak dapat. Selain daripada itu, ekonomi kita pun terjejas.

Pada masa kegawatan, kita ada masalah dengan *gross aggregate demand* ataupun permintaan kasar dalam ekonomi. Jika ada peruntukan yang beri gaji dan pampasan kepada pekerja, *shrinkage* kejutan dalam *aggregate demand* akan ditahan sedikit. Ini akan bantu kita dalam masa kegawatan ekonomi. So, ini ada kebaikan untuk pekerja dan kebaikan untuk ekonomi kita jika berlakunya kegawatan.

Jadi, saya rasa apa yang harus dilakukan ialah kita kena mewajibkan *director* memastikan sebahagian daripada modal syarikat itu dipegang dalam satu syarikat yang lain, yang berasingan. Mungkin macam dia punya tanah syarikat itu ataupun *building*, dia punya bangunan. Ini dipinda ke satu syarikat lain dan dipegang dan jika berlakunya satu kemufliisan syarikat, ini boleh dicairkan dan dibayar kepada pekerja. Bakinya boleh diberi balik kepada syarikat untuk bayar kepada *creditors* yang lain.

Akan tetapi pada masa ini, dalam *situation* ini yang kita ada sekarang, tidak ada peruntukan macam itu. Semua modal daripada syarikat dipegang di bawah syarikat. Jika berlaku kemufliisan kita kena ikut *priority* di mana *secured creditors* macam bank, ia boleh dapat *building*kah, dia boleh dapat – apabila habis semua itu, *liquidator* pun ambil dia punya fi, *lawyer* pun ambil dia punya fi, *auditor* ambil dia punya fi. Sampai ke pekerja, tidak cukup. Jadi saya rasa ini kita boleh masukkan satu lagi klausa di mana sebahagian daripada modal syarikat itu, jika kita minta syarikat itu bayar dana di suatu – itu akan *tight up* ia punya *capital*. Ini akan sekat ia punya kebolehan buat *business*. So, kita katakan, “Okey, you mesti ada *building*”. Kenapa kita tidak boleh mintakan dia, wajibkan dia, itu *building* ataupun itu tanah, dipegang di bawah syarikat lain? Itu tidak akan *tight up* dia punya *capital*, modal ia tidak terikat.

#### ■1220

Akan tetapi jika berlaku kemufliisan, itu *building* yang dipegang di bawah nama satu syarikat yang lain, khas untuk pekerja ini, itu boleh dicairkan. So saya rasa ini suatu yang kita boleh masukkan dalam undang-undang kita untuk juga menjamin kepentingan pekerja itu dijaga. Apabila kita tengok Akta Syarikat, ya memang kita ada *shareholder*, kepentingan mereka harus dijaga, *agree*. Tetapi macam mana dengan pekerja? Pekerja dalam syarikat itu yang juga wujudkan output dia, harus dijaga.

Satu lagi saya rasa kita boleh masukkan dalam rang undang-undang ini ialah kita masukkan satu kaedah yang ada dalam Akta KWSP. Dalam Akta KWSP, jika sebuah syarikat gagal bayar caruman untuk pekerja dia dan mengatakan dia sudah mufliis, *director-director* dia bertanggungjawab, *jointly and severally*. So semua *director* dia kena bayar caruman EPF yang tidak dibayar oleh syarikat oleh sebab mufliis. So saya ingat peruntukan itu jika sebuah syarikat tidak buat kepastian, tidak buat peruntukan untuk jaga kepentingan pekerja dan berlakunya kemufliisan, berlakunya pekerjaanya tidak dibayar pampasan, kita mesti ada satu syarat dalam Akta Syarikat ini supaya *directors* itu mesti bayar pampasan seperti yang ditentukan oleh Mahkamah Buruh ataupun Mahkamah Perusahaan.

Jadi saya ingin mintalah, bolehkah kita rujuk *bill* ini selepas peringkat dasar ke satu *select committee*, jawatankuasa pilihan supaya kita bincang *addition* ini? Bolehkah kita masukkan ini dan kita adakan satu akta yang bukan sahaja jaga *shareholder*, pemegang saham tetapi juga jaga pekerja. Sekarang kita sedang rombak balik kita punya akta ini, *so let's do it right* lah, *let's do it properly* di mana semua kepentingan semua pihak dipelihara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis.

#### 12.22 tgh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut serta berbahas dalam Rang Undang-undang Syarikat 2015 ini.

Pertamanya saya ingin menyokong Rang Undang-undang Syarikat ini sebagai rang undang-undang yang sangat progresif kerana bersesuaian dengan peredaran masa, peredaran zaman dan sebagainya. Penggubalan rang undang-undang ini menggantikan Rang Undang-undang Syarikat yang lama iaitu bertepatan dengan rang undang-undang yang telah berusia menjangkau 50 tahun di mana semenjak tahun 1965 lagi dan kita telah hampir menjelang tahun 2020 bagi menghadapi era yang baru ini.

Dalam kepesatan ekonomi dan persaingan ekonomi, saya kira satu rang undang-undang ini amatlah sesuai kalau diteliti dan dikembalikan kepada yang lebih sesuai dengan peredaran zaman ini. Sebagai contoh, banyak negara telah membuat semakan kembali di atas undang-undang syarikat ini.

Bagi langkah untuk menghadapi jangka masa panjang ini termasuklah jangka masa panjang yang kita hadapi seperti perjanjian Trans-Pasifik dan sebagainya, maka saya melihat ia sangat penting bagi sesuatu perundangan itu perlu diperbaiki.

Lebih pentingnya pada mereka-mereka yang terlibat, berbagai-bagai perniagaan yang ada pada hari ini dan juga menggalakkan yang telah lama berjinak-jinak di alam perniagaan. Sekurang-kurangnya ia dapat merubah daripada mula-mula penubuhan syarikat daripada keanggotaannya seramai dua orang dan telah diubah kepada keanggotaannya hanya satu orang sahaja.



Pindaan ini bagi memudahkan sesiapa sahaja yang berminat dalam bidang perniagaan khususnya kalau kita melihat pada hari ini banyak perniagaan yang terlibat dalam bidang *on system online*, maknanya mereka memulakan perniagaan ini dan memberi servis dan tawaran yang berbagai-bagai. Sedangkan ada di antara mereka ini mungkin tidak mendaftarkan perniagaan mereka dan mereka menjalankan aktiviti ini melalui *online* itu sendiri. Jadi kita dapat rasakan keadaan yang ragu-ragu yang akan timbul sekiranya mereka tidak membuat pendaftaran.

Akan tetapi di dalam soal ini, kita juga kena memikirkan bagaimana untuk menyesuaikan keadaan yang lebih baik— jadi kita permudahkan— tetapi persoalannya, ada ketika dipermudahkan itu perlu dikajikan juga masalah-masalah yang akan timbul khususnya yang dinyatakan oleh rakan-rakan tadi, seperti semua kerja *online* ini ada ketikanya tidak bersesuaian juga. Perlu diambil kira hal yang seperti ini.

Jadi dalam hal ini juga, pindaan ini saya lihat sebagai satu pindaan yang munasabah memandangkan pemegang saham adalah pemegang ekuiti atau modal sekali gus menggambarkan mereka ini adalah individu memegang kekayaan syarikat. Memandangkan pemegang saham ini adalah mereka yang memegang harta syarikat, mereka seharusnya mempunyai hak untuk menyoal dan memberikan pendapat mengenai pengurusan syarikat bagi memastikan kedudukan harta mereka terjaga dan terjamin dalam pengurusan yang lebih efektif ini. Mestilah mereka hendak mengetahui hasil pelaburan mereka tidak akan disia-siakan. Jadi dalam soal ini, kita berupaya untuk memantau kedudukan syarikat dengan lebih dekat lagi.

Selain itu, pindaan baru ini juga telah memperkenalkan satu mekanisme penyelamat korporat yang bertujuan untuk memberi peluang kepada syarikat yang menghadapi masalah kewangan untuk menstrukturkan semua liabiliti secara persetujuan dengan pihak kreditor atau melalui perintah kehakiman. Ini adalah satu langkah yang bijak dan pada hemat saya, ia memberi syarikat-syarikat yang baru, mungkin belum mahir dalam selok-belok perniagaan, kembali berupaya apabila mereka jatuh dan mengalami krisis kewangan, selain daripada bantuan melalui kaedah tradisional di mana syarikat yang mengalami masalah kewangan membuat pinjaman daripada bank tersebut. Dengan keadaan ini, maka mereka boleh mengkaji balik dari segi pinjaman-pinjaman melalui kreditor, bank dan sebagainya. Mungkin dia boleh buat perjanjian-perjanjian semula untuk tarikh hutang sehingga keadaan ekonomi mereka kembali stabil.

Namun begitu, terdapat beberapa pindaan yang menimbulkan tanda tanya dan kemusykilan seperti sebuah syarikat boleh diberi pengecualian untuk diaudit. Sebelum ini, semua syarikat wajib diaudit. Untuk memberi pengecualian kepada mana-mana syarikat yang dirasakan tiada keperluan untuk diaudit seperti syarikat-syarikat induk dan syarikat-syarikat mikro yang sangat kecil dari segi kapasiti ekonominya.

Tetapi di dalam peruntukan ini, menimbulkan tanda tanya, apakah syarikat induk, syarikat yang besar-besar ini akan diberikan pengecualian audit? Ini kerana kebiasaannya kewujudan syarikat induk ini adalah atas dasar sesebuah syarikat yang mempunyai kaitan, dan mungkin mereka akan meletakkan anak-anak syarikat ini. Melalui anak-anak syarikat ini, mereka

tak perlu diaudit. Maka di sinilah wujudnya mungkin manipulasi dari segi kewangan itu sendiri. Maka seharusnya dalam konteks ini, kita kena melihat kerana sistem audit ini sangat penting bagi sesebuah syarikat.

Jadi saya mohon penyelesaian pihak kementerian untuk menerangkan bahagian peruntukan ini dengan lebih lanjut dan lebih jelas untuk mengelakkan sebarang manipulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ke atas kita kelak.

Seterusnya kemusykilan saya adalah mengenai peruntukan baru yang meminda status serah simpan penyata tahunan. Sebelum ini, penyata tahunan sesebuah syarikat perlu diserahkan simpan bersama penyata kewangan syarikat dalam tempoh sebulan selepas mesyuarat agung tahunan tetapi kini penyata tahunan diserahkan simpan berasingan dengan penyata kewangan sebulan selepas ulang tahun pendaftaran syarikat. Kemusykilan saya adalah bagaimana sesebuah penyata tahunan boleh dihasilkan tanpa penyata kewangan? Alasan pindaan ini adalah kerana masalah utama kebanyakan syarikat-syarikat gagal menyerahkan penyata tahunan tepat pada masanya adalah kerana penyata kewangan yang tidak dapat disiapkan.

Persoalan timbul kerana kebiasaannya penyata tahunan dihasilkan adalah daripada penilaian daripada sesebuah syarikat itu. Ini adalah huraian mengenai untung rugi sesebuah syarikat itu sendiri. Tetapi dalam keadaan seperti ini, kalau kita tidak lagi meletakkan sistem audit ini, maka mungkin banyak berlaku perkara-perkara yang tidak baik dalam syarikat itu sendiri. Punca kerugian dan segala penjelasan mengenai kedudukan kewangan, syarikat pada tahun kewangan tersebut jika penyata tahunan dihasilkan tanpa rujukan umpamanya dari penyata kewangan, apakah ia akan dilaporkan dalam penyata tahunan itu?

#### ■1230

Jadi saya mohon sekali lagi penyelesaian daripada pihak kementerian mengenai kemusykilan ini kerana ini amat penting kerana kalau dari segi sesuatu organisasi syarikat ini boleh mendatangkan tanda tanya sekiranya kedudukan kewangan ini tidak boleh diaudit. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut serta dalam perbahasan. Saya mohon menyokong Rang Undang-undang Syarikat 2015.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

#### 12.33 tgh.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Syarikat 2015 ini. Sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya hendak kata secara telus dan terang bahawa rang undang-undang ini bukanlah satu perkara yang kontroversial. Dengan izin, *the formation of company, the powers of shareholders directors, the way people raise money, the finances and also when the closure company all that with in the Companies Act.*

Bagi saya, saya lebih hendak fokus kepada isu-isu lain, isu tentang *no-par value, alternative procedure for reduction of capital, share by back, financial assistance provision on all*

*these kind of things I want to deal with at the committee stage.* Oleh itu perbahasan saya pada dasar ini bukanlah berupa terlalu teknikal ataupun kritikal tetapi lebih *philosophical*. Lagipun rakan baik saya tadi Yang Berhormat Selayang juga Yang Berhormat Gerik pun ada buat perbahasan. Telah banyak membentangkan isu-isu yang teknikal yang cukup menyeluruh.

Hanya minggu lalu Tan Sri Speaker telah menasihati Ahli-ahli Parlimen supaya tidak payah *repeat the same point over and over again*. Jadi saya akan mengikut arahan Tan Sri Speaker dan juga memberi analisa tentang *repeating the points*. [Ketawa] Bagi saya Rang Undang-undang ini nampaknya baik tetapi Tuan Yang di-Pertua, *the proof of the pudding is in the eating*. Iaitu pertanyaan sama ada seksyen-seksyen di bawah rang undang-undang ini adalah baik ataupun tidak daripada segi teknikal terpulang kepada dan terbukti hanya kepada tahap undang-undang ini diguna pakai.

Dengan izin, *we will only know the robustness of the legislation when it is put to test in the real corporate environment*. Apa yang saya telah baca dalam dua, tiga minggu ini tidak ada apa-apa kritikal ataupun *red flag* yang timbul. Oleh demikian saya ingin menyampaikan tahniah kepada SSM dan semua *stakeholders* termasuk *Bar Council* yang telah mengambil bahagian dalam proses menggubal rang undang-undang ini selama lebih kurang lapan sampai sembilan tahun.

Kalaulah semua undang-undang Malaysia *draconian* seperti SOSMA, POTA, dan National Security Council Act digubal seperti ini secara perbincangan dan *consultation* penuh tanpa politik, Malaysia pasti lebih baik dan selamat daripada sekarang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit boleh?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ha, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada rakan saya, Yang Berhormat Kelana Jaya. Yang Berhormat Kelana Jaya setuju tidak dengan saya, Akta Syarikat ini satu akta yang kita wujudkan akta baru gantikan akta lama *it's totally overhaul everything*. Jadi ini menunjukkan bahawa kita boleh sebenarnya dari segi dekat Malaysia ini membuat undang-undang yang baik. *If you want* dengan syarat kita ada *political will*, setuju tidak?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Memang setuju, memang setuju. Yang Berhormat Sepang *that is what I was just saying about*, dengan izin tentang POTA dan SOSMA tersebut semua itu kalau memang ada *consultation* penuh. Kita semua *support anti-terrorism activity and laws* cuma yang perlu itu ialah *consultation* penuh daripada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya *continue* untuk perbahasan dasar ini saya akan memberikan fokus kepada tiga perkara soalan yang penting. Pertama adalah apakah impak rang undang-undang ini kepada dunia perniagaan? Kedua, adakah impak ini baik atau tidak dari segi pentadbiran urus niaga ataupun *corporate governance*? Dan ketiga apakah matlamat utama yang

kita inginkan untuk syarikat-syarikat yang beroperasi di Malaysia dan adakah rang undang-undang ini akan menolong matlamat tersebut?

Pertama, apakah impak rang undang-undang ini kepada syarikat dan badan-badan korporat di Malaysia? Semasa saya bekerja sebagai seorang Peguam Korporat terdapat banyak aspek Akta Syarikat yang tidak masuk akal. Terdapat undang-undang yang agak 'takek' ataupun ketinggalan zaman. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya perhatikan dalam rang undang-undang ini ialah satu usaha untuk menyelesaikan semua masalah yang saya telah timbulkan.

*Reduction of capital*, isu tentang *no-par value* semua ini adalah satu *attempt* dalam rang undang-undang ini untuk memastikan tidak ada *circumvention* oleh peguam-peguam. Jadi kalau kita tidak perlukan prosedur-prosedur yang tidak masuk akal, yang tidak akan menggalakkan *circumvention* daripada peguam-peguam, ini adalah satu langkah yang baik. Akan tetapi kita juga perlu memastikan *corporate governance* yang lebih baik untuk dengan memastikan pengarah-pengarah lebih *accountable* dan *punishment* yang lebih tinggi sekiranya terdapat *breach of any pri fiduciary duty*. Rang undang-undang ini nampaknya ada kedua-duanya iaitu *removal of arcade loss at increasing accountability of directors*.

Justeru impak rang undang-undang ini jika diluluskan adalah baik kerana yang ini merupakan satu *upgrade* seperti apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi. Dengan izin, *it is a legislation that improves current situation and makes things more business friendly*. Ini bermakna sektor-sektor perakaunan, akauntan dan guaman mungkin akan menjadi lebih pesat. Tadi Tuan Yang di-Pertua tanya apa akan jadi pada *company secretaries*? *They will have more business from all the result of this legislation*.

*There will be more corporate companies form* sebab *formation* sekarang lebih senang dan *therefore more corporate activities*. Maknanya para peguam, akauntan akan menjadi lebih kaya secara am daripada impak rang undang-undang ini. Ini juga bakal meningkatkan status Malaysia daripadasegi *ease of doing business*. Kewujudan *single shareholders private limited companies* dan *simplification of reduction of capital* adalah di antara langkah-langkah yang akan membawa Malaysia setaraf dengan perkembangan undang-undang syarikat lain di dunia.

Dalam isu *receiverships* saya melihat dan setuju dengan kawan saya tadi daripada mana tadi, tidak apalah [Ketawa] bahawa ia akan membawa satu fleksibiliti yang baru dengan pengenalan *judicial management* sebagai satu opsyen baru yang *forward looking* dan juga *flexible*. Dengan izin, *this new Companies Act will ensure that Malaysian company law is up to par with the rest of the development company*.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sistem ekonomi dunia sedang mengalami pelbagai cabaran. Cabaran ekonomi adalah *economic slow down* di China dan juga *low commodity prices*. Cabaran *monetary* pula merupai *negative interest rates* dan juga *quantitative easing*. Cabaran fiskal di mana kerajaan sekarang mengalami *cash flow problem* yang ketara, ini bermakna tidak mempunyai kebolehan untuk *pump prime* ekonomi Malaysia.

Apa yang jelas adalah kerja-kerja central bank sedunia sejak 2008 tidak dapat lagi memastikan *economic growth* yang baik. Dengan izin, *Central Bank have shown to a very little*

*real positive impact on the global economy.* Oleh demikian, apabila SSM mengeluarkan satu inisiatif untuk membentangkan undang-undang ini dengan satu percubaan untuk memesatkan ekonomi pada amnya ini adalah satu tindakan yang amat tepat masa dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara kedua saya iaitu sama ada impak ini baik atau tidak dari segi pentadbiran urus niaga ataupun *corporate governance*. Soalan baik buruk ini bukanlah sesuatu yang boleh dianalisa dari segi kuantiti dan data. Ini merupakan suatu soalan yang *qualitative* di mana kita perlu memberi jawapan yang lebih berfalsafah berbanding dengan data.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu rang undang-undang ini boleh mempergiatkan aktiviti perdagangan melalui Akta Syarikat yang baru. Persoalannya adakah ini baik dari segi moraliti masyarakat sejagat. Dengan izin, *we know this is going to increase the business activity but is it really good for people for the rest of the rakyat.* Apa yang kita tahu dalam jangka masa 40, 50 tahun ini iaitu sejak amnya sejak permulaan '*tertiarism*' dan *privatization activity*, syarikat-syarikat di dunia telah menjadi lebih kaya dan lebih berkuasa daripada berbanding dengan rakyat. Di Malaysia, kekuatan syarikat-syarikat adalah ketara.

#### ■1240

Ini bukannya satu kenyataan tanpa asas, ini bukan retorik politik tetapi adalah realiti hari ini. Apakah data yang menyokong kenyataan saya ini? Saya merujuk kepada data dari Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kesemua syarikat di Malaysia telah membayar cukai korporat sebanyak lebih kurang RM70 bilion pada tahun 2015 berbanding dengan pembayaran cukai pendapatan persendirian yang berjumlah hanya RM30 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, hanya lebih kurang di antara 75,000 sampai 100,000 syarikat daripada jumlah besar 1.1 juta syarikat di Malaysia yang bayar *corporate tax, corporate income tax*, yang lainnya *government* ataupun rugi. Jadi kita tahu 75,000 sampai ke 100,000 syarikat adalah membayar RM70 bilion, dua kali ganda daripada 14 juta pembayaran pekerja-pekerja di Malaysia. Lebih kaya dua kali ganda daripada kesemua pekerja di Malaysia.

Sebagai satu bandingan, di Singapura kita lihat pekerja-pekerja *earning* dia dua kali ganda daripada syarikat, di Malaysia terbalik. Bandingan dengan ekonomi-ekonomi yang lebih kuat di mana terdapat lebih kesamaan ekonomi seperti di Norway dan Denmark, *ratio* kekayaan pekerja adalah tiga kali ganda besar daripada kekayaan syarikat. Di Malaysia semua terbalik di mana syarikat lebih kaya daripada 14 juta penduduk dua kali ganda.

Jadi apabila rang undang-undang ini dipergiatkan syarikat-syarikat adakah ini akan membawa atau membesarkan jurang kekayaan di antara syarikat dan rakyat? Ini adalah satu persoalan *existential* yang Dewan ini perlu pertimbangkan dengan izin *the question is with this new legislation empower corporation further and cost greater in quality between corporation and the people.*

Tuan Yang di-Pertua kita semua tahu di Amerika Syarikat, syarikat-syarikat diberi kepentingan. Hal ini membolehkan syarikat-syarikat mempengaruhi sistem politik Amerika Syarikat sebagaimana yang telah disaksikan di dalam pertembungan politik *presidential*

*candidate selection* di antara Hillary Clinton dan Bernie Sanders. Amat jelas bahawa syarikat-syarikat gergasi Amerika Syarikat telah memberi dana yang besar sekali kepada Clinton untuk memastikan status quo ekonomi yang berpihak kepada syarikat-syarikat. Syarikat-syarikat telah memberi dana sekurang-kurangnya USD160 juta kepada Hillary Clinton. Kita belum lagi masuk kepada *presidential election*, Tuan Yang di-Pertua masih dalam *selection of the candidates*. Berbanding dengan Bernie Sanders yang telah menerima derma lebih ramai lagi daripada rakyat Amerika Syarikat bukannya daripada korporat-korporat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nampak Yang Berhormat Kapar bangun ini. Sila, sila, patut bangun awal lagi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak ada *timing* dia. Jadi *timing* kena bagus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sampai kena sentuh baru bangun.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya terdengar itu. Saya hendak menghayati dahulu Tuan Yang di-Pertua boleh ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak tanya ini, di Amerika Syarikat ini dia dapat dana untuk calon-calon dia dari sudut orang ramai mahupun daripada kerajaan. Orang-orang Arab tidak bagikah? Sheikh-Sheikh daripada Arab tidak bagi dermakah kepada calon-calon Amerika Syarikat? Apa penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini soalan yang telah diutarakan. *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak atur Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terlalu *transparent* nampaknya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Transparent* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Baik, baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya nampak, saya nampak. Ya sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Sebenarnya banyak soalan yang diatur yang daripada sebelah sana siap baca lagi. Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada baca.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah ada sentuhan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Shah Alam soalankah apa ini, Yang Berhormat Shah Alam? Yang Berhormat Shah Alam kacau sahaja kerjanya ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hanya memberi penjelasan kepada kenyataan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya meneliti dengan baik apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kelana Jaya berhubung dengan kekayaan syarikat dengan kekayaan individu. Saya merasakan bahawa ini menunjukkan satu ketidakseimbangan yang mungkin ianya membuktikan bahawa kadar gaji yang dibayar oleh ataupun yang diperolehi oleh rakyat Malaysia itu adalah kadar yang tidak seimbang dengan kekayaan GDP negara. Ini yang mana sekiranya gaji itu dinaikkan maka semestinya cukai pendapatan individu itu akan bertambah. Bila cukai pendapatan individu itu bertambah maka sumbangan individu kepada kutipan pendapatan kerajaan akan juga bertambah. Saya rasa benda ini pernah di bincang dahulu dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Kelana Jaya kerana mampu membuktikan ataupun menunjukkan kepada kita, bahawa persoalan penggajian perlu dikaji untuk menentukan bahawa satu agihan kekayaan yang lebih adil mungkin dapat berlaku.

Kedua berhubung dengan sama ada rang undang-undang ini akan menyebabkan masalah itu menjadi lebih meruncing ataupun sebaliknya. Saya berkeyakinan *insya-Allah* bahawa sekiranya ianya memudahkan *business* membuka dengan adanya *single director company*, dengan segala kemudahan-kemudahan yang memudahkan orang biasa untuk memulakan perniagaannya. Maka ianya akan membuka ruang untuk menentukan bahawa lebih ramai akan terlibat secara aktif, secara *entrepreneur* dalam usaha membangunkan ekonomi negara.

Tidak lagi bergantung kepada perjawatan-perjawatan daripada syarikat-syarikat besar dan sebagainya. Akan tetapi boleh menjadi *entrepreneur* dan membuka syarikat sendiri dan melakukan perniagaan yang mana akan hasilnya lebih ramai yang akan mendapat gaji yang lebih banyak, pendapatan individu yang lebih banyak. Juga akan menuju ke arah perseimbangan dari segi sumbangan syarikat dan sumbangan individu. Apa pandangan Yang Berhormat Kelana Jaya?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Boleh Yang Berhormat Batu Pahat mencelah sedikit?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Boleh boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Batu Pahat.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kelana Jaya terima kasih. Saya mendengar tadi dengan teliti bandingan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kelana Jaya bahawa pendapatan syarikat sama ada di Amerika ataupun di Malaysia ini terutama di Malaysia jauh melebihi pendapatan rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Disebut Singapura tadi perbandingan.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Singapura rakyat lebih. Jadi kalau dalam konteks Malaysia Yang Berhormat apakah ini memberikan gambaran bahawa slogan kerajaan rakyat didahulukan atau rakyat diutamakan itu tidak bertepatan dengan keutamaan yang diberikan kepada syarikat. Kalau itu benar apakah pandangan atau cadangan daripada Yang Berhormat supaya kerajaan membetulkan kedudukan itu supaya kedudukan rakyat tidak jauh terpisah ataupun dia punya kesenjangan, perbezaan antara syarikat dengan rakyat itu tidak begitu jauh. Sehingga rakyat tidak ada kuasa, *political power influence* dan juga pengaruh-pengaruh dalam bidang lain bila mereka sebenarnya hampir *disempowered* dari segi kedudukan ekonominya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih pertama kepada Yang Berhormat Kapar. Seperti Tuan Yang di-Pertua sudah maklum kita susahlah sekarang di Dewan ini hendak bincang RM2.6 bilion jadi kena carilah jalan untuk masuk komen-komen yang betul. *[Ketawa]* RM2.6 bilion *now?* Okey RM2.6 bilion. Bagi Yang Berhormat Shah Alam memang betul kita perlu pastikan pembayaran gaji kepada pekerja-pekerja ditingkatkan pada tahap yang baik supaya kita *create* satu *virtual cycle*. Di mana mulanya mereka dapat gaji lebih dia belanja lebih ekonomi akan berkembang. Juga betul *point* kedua tentang *entrepreneurship* yang baik. Rang undang-undang ini memang mempesatkan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Eh! Lagikah ada lagi? Okey okey nanti Yang Berhormat Batu Pahat dahulu. Yang Berhormat Batu Pahat kita perlu akur bahawa sistem kapitalisme yang dipakai di seluruh dunia ini selain daripada North Korea memang lebih efisien.

■1250

Apa yang penting ialah kita di kerajaan perlu memastikan bahawa kita mengagihkan balik atau *redistribute the corporate earnings that we get*. Silakan Yang Berhormat Shah Alam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya pun tak tahu macam mana hendak letakkan ataupun hendak beri *the wording* kepada soalan yang saya hendak tanya. Keadaan di mana syarikat-syarikat mendapat keuntungan yang besar berbanding dengan pendapatan pekerja yang rendah, tidakkah ini menunjukkan kepada kita bahawa ada sesuatu yang tidak betul dari segi agihan pertumbuhan kekayaan yang berlaku, yang mana syarikat-syarikat ini mendapat keuntungan yang begitu banyak dan pendapatan yang dibayar kepada pekerja dan kepada rakyat Malaysia ini tidak setanding dengan keuntungan yang diperoleh oleh syarikat-syarikat itu.

Bukankah ini sepatutnya pernah ada dibentangkan dalam Dewan ini soal pecahan pertumbuhan ekonomi itu dan berapa banyak pergi kepada syarikat dan berapa banyak pergi kepada rakyat yang menunjukkan bahawa banyak yang pergi kepada syarikat dan kurang kepada rakyat. Apakah cara untuk hendak mengatasi benda ini? Pandangan Yang Berhormat Kelana Jaya.



**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Rang undang-undang ini ialah tentang *Companies Act* tetapi saya akan berilah satu *opinion* tentang isu ini. Sebenarnya yang penting ialah kita perlu mengadakan satu sistem di mana pendapatan pekerja - *the minimum wage, we have to move to living wage*, ia kena naik. Ia perlu dinaikkan dan cara untuk menaikkan pembayaran gaji ini boleh dilakukan sekiranya Kerajaan Malaysia ada duit, ada dana *facilitation* untuk buat perkara ini. Apa yang kita lihat dari Singapura ialah kerana mereka terdapat banyak surplus, apabila mereka hendak menaikkan gaji, dia pilih sektor-sektor terpenting untuk naikkan gaji untuk tahun itu.

Katakan dia kata sektor *security guard*. Dia kira ada berapa ribu *security guard*, tahun itu dia naik gaji *security guard*. Dia bayar setengah, dia suruh syarikat bayar setengah. Jadi, katakan dia naikkan gaji RM300, Kerajaan Singapura bayar RM150 dan syarikat bayar RM150 untuk tiga tahun. Tahun depan dia fokus kepada katakan restoran, lepas itu kepada *nurses*. Ini kalau dilakukan dengan baik tetapi *the precondition is, we must have extra money*. Negara ini kita punya bajet tiap-tiap tahun kosong, RM30 bilion, RM40 bilion, RM50 bilion defisit. Jadi kita perlu menyemak semula cara kita membuat defisit ataupun membuat sistem fiskal kita. Bila kita ada duit, kita ada wang lebih, kita boleh *pursue* polisi untuk menaikkan gaji. *That is a long term solution that we need to do* dan saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya akan pulang kepada isu...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** [Bangun]

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Alamak, lagi satu minit. Okey, silakan Yang Berhormat Bayan Baru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya tertarik dengan hujahan *living wage*, dengan izin, oleh Yang Berhormat Kelana Jaya kerana kita tahu bahawa sekarang masalahnya adalah *corporation* menjadi terlalu kaya. Disebabkan *corporation* terlalu kaya, kita nampak sekarang ada *super corporation* seperti di Amerika Syarikat, ia ada *Apple*. *Apple Computer* ini ia punya *revenue* sahaja, lebih kurang sama dengan *the entire GDP of Malaysia*. *Revenue* satu tahun oleh *Apple Computer* lebih kurang USD300 bilion dan Malaysia punya GDP adalah USD330 bilion. Maksudnya mereka terlalu kaya dan sehinggakan *corporations* besar ini ia menentukan hala tuju polisi kerajaan, itu nombor satu.

Kedua adalah apabila *corporation* menjadi besar, mereka mempunyai keuntungan yang banyak, maka mereka tidak tahu bagaimana hendak menggunakan duit-duit mereka. Mereka akan bayar CEO mereka dengan pelbagai *perks* dengan *salary* dan sebagainya yang terlalu besar dan *average typical worker* pula ditindas dengan gaji yang sangat minimum, bayar dengan gaji minimum. *So the ratio between the CEO di corporations* besar, dulu pada tahun 1970-an *the ratio between the CEO dengan typical worker* adalah lebih kurang 20 kali ganda, *in the 60s and 70s is about 20*.

Sekarang tahun 2015, *the ratio between the CEO and the typical workers* di Amerika Syarikat adalah 500 kali ganda, 500 *times* dan saya nampak keadaan berlaku di Malaysia juga kerana sekarang *corporation* yang besar seperti Maxiskah, Astrokah, dengan skala 1MDBkah, besar, *billions* ringgit tetapi bayar CEO apabila mereka jadi kaya, besar, mereka bayar CEO, *millions of ringgit*, satu bulan.

Akan tetapi *average workers* bayar gaji minimum, RM900. *That is a huge injustice*. Kalau kita ada - tak kisah kita berapa *business friendly, at the end of the day*, adalah bagaimana *corporation* boleh jaga kebajikan rakyat dengan orang yang bekerja untuk menjayakan *corporation* tersebut. *You have a very big loss that you want to build business friendly at the end, the workers get nothing. This is huge injustice*. Apakah pandangan Yang Berhormat Kelana Jaya?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Memang saya setuju dan bolehlah dimasukkan dalam perbincangan saya. Saya memang faham walaupun seperti *example The Apple Computer* tadi itu. Di Malaysia pun kita sama juga. CEO dapat 300 kali ganda, 500 kali ganda. Seperti CIMB, saya memang *respect* apa yang Dato' Seri Mohd Nazir bin Tun Abdul Razak buat, adik kepada Perdana Menteri kita. Akan tetapi bayaran gaji dia saya ingat pada dua tahun lalu bila saya semak, mencecah RM8 ke RM10 juta setahun dan kita tahu gaji pekerja biasa Malaysia ini tak sampai RM3,000 sebulan, RM36,000 sahaja setahun.

Jadi isunya memang saya setuju, saya perlu nasihati Dewan ini supaya kita sentiasa waswas dan juga jangan hanya menjaga kepentingan syarikat-syarikat tetapi mengambil langkah-langkah untuk memastikan kepentingan rakyat dipelihara. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, mungkin satu hari Malaysia akan jadi macam United States di mana satu peratus, *the one percent control the entire political system* yang kita semua tahu dan tindas golongan 99 peratus yang miskin.

Jadi saranan saya kepada Dewan yang mulia ini adalah kita perlu mempergiatkan undang-undang yang lain dan juga membantu rakyat jelata bagi setiap undang-undang yang membantu pihak syarikat. Kita perlu menonjolkan satu atau dua undang-undang untuk menolong rakyat. Kita perlu memberi fokus kepada undang-undang *social safety net* dan memberi kuasa yang setimpal kepada *trade union*.

Yang Berhormat Kuala Langat tak ada, tak apa tetapi saya boleh cakap bagi pihak Yang Berhormat Kuala Langat. *Trade union* ini tersangat penting dari segi ekonomi. Kalau *trade union weak* atau tidak cukup kuat, ekonomi kita tidak akan berkembang. Itu memang terbukti di Jepun, Korea dan sekarang di China juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh gulung ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Boleh? Okey, saya ada dua minit lagi, saya akan *shortest my speech* sedikit. Hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini adalah cuma satu alat untuk mencapai satu matlamat sebagaimana sebatang cangkul digunakan sebagai alat

untuk menanam sephohon pokok. Cara kita menggunakan alat ini menjadi faktor penentu untuk menilai keberkesanan sesuatu undang-undang. Jika kita komited terhadap satu idea membina sebuah ekonomi pasaran bebas dan peralatannya sesuai, maka implementasi dan tuntutan pihak akan boleh membantu negara menuju ke arah matlamat tersebut. Dengan izin, *a law on its own cannot bring change, it is the implementation that will be decisive in transforming the nation.*

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita meluluskan rang undang-undang ini dan saya pasti undang-undang ini akan diluluskan, usaha untuk membina semula ekonomi kita yang sekarang *dysfunctional*, perlu dilakukan secara serta-merta. Dalam dunia yang kurang sempurna di mana sistem kapitalisme terlalu besar, terlalu kuat berbanding dengan sistem *social safety net*, kita perlu memastikan pengutipan cukai maksimum daripada syarikat yang adil.

Bukan kata kita naikkan cukai itu, kita kena dapatkan atau pastikan semua syarikat tak lari daripada cukai, masih *maintain* 25 peratus ke 26 peratus tetapi hasil syarikat itu boleh digunakan, diagih balik kepada rakyat dan pekerja dan itulah pada pandangan saya, matlamat utama Dewan ini, dengan izin, *in conclusion, we can help corporations to be more competitive but in return, this corporations must agree on the social contract to ensure greater equality for all.* Itu sahaja perbahasan saya. Sekali lagi tahniah kepada SSM dan semua *stakeholders*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

**1.00 tgh.**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Membaca doa] Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai. Kita sambung jam 2.30 ya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

***[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 tengah hari]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Bagan Serai.

**2.33 ptg.**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Syarikat 2015.

Saya melihat semakan semula akta ini adalah penting berdasarkan kepentingan dan fungsi syarikat itu sendiri yang mencorakkan ekonomi negara, menjadi satu ejen perubahan. Seperkara lagi ialah usia akta tahun 1965. Usia Akta 125 ini menjangkau hampir 50 tahun, sudah agak begitu lama dan perlu satu pembaharuan terhadap akta ini bertepatan dengan kehendak ekonomi dan kesesuaian pada masa sekarang.

Kalau saya ambil contohnya macam budaklah, seorang budak yang berumur tujuh bulan, dia punya makanan adalah bubur dan susu umpamanya, itu makanan dia. Kalau sudah ada itu, sudah sesuai untuk dia. Tetapi apabila anak kecil ini mencapai umur 17 tahun, maka makanannya sudah jadi lain. Kalau bagi susu dan bagi bubur sahaja, maka tidak mencukupi apa yang diperlukan oleh dia. Jadi begitulah keadaan umurnya. Cuba bayangkan, seorang anak umpamanya, telah menjangkau umur 50 tahun. Jadi, semakan undang-undang ini adalah satu perkara yang penting dan sangat-sangat bersesuaian, sangat-sangat perlu untuk keadaan semasa ekonomi hari ini.

Saya melihat kepada rentetan usaha yang dilakukan oleh SSM dan KPDNKK. Kalau kita lihat, KPDNKK telah mewujudkan satu Jawatankuasa Semakan Semula Undang-undang Korporat atau *Corporate Law Reform Committee* (CLRC) dengan izin, pada 17 Disember 2003, itu sudah lama. Usaha-usaha yang dijalankan oleh CLRC yang mengandungi 25 orang ahli yang mengandungi pakar-pakar untuk membincangkan perkara yang penting dalam perubahan yang akan dilakukan. Jadi proses konsultasi menyeluruh untuk mendapat maklum balas dari *stakeholders*, dari pemegang taruh semua bagaimana supaya perubahan yang dilakukan ini dapat menjamin satu kebaikan yang lebih untuk rakyat dan juga untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, proses konsultasi yang menyeluruh ini telah membentangkan 12 kertas konsultasi pelbagai aspek perundangan syarikat iaitu berkenaan dengan penubuhan pendaftaran, pentadbiran dan juga penggulungan sesuatu syarikat. Pada tahun 2008 iaitu lebih kurang lima tahun selepas itu, CLRC memuktamadkan kajian dan menyerahkan kepada SSM dengan 188 cadangan yang mana 183 cadangan diterima. Ini memakan lagi dua tahun kerana telah menyatakan 19 kenyataan polisi di mana Jemaah Menteri telah bersetuju pada asasnya pada tahun 2010. Ia merupakan satu kerangka am untuk rumusan rang undang-undang yang baru untuk syarikat di negara kita ini. Malah, SSM telah mengadakan satu lagi Jawatankuasa Konsultatif berkenaan dengan perakaunan, menyemak semula hal-hal yang berkaitan dengan akaun.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2011, rundingan awam untuk isu pengenalan rejim tiada nilai par atau *no-par regime* ini telah diperkenalkan. Pada tahun-tahun berikutnya iaitu pada tahun 2013, proses semakan gubalan komprehensif telah diadakan di mana draf undang-undang syarikat telah dibincangkan dengan Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara, Bahagian Undang-undang KPDNKK dan juga dengan pegawai-pegawai di SSM. Jadi, draf didedahkan untuk orang awam untuk memberi pandangan dan juga input selama lebih kurang dua minggu dan juga sesi perbincangan tertutup juga diadakan dengan pelbagai *stakeholders* dengan izin, mereka-mereka yang terlibat dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, SSM menyediakan satu kerangka perundangan yang moden bagi komuniti perniagaan di Malaysia. Ini satu perkara kebaikan yang penting. Rang undang-undang ini akan menghapuskan prosedur-prosedur lapuk, mengurangkan kos pematuhan melalui konsep pemudahcaraan. Ini rang undang-undang yang bersifat maju ke hadapan dengan mengambil kira peranan ICT dan juga inilah yang diharapkan rang undang-undang yang membantu komuniti perniagaan terutamanya IKS untuk berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kepada perkara-perkara penting ataupun ciri-ciri penting ataupun kriteria-kriteria yang ada dalam perkara ini. Dapat kita lihat beberapa perkara yang *dihighlight*, diutamakan iaitu perkara menghapuskan mesyuarat agung tahunan dan sebaliknya dapat menggunakan prosedur ketetapan bertulis untuk membuat satu keputusan memberikan satu kelonggaran kepada syarikat-syarikat. Juga, perkara-perkara yang dilakukan untuk meningkatkan tadbir urus korporat dan kawalan dalaman. Perkara ini akan memberikan satu proses dokumentasi yang mudah dibuat yang disokong oleh perundangan yang lebih fleksibel, data perundangan yang menyokong tanggungjawab korporat bagi memelihara kepentingan pelbagai pihak seperti pekerja, peminjam, *creditors*, alam sekitar dan sosial. Inilah rang undang-undang yang kita jangka lebih mesra dan tidak terlalu *rigid* tanpa kompromi terhadap kawalan dalaman dan amalan tadbir urus korporat, memudahkan usahawan memulakan *business*, mewujudkan satu persekitaran perniagaan domestik yang kondusif.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah memperkenalkan rejim tiada nilai par kerana pada undang-undang yang dahulunya, tidak ada. Perkara ini mungkin tidak relevan dan juga mungkin *misleading* untuk zaman sekarang ini.

Akhirnya ciri-ciri penting ialah tentang skim rehabilitasi untuk membantu syarikat-syarikat yang bermasalah. Contohnya, dimasukkan penggal 8 fasal 394 di dalam rang undang-undang ini iaitu mekanisme penyelamat korporat. Memberikan peluang kepada syarikat yang menghadapi masalah kewangan untuk menstrukturkan semula liabiliti secara persetujuan dengan kreditor, *corporate voluntary arrangement* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ataupun melalui perintah pengurusan yang dipantau oleh mahkamah melalui pelantikan pengurusan kehakiman. Sebelum ini tiada sebarang peruntukan dalam undang-undang yang sedia ada yang selama ini untuk konteks ini.

Selain itu, pindaan terhadap akta ini juga membolehkan syarikat menghantar penyata tahunan dalam tempoh sebulan selepas cukup setahun syarikat tersebut beroperasi serta tempoh penghantaran penyata kewangan dipanjangkan hingga ke tujuh bulan. Jika sebelum ini, penyata tahun harus dikepilkan bersama penyata kewangan dan perlu diserahkan dalam tempoh sebulan selepas syarikat tersebut cukup tempoh setahun pengoperasian.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga menjadi harapan saya supaya tidak terjadinya penipuan-penipuan yang wujud dengan syarikat-syarikat yang bermacam-macam sekarang ini. Sepanjang tahun 2012 hingga 2015, sebanyak 221 pelaburan yang tidak diiktiraf oleh Bank Negara telah melibatkan dengan pelbagai jenis pelaburan dan yang paling banyak dikategorikan adalah pelaburan emas dan *Forex*.

## ■1440

Saya ada terbaca cerita pelaburan emas ini dulu, 8 ribu orang pelabur menunggu, menunggu emas, menunggu pelaburan yang mereka lakukan, menunggu emas, 4 ribu kilogram emas tidak datang. Penipuan yang kena dan akhirnya mereka yang menjual emas ini, menunggu juga duit tidak dapat. Lebih daripada RM180 juta dianggarkan kerugian ditanggung. Ini ramai orang yang impian tidak jadi kenyataan. Susulan kejatuhan nilai wang ringgit umpamanya dulu, jadi digembar-gemburkan supaya rakyat melibatkan diri dalam perniagaan pelaburan berasaskan pertukaran mata wang asing, *Forex* lah.

Penipuan *Forex* ini begitu banyak diterima oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional dan ramai mangsa pelaburan *Forex* yang tampil untuk membuat aduan. Jadi saya pernah dengar ini, pada hakikatnya syarikat-syarikat ini dia kutip duit, dia bagi janji-janji manis. Pelaburan yang kecil, pulangan pelaburan yang tinggi. Siapa yang tidak mahu? Sebab rakyat, ramai orang pun memanglah yang berkeperluan lebih, keluarga dan sebagainya. Bila dengar benda-benda macam ini, mereka pun cepat keluarkan duit daripada simpanan. Sama ada ASB kah, Tabung Haji kah, apa-apa simpanan, dia keluar untuk dapat.

Saya pernah dengar satu skim, masuk RM4 ribu lebih lah, RM4 ribu lebih labur, tiap-tiap bulan dapat RM900 selama 1 tahun, tidak payah buat apa-apa. Ini yang susah. Jadi orang kita ini, dia hendak senang, dia hendak kaya tapi dia tidak mahu kerja. Kalau ada pelaburan yang labur, tunggu dapat duit, orang cepat-cepat masuk. Ini penyakit sudah daripada dulu lagi kita dengar tiap-tiap tahun ada saja penyakit-penyakit tentang skim cepat kaya, tentang penipuan, tentang syarikat-syarikat ini.

Ada syarikat yang menawarkan letak RM38 ribu tiap-tiap minggu dapat 8% selama satu tahun. Oh ini yang jadi kaya. Ada saya dengar, ada orang yang letak dalam 3 tahun. Jadi dia duit RM100 ribu ataupun dia ada duit RM200 ribu, dia hendak jadikan beratus-ratus ribu, dia tidak mahu kerja. Asalnya hendak kaya tapi tidak mahu kerja. Kalau ada peluang-peluang syarikat, peluang-peluang pelaburan yang kena kerja, orang kita tidak berapa suka.

Ini satu *attitude*, satu sikap yang sebenarnya yang memang salahlah. Sebab itu sepatutnya rakyat hari ini kena sedar, kena cepat-cepat dengar. Saya selalu bagi nasihat pada kawan-kawan, kalau benda itu dapat cepat sangat, itu tidak betul lah itu. Sebagai seorang doktor, ada pernah saya jumpa orang, makan pil ini semua baik. Itu pun tidak betul ataupun telan pil ini semua kuat, itu pun tidak betul juga. Jadi kalau cepat, itu ada benda yang tidak betul, adalah dekat mana-mana itu. Jadi kita lihat, kita bimbang penipuan syarikat-syarikat ini berjalan dan mengganggu ramai orang. Banyak syarikat telah disenaraikan. Ada yang menggunakan memancing masa dengan menggunakan iklan di surat khabar. Jadi orang akan petik ataupun sekarang ini media sosial, orang akan petik dan orang akan masuk, orang akan beli ubat.

Hari ini dalam media sosial ada doktor, ada doktor media sosial, ada *lawyer* media sosial, ada *engineer*, semua ada, semua orang sudah dapat jawatan semua sudah. Hari ini kita lihat banyak juga tawaran-tawaran yang indah khabar daripada rupa yang hanya menyebabkan orang kerugian, menderita apabila duit mereka tidak dilaburkan sebenarnya. Jadi pada hakikatnya

saya katakan tadi, yang katakan pasaran *Forex* ini, syarikat ini tidak ada kena mengena dengan pasaran *Forex* yang sebenarnya.

Ada juga syarikat yang menjalankan sesi latihan, buat 5 hari kursus lepas itu keluar jadi agen-agen pelaburan. Lepas itu tidak jadi apa-apa juga. Jadi penipuan yang saya katakan macam Skim Cepat Kaya ini, tidak serik-serik oleh rakyat. Kita dengar sudah surut sekejap, sudah sunyi sekejap, nanti datang satu lagi. Dia bagi khabar-khabar yang menggembirakan tadi. Letak banyak ini, dapat banyak ini, dapat cepat, jangan risau, tidak payah buat apa-apa. Serbu orang masuk. Jadi cukup 3-4 bulan, ada seorang bagi tahu saya, saya dapat 6 bulan dia kata. RM900 dapat 6 bulan, dapatlah balik duit dia RM5 ribu. Tapi yang lain-lain tidak dapat. Selalunya yang hujung2 tidak dapat, yang mula-mula itu yang dapat.

Jadi ini penipuan yang saya katakan rakyat Malaysia ini tidak serik-serik lah. Jadi kita hari ini dengan segala ilmu di hujung jari hari ini, dengan segala maklumat yang cepat kita dapat hari ini, patut rakyat lebih sedar, lebih insaf. Kita kena kerja kuat, kita kena kerja *smart* dan kita jangan terpedaya oleh syarikat-syarikat yang buat penipuan-penipuan ini. Tuan Yang di-Pertua, beberapa kebimbangan dan keraguan saya tentang usaha ini, yang dilakukan ini yang begitu hebatlah, memakan masa lebih dari 10 tahun. Apabila terdapatnya kategori syarikat yang boleh dikecualikan daripada keperluan audit ini. Terutamanya kepada syarikat domain ataupun syarikat-syarikat yang kecil.

Jika undang-undang sebelum ini menyatakan setiap syarikat perlu menyediakan penyata kewangan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan, wajib diaudit. Jadi kita bimbang takut ada syarikat-syarikat yang gergasi yang menggunakan proksi atau membuka syarikat kecil semata-mata untuk cuci duit dia ataupun untuk lari daripada membayar cukai. Ini satu lagi perangai. Kita kerja kuat, kita dapat duit, kita tidak mahu bayar cukai. Sebab apa daripada dulu lagi saya sudah cakap tentang persepsi ataupun sikap kita kepada cukai. Cukai ini bukan orang hendak rompak duit kita. Sebegitu juga saya cakap fasal dengan insurans. Orang datang insurans, hendak bagi kita peluang untuk kita tengok masa depan kita supaya kalau jadi apa-apa sediakan payung. Tapi bila orang hendak jual insurans, kita rasa macam orang hendak curi duit kita.

Begitu juga dengan cukai-cukai. Kerajaan melaksanakan cukai untuk membuat segala-galanya untuk rakyatlah. Sebab itu kerajaan memikirkan bagaimana cukai dapat membantu. Hari ini di Malaysia ini hanya 10% yang bekerja, yang bagi cukai. Yang lain tidak bagi cukai. Belum cerita lagi yang melarikan diri daripada membayar cukai. Jadi sebab itu contohnya kita buat sistem-sistem baru, sistem percukaian baru supaya kita maju ke depan. Kita tidak mahu ada pemikiran ke belakang, pemikiran-pemikiran yang lapuk yang sepatutnya dihapuskan demi kesejahteraan rakyat Malaysia. Ini yang sepatutnya kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, ini kebimbangan yang saya fikirkan tadi, selain daripada itu garis panduan yang jelas bagi pengusaha perniagaan *online* yang tidak jelas. Sebab ini merupakan satu trend sekarang ini kerana kita takut nanti ada penipuan dan ada juga benda-benda yang tidak elok berlaku. Sebab orang sekarang buka dia tengok. Sekarang ini banyak *business online*.

Melalui media sosial, melalui *Twitter*, melalui *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya, orang beli tunggu dekat rumah. Orang beli, dia order melalui media, dia tunggu dekat rumah, barang hantar, 2 jam lagi sampai barang.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sibuti, silakan.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih saudara Yang Berhormat Bagan Serai. Saya hendak bertanya, tadi ada menyentuh syarikat-syarikat sederhana dan kecil ini. Kita tahu syarikat ini apabila berniaga mereka cuba hendak mencari untung tetapi oleh kerana kekangan-kekangan kita punya persaingan maka mereka tidak dapat keuntungan yang besar dan kemudian itu sebelum Rang Undang-undang ini hendak diadakan, siapa yang tidak menghantar laporan audit kah, laporan tahunan kah akan didenda, bukan sedikit, RM3 ribu, RM5 ribu, RM8 ribu denda kepada syarikat yang kecil sederhana ini.

Boleh tidak dengan adanya undang-undang ini, perkara yang demikian kita rujuk dulu kepada syarikat itu, panggil mereka berbincang, jangan didenda dulu. Apa pandangan, Yang Berhormat Bagan Serai?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti, ini baru satu perkara yang sebenarnya sedang berlaku. Kita dapat lihat ramai orang yang ada syarikat hari ini. Kenapa mesti hantar penyata lambat, kenapa mesti hantar penyata kewangan lambat? Kita diberikan satu tahun, awak berniaga. Awak berniaga awak dapat untung. Untung besar kah, untung kecil tetap untung. Jadi kita ini meniaga, meniaga ini memang ada risiko. Kita cuma cerita bila kita rugi. Bila kita untung? Itu sebab salah satu perkara yang kita bimbang ialah juga tentang bagaimana syarikat-syarikat melayani pekerja-pekerja dia. Ini satu perkara lagi. Adakah macam contohnya saya bagi syarikat keselamatan. Syarikat keselamatan kalau ada yang ambil PATI, ambil orang-orang yang masuk ke Malaysia secara haram, ini pun salah. Ini hendak untung cepat dan juga yang tidak memberikan gaji yang sepatutnya.

Kerajaan sudah hari itu sudah naikkan, sudah bagi masa untuk naikkan. Adakah kalau kita menaikkan gaji pekerja kita yang baru kerja, yang gaji daripada bawah ke RM900 kita jadi rugi? Adakah kita jadi rugi? Adakah kita jadi bankrap? Tidak ada. Adakah kita bila bayar *tax* itu kita jadi rugi dan bankrap? Tidak ada.

#### ■1450

Jadi, kita buat ini separuhnya adalah tanggungjawab kita sebagai rakyat dan juga kita ini sebagai amal jariah, kita menolong orang. Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat Sibuti yang mengatakan *problem* itu tetapi saya hendak nasihatkan ramailah, semua orang, kita rakyat Malaysia yang ada syarikat, kenapa boleh buat setahun? Kenapa penyata ini lambat? Apa pasal ini? Siapa yang salah ini? Orang yang buat akaun kah, setiausaha syarikat kah? Siapa yang salah? Kenapa lambat, kenapa tidak *remind*?

Sudah itu, tidak apalah salah, tidak apalah lambat. Sudah kena denda, tahun depan buat lagi. Tiap-tiap tahun buat. Jadi, ini maknanya seolah-olah, "*mencurah air di daun keladi*".



Seolah-olah macam tidak peduli. *So, who cares* Tuan Yang di-Pertua? Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, perniagaan *online* tadi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai kata kenapa ada syarikat yang lambat hantar laporan kewangan kan? Adakah Yang Berhormat Parlimen Bagan Serai ini menyindir 1MDB dan juga ILC yang bukan sahaja lambat, pernah tidak hantar pun. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepang ini, Yang Berhormat Sepang sudah makan kah belum?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tanya soalan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang itu dia tidak makan waktu tengah hari, dia pun tidak sahur, dia pun tidak puasa tetapi dia tidak makan paras gula akan jatuh rendah. Bila paras gula jatuh rendah inilah jadinya, bangun cakap merepek. Terus pergi tempat lain. Saya tak nak keluar daripada tajuk.

Tuan Yang di-Pertua, jadi perniagaan *online* yang saya katakan tadi kita bimbang takut perundangannya tidak mencakupi perniagaan yang berteraskan *online* dan ini akan membuatkan terdedahnya kepada penipuan. Jadi, perniagaan *online* yang saya katakan tadi daripada media sosial, orang sekarang hendak mudah. Dahulu kita kalau kita hendak pergi makan umpamanya orang makan di *Pizza Hut*, dia pergi *Pizza Hut*. Sekarang dia order dekat rumah. Dia boleh order macam-macam. Beli barang-barang tidak payah pergi kedai. Satu hari nanti kita hendak beli sayur, ikan, semua kita duduk dalam rumah, tunggu dia orang hantar. Jadi, perniagaan *online* ini perlu mendapat perundangan yang cukup, yang jelas supaya tidak berlaku kesilapan-kesilapan tadi.

Saya hendak cerita sedikit tentang syarikat kawalan keselamatan tadi. Tentang gaji yang tidak bagi betul, tentang gaji yang bagi lambat. Ini yang kita bimbang. Kalau orang yang gaji besar tidak apa lah, lambat pun tidak apa tetapi kalau orang yang gajinya kecil dia punya syarikatnya patut jaga bila bagi gaji. Gaji bila dapat? Saya tidak pasti. Hujung bulan, 24 atau 25 tetapi tidak boleh lambat. Jadi, majikan atau pun syarikat kena jagalah benda ini sebab apa itu harta kita. Pekerja itu adalah yang menjanakan peluang *business* untuk kita. Pekerja-pekerja kita *staff* kita.

Jadi, gaji kena jaga, kebajikan kena jaga. Ada syarikat yang tolak dalam skim gaji caruman PERKESO, atau pun caruman EPF tetapi tidak bayar. Ini satu lagi yang jahat ini. Jadi, undang-undang ini kena tengok perkara-perkara macam ini. Tidak bayar gaji, lambat bayar gaji, tidak naik gaji dan tidak ada kenyataan bertulis yang jelas tentang *job spec*. Tentang apa kerjanya sebenarnya. Sebenarnya kerja dia apa, apa dia buat? Adakah dia *driver*, atau dia potong rumput atau pun dia jadi jaga, dia jadi pengawal keselamatan? Apa yang dia buat sebenarnya dan bila kenaikan-kenaikan gajinya?

Saya pernah tanyalah beberapa orang pengawal keselamatan berapa gajinya? Adalah tidak sampai RM900. Sudah naik dah? Tidak naik. Saya pernah tengok orang keselamatan yang kerja jaga satu taman, dia jaga seorang-seorang. Tidak payah orang jahat datang, kalau monyet datang pun dia tidak boleh jaga, sebab dia jaga seorang-seorang. Bila dia hendak buat rondaan, bila dia hendak jaga? Jadi, kebajikan pekerja ini satu perkara lagi. Syarikat-syarikat kena berhati-hati supaya rang undang-undang yang kita akan luluskan ini supaya perkara-perkara ini tersimpul dalam itu. Jadi, maknanya kepentingan pekerja, kepentingan *creditors*, kepentingan macam saya katakan tadi alam sekitar, kepentingan sosial dapat dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang mencadangkan lima bahagian sudah dipecahkan kepada 620 seksyen dengan 13 jadual. Satu yang kompleks, satu yang telah mengambil masa yang agak lama dan usaha yang bersungguh-sungguh. Sekali lagi saya hendak ucapkan tahniahlah kepada SSM, KPDNKK kerana bersungguh-sungguh dalam perkara ini dan kita mengharapkan benda ini terjadi dengan baik. Undang-undang jadi baik. Entah bila lagi undang-undang ini akan diselaraskan dengan ekonomi semasa hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting dan adalah menjadi sangat-sangat sampai pada masanya untuk perubahan-perubahan yang berlaku. Seperti yang saya katakan tadi daripada awal iaitu anak yang berumur tujuh bulan itu hari ini sudah berumur 17 tahun, hari ini sudah berumur 50 tahun. Sudah tidak jadi anak lagi dah. Jadi, makanannya ini sudah tidak sesuai. Makanan yang dia makan tujuh bulan itu sudah tidak sesuai untuk makanan umur yang 50 tahun. Jadi, Tuan Yang di-Pertua sekali lagi saya ulang bahawa rang undang-undang ini memang sangat-sangat tepat pada masanya dan benar untuk kepentingan rakyat dan negara untuk maju. Bagan Serai menyokong Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang.

## 2.55 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang yang membenarkan saya untuk turut berbahas mengenai rang undang-undang berkaitan dengan Akta Syarikat ini. Saya hanya ingin memfokuskan kepada dua tajuk sahaja Tuan Yang di-Pertua iaitu berkaitan dengan MOA atau pun *the constitution of the company*. Yang keduanya berkaitan dengan isu penggulungan syarikat atau pun *winding up*.

Pertamanya mengenai isu *Memorandum of Association (MOA)* atau pun yang dipanggil *constitution of the company*. Kita tahu bahawa *company* ini dalam undang-undang adalah dipanggil *legal person* yang mempunyai entiti tersendiri berbeza dengan *firm* atau pun *partnership*. Di mana tujuan *company* ini adalah atau pun *company* ini dari segi yang kebiasaannya ada mempunyai dua peraturan yang mengikat *company* iaitu dipanggil *Memorandum of Association (MOA)* dan juga *Article of Association*.

Akan tetapi nampaknya pindaan kepada Akta Syarikat ini tidak lagi mewajibkan pihak syarikat mesti mempunyai perlembagaan atau pun *Memorandum of Association* berdasarkan seksyen fasal 31(1). Yang hanya wajib adalah kalau sekiranya syarikat yang dihadkan dengan

jaminan, itu pun *company limited by guarantee* yang mana ia ada satu kewajipan bagi syarikat untuk mesti mempunyai perlembagaan.

Pertamanya, saya ingin bertanya kepada pihak Menteri apakah rasional di tiadakan kewajipan untuk syarikat-syarikat ini mesti mempunyai MOA? Itu yang pertama. Beberapa hari lepas saya ada berbual dengan bekas hakim Mahkamah Rayuan yang telah bersara dan juga pernah berkhidmat di dalam SSM. Beliau mengatakan bahawa adalah amat tidak wajarlah kalau kita tidak mewajibkan syarikat ini mempunyai MOA. Sebab kita tahu bahawa peranan MOA dan juga peranan *Article of Association* adalah berbeza.

MOA ini adalah ibarat satu notis kepada pihak ketiga, pihak yang luar yang ingin berurusan bertransaksi dengan syarikat ini di mana mereka hendak tahu apakah matlamat, objektif penubuhan syarikat itu. Jadi, kalau ada mana-mana syarikat yang ada perlembagaan ini kita dapat tahu apakah tujuan syarikat itu ditubuhkan. Sebab itu dipanggil *constitution*. Macam dalam sebuah negara kita ada *Constitution* sebagai undang-undang tertinggi yang menerangkan apakah atau pun *define* negara ini, apa sistem dia, apa matlamat penubuhannya, semua itu terkandung dalam Perlembagaan.

Perlembagaan juga membenarkan supaya Parlimen membuat undang-undang dan undang-undang itu kita tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan. Jadi, kalau dalam sebuah negara perlukan Perlembagaan, walaupun kita tahu macam di UK tidak ada Perlembagaan bertulis sebab di sana mereka mengamalkan prinsip yang dipanggil *Parliamentary Supremacy of the Parliament*. Parlimen adalah sebagai institusi yang paling tinggi berbanding dengan Malaysia. Akan tetapi dalam konteks syarikat ini saya ingin *quote* apa yang dikatakan oleh seorang hakim Bowen LJ dalam kes Guinness lawan *Land Corporation of Ireland*, Mahkamah Rayuan di England yang menerangkan mengapakah pentingnya ada Perlembagaan ini.

Saya terjemahkan apa yang diputuskan dalam bahasa Melayu. "*Memorandum adalah mengandungi syarat-syarat asas yang berasaskannya sahaja syarikat dibenarkan untuk diperbadankan. Syarat-syarat itu diperkenalkan untuk faedah pemiutang iaitu pemberi hutang dan juga masyarakat luar dan dikenali juga sebagai pihak ketiga dan juga pemegang-pemegang syer. Perkara-perkara persatuan atau pun article Constitution, article of association adalah peraturan dalaman syarikat. Jika memorandum dan artikel bercanggah, memorandum akan mengatasi*". Jadi, hakim ini menerangkan betapa peri pentingnya adanya Perlembagaan.

#### ■1500

Sebab itulah saya, minta maaf Yang Berhormat Menteri, merasa susah untuk menerima rasional ataupun alasan mengapakah atau kerajaan ingin atau tidak mewajibkan? Ayat dalam seksyen 35 mengatakan '*May*' or '*May not*'. Jadi, tak wajib. Jadi saya hendak tanyalah, adakah ini telah dikaji walaupun dikatakan telah ada satu jawatankuasa tetapi mungkin sebab dalam *explanatory statement* itu pun tak berapa jelas kenapakah hendak dibuang memorandum itu.

Keduanya, saya melihat walaupun pihak kerajaan melalui pindaan ini tidak mewajibkan MOA kepada syarikat kecuali syarikat yang *limited by guarantee*, tetapi kalau kita lihat kepada

seksyen 36, seksyen 37, seksyen 38, bermakna kita masih mengekalkan peruntukan-peruntukan yang menyentuh tentang *constitution* ataupun MOA itu. Sebagai contoh, *company amend constitution*. Kalau kita merasakan Perlembagaan ini sudah tak perlu, kenapa kita harus kekalkan seksyen-seksyen ini?

Jadi, saya merasakan bahawa kalau bolehlah, saya mengharapkan kerajaan mungkin mengkaji semula supaya mewajibkan perlembagaan ini sebab kita tak mahu nanti, tanpa adanya kewajipan ini ataupun tanpa mewajibkan *constitution* ini mesti ada untuk syarikat ditubuhkan, ia mungkin akan membuka satu peluang untuk syarikat-syarikat ini mungkin *divert* daripada objektif ia ditubuhkan sebab tidak ada kewajipan untuk dia memberitahu kepada masyarakat luar bahawa apa tujuan ia ditubuhkan.

Walaupun ia kata, kalau tidak ada *constitution*, dia boleh *adopt* apa yang dia boleh, kita boleh lihat kepada akta syarikat. Akan tetapi kita tahu bahawa pihak ketiga yang berurusan dengan syarikat ini mungkin mereka sendiri tidak mahir tentang akta syarikat ini. Apatah lagi dengan akta yang baru ini. Pihak yang paling susah apabila terima ataupun apabila undang-undang diperkenalkan sudah tentulah *lost student* dengan *lecturer*.

Segala buku yang lama tak boleh guna. Dahulu kalau kami belajar di universiti dahulu, buku yang terkenal Walter Woonlah, buku yang *company* di Malaysia dan di Singapura yang ditulis oleh Profesor Dr. Walter Woon ini. Buku ini pun sudah tak boleh guna sebab memang berlari bersungguh, banyak perubahan yang telah dilakukan.

Saya baru beberapa bulan lepas ada kes melibatkan syarikat beli buku tentang akta syarikat ini. Sekarang buku ini pun sudah tak boleh guna. Mungkin saya minta *compensation* daripada kerajaan kot. [Ketawa] Jadi, kita ingin mendapatkan itulah justifikasi kenapa ia dibuang ini.

Keduanya Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin bertanya, apakah jaminan selepas ini? Syarikat-syarikat ini tidak akan menggunakan peluang, tak ada perlembagaan ini untuk mereka suka-suka, mungkin lari daripada objektif utama. Tadi kita telah dengar dari pihak Barisan Nasional tadi, daripada Yang Berhormat Parlimen Bagan Serai mengatakan *concern* dia terhadap syarikat-syarikat yang menipu ini, syarikat gores dan menang ini. Syarikat-syarikat ini, kita pun tak tahulah, adakah mereka ini ditubuhkan kerana apa? Jadi sekarang ini apabila tidak ada kewajipan untuk buat perlembagaan MOA, sudah tentulah mereka lagi *happy*. Mereka lagi seronok sebab mereka merasakan bahawa kalau dulu kami ada MOA pun kami boleh menipu, sekarang ini tak ada MOA, lagilah mudah untuk kami tipu. Terima kasihlah kepada kerajaan kerana bantu kami, mungkin mereka berfahaman begitu.

Jadi saya haraplah sangat supaya adakan balik kewajipan untuk kita MOA ini sebab saya hendak tanya juga, berapa banyak buah negara yang ada akta syarikat ini yang telah pun *dispense with* ataupun tidak wajibkan MOA ini. Tadi rakan saya kata, Yang Berhormat Menteri kata dari England. England ini memang banyaklah dia punya perbezaan dengan Malaysia ini. Seperti saya kata tadi, *even* negara dia pun tak ada perlembagaan bertulis. Jadi untuk kita hendak bandingkan dengan UK itu mungkin tidak begitu sesuai.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat kepada peruntukan mengenai penggulungan syarikat, penggulungan syarikat ini saya ada pertanyaan yang ingin saya kemukakan. Kalau kita lihat kepada fasal 466, izinkan saya membaca - ataupun sebelum itu kita pergi dulu kepada fasal 465. Fasal 465 ini dahulu, kalau dalam undang-undang yang lama, Akta Syarikat 1965, ia adalah di bawah seksyen 218. Seksyen 218, sekarang jadi seksyen 465. Maknanya, 200 lebih dia punya sengkang itu.

Seksyen 465 ini yang sering kita, kalau kita sebagai peguam ingin *wind up the company*, tanpa kita perlu dapatkan perintah dari mahkamah dari segi tak perlu dapat satu *judgement sum*. *The other word*, kita tak perlu saman *company*, dapatkan penghakiman, baru kita fail *petition*. Dalam seksyen 465 ini seperti mana seksyen 268 dahulu, ia ada satu peruntukan iaitu dipanggil kita boleh hantar satu notis kepada syarikat di mana kalau hutang dia, kalau tak silap saya RM500, kita hantar notis, dalam masa 21 hari dia tak bayar, dia dianggap *legally insolvent* sebab di bawah seksyen 218 dahulu ataupun seksyen 465 sekarang, mahkamah boleh mengarahkan penggulungan jika syarikat tidak mampu untuk membayar hutang itu, *unable to pay his debts*.

Berdasarkan peruntukan ini, seperti mana peruntukan seksyen 218, kita boleh hantar notis sahaja kepada *company*. Katakan ini hutang RM5,000 *even* RM10,000, *even* syarikat yang besar, *we just sent a notice*, dipanggil dahulu seksyen 218 notis, kalau dalam masa 21 hari ini dia tidak bayar, dia dianggap tidak *solvent*, kita boleh menggulungkan dia. Kita boleh pergi ke mahkamah untuk mendapatkan perintah penggulungan, *winding up petition*.

Sekarang ini, saya lihat dalam pengertian, *unable to pay his debts* dahulu, ataupun definisi tidak mampu untuk bayar hutang itu, dia didefinisikan dalam fasal 466, takrif ketidakmampuan untuk bayar hutang. Seksyen 466(1)(a) Yang Berhormat Menteri, yang saya ingin rujuk.

Satu syarikat hendaklah disifatkan tidak mampu untuk bayar hutangnya jika:

- (a) Syarikat itu berhutang dalam jumlah wang yang melebihi amaun yang ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri dan seseorang pemiutang melalui penyerahan atau selainya, menyampaikan satu notis tuntutan.

So, di sini, ada satu perubahan, satu *amendment*. Kalau dahulu di bawah Akta Syarikat 1965, dia menetapkan apa yang dipanggil *statutory amount*, tak silap saya RM500. Sekarang ini dikatakan, amaun itu ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, pertamanya saya ingin bertanya, kenapa tidak diletakkan jumlah tertentu? Kenapa letak amaun itu oleh Menteri dan ini akan menyebabkan kesukaran untuk menimbulkan *uncertainty* kepada pihak-pihak yang ingin gunakan mahkamah untuk *serve 218 notice* sebab tak ada amaun. Kita tangguh.

Selepas itu tidak pula dinyatakan, Menteri melalui apa, saya tak bacalah mungkin ada sebab terlampau tebal sangat akta ini. Saya tak nampak di manakah dalam bil ini diterangkan amaun ini ditentukan oleh Menteri melalui apa, tak ada. Saya *try* cari tadi tak jumpa. Akan tetapi yang peliknya, dalam *explanatory statement*, saya melihat ada jumlah yang dinyatakan.

Izinkan saya baca Yang Berhormat Menteri. Okey, ia dinyatakan dalam *explanatory statement*, “Fasal ini menjelaskan bahawa jika syarikat tak mampu membayar hutang apabila syarikat itu keterhutangan dalam jumlah yang melebihi RM5,000 dan notis tuntutan telah pun disampaikan kepada syarikat dan syarikat itu telah abaikan pembayaran jumlah wang itu dalam jangka masa yang ditentukan”. So, dalam bil ini tidak dinyatakan jumlah tetapi dalam *explanatory statement* dinyatakan RM5,000.

■1510

Saya nampak ini satu yang agak mungkin bagi sayalah, dengan penuh hormat, satu kesilapan sebab *explanatory statement* itu tak boleh kita nak gunakan kerana dia bukan *part of the law*. Kenapa kita tidak letakkan jumlah contohnya, kalau kita setuju jumlahnya ialah RM5,000, patut masukkan lah dalam seksyen 366 itu. Kenapa kita masukkan dalam *explanatory statement*? Ini akan menimbulkan kacau bilau dalam urusan mahkamah nanti.

Jadi saya ingin minta penjelasan daripada Menteri, kenapakah jumlah ini tidak dinyatakan secara spesifik dalam akta itu *instead* kita letak di bawah *explanatory statement*, itu yang kedua. Ketiganya Menteri, kalau kita lihat dalam pindaan kepada fasal-fasal mengenai penggulangan ini juga, ada *provision* yang juga membenarkan institusi-institusi tertentu untuk juga boleh memfailkan *petition* di mahkamah hatta Menteri sekarang ini, Menteri, Bank Negara, ada beberapa isu lain, dibenarkan oleh undang-undang ini untuk memfailkan *petition*.

Saya hendak tanyalah, saya minta maaf Menteri, saya tak buat *research* perkara ini, saya tak pastilah tapi saya rasalah sebelum ini tidak ada peruntukan begitu. Maknanya Menteri boleh failkan *petition* dan saya rasa sepanjang saya jadi peguam, dulu pernah mengendalikan kes-kes melibatkan *petition* penggulangan syarikat ini, tak pernah lagilah saya nampak kes-kes *law* yang menunjukkan Menteri failkan *petition* penggulangan ke atas syarikat. Jadi mungkin ada rasionalnya kenapa, jadi saya mahu Menteri menerangkan apakah rasionalnya, itu yang pertama.

Keduanya Menteri, saya hendak tanya juga, bukankah Menteri ini dalam mana-mana undang-undang ini dia ibarat sebagai satu pihak yang *oversee all the implementations of the law*. Maknanya dia ini, orang kata tidak *take part* dalam pelaksanaan undang-undang. Jadi apabila kita membenarkan Menteri untuk memfailkan *petition* ini, saya khawatir dia mungkin juga akan *open to abuse* di mana mungkin syarikat-syarikat kerajaan yang mungkin – syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan, syarikat-syarikat ini mungkin ada masalah dan bagi hendak melindungi masalah itu, benarkan Menteri failkan *petition*. Saya tidaklah menuduh tetapi saya harap Menteri dapat menjawab, begitu juga Bank Negara dan sebagainya. Jadi, Menteri boleh berikanlah penjelasan mengenai perkara itu.

Seterusnya Menteri sebagai akhirnya, berkaitan dengan *petition* penggulangan syarikat juga, kita lihat dalam peruntukan mengenai seksyen 465 berkaitan dengan Akta Syarikat ini Menteri, kita lihat dalam peruntukan 465 ini memberikan beberapa keadaan di mana satu syarikat boleh digulungkan oleh mahkamah. Cuma saya ingin menyatakan di bawah peruntukan 465(k), “Mahkamah boleh mengarahkan penggulangan jika (k) syarikat digunakan bagi maksud menyalahi undang-undang atau apa-apa maksud yang menjejaskan, tidak bersesuaian dengan

*keamanan, kebajikan, keselamatan, kepentingan awam, ketenteraman awam, keadaan yang baik atau prinsip moral di Malaysia”.*

Saya lihat ini satu keadaan di mana terlalu banyak dia punya keadaan itu yang membolehkan syarikat digulungkan. Memanglah apabila kita membenarkan syarikat ini digulungkan dan apatah lagi tadi saya kata tentang *unable to paid it tax* itu, selalunya mahkamah menegur peguam. Apalah hutang RM600 pun, dululah sebab dulu RM500 sahaja, hutang RM600 pun *you* dah *file petition*. Dia kata “*Court is not a debt collection agency where you can file petition suka-suka ini*”.

Akan tetapi sebenarnya ada rasional sebab apabila kita hantar notis itu, dia hanya buat satu *assumption, it is a rebuttable assumption*. Maknanya *company can still* lawan, *can fight a position to oppose the petition* tetapi mahkamah ada satu *tendency* berfikir bahawa kalau kita gunakan mahkamah untuk *wind-up the company* ini, kita akan menyebabkan kesusahan kepada pekerja-pekerja syarikat yang mungkin mereka dah bekerja lama dalam syarikat, tiba-tiba ada orang *file petition*.

Jadi apabila kita meletakkan satu keadaan di mana syarikat boleh digunakan, boleh digulungkan termasuk bila ia menjejaskan kepentingan awam. Saya hendak tanya dengan Menteri, *how do you determine* menjejaskan kepentingan awam ini? Saya minta maaf, saya tak nampak apa-apa definisi tentang kepentingan awam itu. Kalau ada, Menteri boleh terangkan. Begitu juga ketenteraman awam, keadaan yang baik atau prinsip moral. *Moral is always subjective*.

Jadi kita hendak kata satu *company* boleh digulungkan kerana menyalahi kepentingan moral? Kalau kita gunakan hujah itu, makna memang patutnya kerajaan tak boleh benarkan pun mana-mana syarikat terlibat dalam judi kerana judi ini tidak bermoral, kan? Adakah syarikat-syarikat TOTO, syarikat-syarikat yang dibenarkan untuk terlibat dengan *company* ini boleh dikenakan tindakan atas alasan dia adalah satu syarikat yang buat *business* bertentangan dengan moral? Syarikat-syarikat yang menjejaskan keselamatan awam, kita boleh juga gunakan alasan syarikat-syarikat yang terlibat dalam perniagaan rokok, perniagaan-perniagaan yang boleh menyebabkan jejas kesihatan awam. Ini semua *open to interpretation*, jadi saya hendak tanya apakah *guideline* yang kita boleh hendak gunakan.

Kalau katakan saya sebagai pihak yang litigan ingin failkan *petition* atas alasan ini, apakah *guideline*? Adakah Menteri akan buat satu macam SOP atau *whatever* pekeliling untuk menyatakan ini dia. Jadi ini satu perkara. Begitu juga kalau satu syarikat yang ditubuhkan mungkin tujuannya untuk hendak tadilah macam 1MDB, *sovereign wealth fund*. Tiba-tiba syarikat ini berhutang sana, berhutang sini, terlibat dengan menjatuhkan nama baik Malaysia, sekarang ini sampai dah pergi Belgium dan sebagainya.

Setuju tak dengan saya kalau kita gunakan definisi ini, syarikat ini juga patut digulungkan. Mungkin Menteri boleh gunakan kuasanya, gunakan kuasa di bawah seksyen 465(k) ini demi kepentingan awam, tolong buat *petition* gulungkan 1MDB sebab syarikat ini telah

memalukan negara, telah menyebabkan kerugian banyak kepada negara. Tan Sri, itu yang saya dapat bahaskan. Terima kasih Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Sekijang.

### 3.17 ptg.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk berbahas sama dalam Rang Undang-undang Akta Syarikat untuk tahun 2016 ini. Sebelum saya memulakan perbahasan, saya ingat elok saya merakamkan ucapan tahniah kepada saudara Khairul Idham Pawi, pelumba MotoGP kita, belia, yang menang dan mengharumkan nama negara di litar Termas, Argentina pada malam tadi. [*Tepuk*] Elok juga kita ucapkan tahniah juga kepada saudara Adam Nordin yang berada pada kedudukan yang kedua sebelum jatuh pada pusingan yang terakhir tersebut. Moga kedua-dua pelumba kita ini akan meneruskan kejayaan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Syarikat 1965 ini seperti yang disebut oleh ramai rakan kita, memang berusia hampir 50 tahun sejak ia dikuatkuasakan dan dalam tempoh 50 tahun ia diperkenalkan ini, sebanyak 35 kali pindaan telah dibuat di dalam Dewan yang mulia ini dan melalui Jawatankuasa Semakan Semula Undang-undang Korporat ataupun CLRC yang ditubuhkan pada tahun 2003. Bermakna sudah hampir 13 tahun kerajaan melalui kementerian telah menyelami satu persatu undang-undang lama ini untuk diperhalusi sama ada ia relevan atau tidak pada masa sekarang dan hasilnya kita lihat pada hari ini dua dokumen tebal yang berada di atas meja kita untuk sama-sama kita bahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang baru ini, mana-mana syarikat baru yang hendak didaftarkan yang dirasakan mampu mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman awam dibenarkan untuk pihak pendaftar menolak pendaftaran mereka. Ini bagi saya merupakan satu langkah yang memang tepat memandangkan terdapat beberapa rekod sebelum ini seperti yang pernah berlaku beberapa tahun yang lalu apabila sebuah pertubuhan kalau kita ingat ya, *Sister in Islam* yang didaftarkan mengguna pakai nama SIS Forum Malaysia Berhad di bawah Akta Syarikat cuba memohon peruntukan mahkamah agar tidak tertakluk dan bukan subjek kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa Selangor dan MAIS yang menyatakan mereka ini pertubuhan sesat. Sedangkan jika kita lihat, banyak perkara yang dilakukan oleh pertubuhan ini mengundang persepsi negatif majoriti penduduk Islam dalam negara kita.

#### ■1520

Kita faham apabila sesuatu pertubuhan itu didaftarkan selain daripada melalui pendaftar pertubuhan seperti contoh SIS ini yang didaftarkan sebagai sebuah syarikat ataupun *non-profit organization*, akhirnya masalah seperti yang saya sebutkan tadi boleh terjadi kerana terdapat klausa-klausa yang berbeza dalam undang-undang yang terpakai bagi mereka ini. Justeru saya harap syarikat-syarikat baru yang akan didaftarkan kelak haruslah dipastikan jenis aktiviti syarikat yang hendak dijalankan selain perlu kita pastikan syarikat-syarikat ini sentiasa mengikut serta



melakukan aktiviti yang mereka daftarkan pada awal pertubuhan syarikat ini. Ia bermakna aktiviti yang dijalankan perlulah sama dengan apa yang mereka daftarkan.

Kita lihat dalam kes SIS ini termasuklah dengan tindakan-tindakan mereka lebih kepada aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan NGO yang sepatutnya dikawal selia oleh ROS dan bukan akta berkaitan dengan syarikat 1965. Apabila mereka melakukan sesuatu yang mungkin menimbulkan rasa kurang senang beberapa pihak, akhirnya beberapa tindakan tidak dapat diambil termasuklah dalam kes mahkamah kerana perbezaan undang-undang seperti yang saya katakan sebentar tadi. Jadi saya berharap pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia ataupun SSM dapat memainkan peranan ini dalam memastikan syarikat-syarikat yang berdaftar kelak mematuhi ruang lingkup aktiviti yang didaftarkan oleh syarikat-syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lalu di tepi-tepi kaki lima kita akan melihat banyak iklan yang ditampal melalui *flyers* yang diedarkan dari rumah ke rumah tentang kemudahan pinjaman kewangan daripada syarikat yang kononnya berdaftar tetapi mereka ini sebenarnya menjalankan aktiviti ceti haram. Kita lihat memang banyak ceti haram ini mempunyai lesen operasi yang sah dan mempunyai rekod pendaftaran syarikat tetapi aktiviti perniagaan yang mereka jalankan sebenarnya adalah dalam bentuk pinjaman along seperti yang kita bawa dalam soalan pada minggu lepas.

Justeru saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah terdapat pemantauan dilakukan bersama dengan kementerian lain melalui NBOS ke atas syarikat-syarikat yang menawarkan pinjaman kewangan ini? Jika ada, berapakah jumlah syarikat yang telah diambil tindakan kerana melakukan aktiviti yang sebegini? Ini penting kerana memandangkan ketika ini pun aktiviti pendaftaran syarikat sangat mudah dan cepat untuk diproses dan akan menjadi bertambah mudah selepas undang-undang baru ini dilaksanakan kelak. Saya agak risau apabila tindakan diambil, mereka boleh mendaftarkan syarikat baru dengan nama yang lain dan terus melakukan aktiviti haram mereka kerana mungkin tindakan yang diambil ke atas mereka sebelum itu tidak dapat disabitkan dengan apa-apa kesalahan kerana kekurangan bukti.

Seperti yang diketahui umum, modus operandi ceti haram ini adalah mudah, memberikan pinjaman wang dan melalui lesen atau pendaftaran syarikat. Mereka akan lebih mudah meyakinkan orang awam untuk membuat pinjaman kepada mereka sedangkan apa yang akan terjadi selepas membuat pinjaman tersebut adalah suatu yang salah di sisi undang-undang seperti kadar bunga yang terlalu tinggi dan memeras ugut dan pelbagai bentuk kekerasan lain ke atas mana-mana peminjam yang gagal melunaskan pinjaman mereka.

Saya sedar bahawa perniagaan yang menawarkan pinjaman kewangan kepada orang awam memerlukan lesen dan kebenaran daripada Bank Negara. Namun memandangkan ramai orang awam yang terdesak mendapatkan bantuan kewangan, golongan ini sebenarnya tidak tahu tentang perkara tersebut. Apabila ditunjukkan lesen serta pendaftaran syarikat oleh kumpulan-kumpulan ceti haram ini, mereka biasanya mudah terpedaya kerana menyangka ceti-ceti ini menjalankan aktiviti secara sah kerana ada pendaftaran daripada SSM. Mereka akan terkeliru dan seterusnya terpedaya untuk mengambil pinjaman tersebut. Jadi harapan saya SSM mungkin

perlu lebih melakukan kawalan yang lebih ketat dan berhati-hati dalam meluluskan mana-mana pendaftaran syarikat baru terutamanya berkaitan dengan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya hendak sentuh ialah mengenai perubahan undang-undang daripada yang lama kepada yang baru ini. Kita lihat pemansuhan Akta Syarikat 1965 kepada undang-undang baru ini melibatkan perubahan kepada lebih 300 perkara. Ini adalah sesuatu yang banyak, rumit dan sangat tebal untuk dibaca dan difahami oleh orang ramai. Ini bermakna perlu ada langkah khas tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian bagi menerangkan kepada orang ramai tentang perbezaan peruntukan akta yang sebelum ini, yang berumur 50 tahun ini dengan undang-undang yang akan diluluskan kelak.

Saya yakin dan percaya tidak ramai yang memahami dan faham akta sebelum ini dan peruntukan baru ini juga akan turut mengalami nasib yang sama. Sebelum ini pun kita telah sediakan buku dan sebagainya pun masih ada berlaku perkara-perkara yang disebut oleh rakan-rakan sebelum ini berkaitan dengan syarikat-syarikat tersebut. Justeru saya ingin mencadangkan agar pihak SSM mengadakan taklimat khas berkaitan akta baru ini yang dijalankan secara berterusan terutamanya kepada mana-mana individu ataupun mereka yang hendak mendaftarkan syarikat. Ini sangat penting kerana ramai yang tidak ambil maklum tentang tanggungjawab dan liabiliti yang perlu ditanggung mereka apabila mendaftarkan syarikat baru. Apabila ini berlaku, kemungkinan besar mereka melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peruntukan di bawah undang-undang ini adalah sangat tinggi.

Selain daripada itu, syarikat-syarikat sedia ada juga perlu dimaklumkan. Yang ini pun penting untuk kita maklumkan kepada syarikat-syarikat yang sedia ada ini tentang apa yang berlaku, terutamanya 300 perkara yang kita ubah dalam rang undang-undang yang ada di atas meja ini. Kita tidak boleh salahkan mereka jika mereka tidak memahami tentang perubahan ini kerana seperti yang saya katakan tadi ia melibatkan terlalu banyak pindaan dan sangat tebal dan biasanya memang sukar untuk difahami.

Begitu juga dengan silibus mata pelajaran asas perniagaan di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi. Tadi sahabat kita dari Sepang ada sebut, dia beli buku pun buku itu dah tidak boleh pakai dah. Jadi mungkin apa yang anak-anak kita, adik-adik kita belajar sebelum ini berasaskan undang-undang 50 tahun yang lalu, bermakna guru serta tenaga pengajar yang mengajar subjek ini yang kita tahu sudah sebatu dan faham dengan peruntukan yang lama. Makanya pihak Kementerian perlu melihat dan mengkaji semula perkara ini. Adakah perlu diadakan kerjasama bersepadu dengan pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi memastikan silibus mata pelajaran berkaitan turut mengalami perubahan selari dengan pengenalan undang-undang kita yang baru ini.

Jadi saya rasa itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk berbahas pada petang ini. Saya berharap apa yang sampaikan tadi mendapat perhatian dan tindakan lanjut daripada pihak Kementerian dan syabas serta tahniah kepada pihak Kementerian kerana membuat satu anjakan besar yang sangat penting untuk melalui perubahan dalam undang-undang ini bagi memastikan impak yang lebih baik dan selari

dengan peredaran masa dalam meningkatkan kawalan dalaman, tadbir urus dan tanggungjawab korporat itu sendiri.

Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tebrau. Selepas Yang Berhormat, kalau tidak ada siapa lagi yang minat untuk bahas, menteri bersedia untuk jawab. Sila.

### 3.28 ptg.

**Tuan Koo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Akta Syarikat 1965 ini sudah berusia kira-kira 50 tahun. Selama ini akta ini sudah dipinda secara *ad hoc* sebanyak 75 kali. Jadi saya umpamakan ini seperti kereta lama yang berumur 50 tahun yang telah diganti *spare parts* sebanyak 75 kali. Jadi daripada selalu tukar *spare parts* kereta, lebih baik saya ingat kita tukar kereta baru.

Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri Rang Undang-undang Syarikat 2015 termasuklah:

- (i) prosedur yang lebih mudah;
- (ii) kos pematuhan yang kurang;
- (iii) fleksibiliti dalam urusan seharian; dan
- (iv) ambil kira dan guna pakai kemajuan IT yang moden dan canggih.

Maka pada keseluruhannya Rang Undang-undang Syarikat akan membantu komuniti perniagaan terutamanya industri kecil dan sederhana yang merupakan lebih daripada 90% entiti perniagaan dan industri negara kita untuk lebih berdaya saing dengan memastikan amalan tadbir urus korporat yang teguh dan telus bagi memelihara kepentingan bukan sahaja pemegang saham syarikat tetapi juga pihak-pihak berkepentingan yang lain seperti pekerja sektor korporat yang bertransaksi dengan syarikat kreditor dan institusi kewangan dan perbankan, para pengguna dan negara kita pada amnya.

### ■1530

Tuan Yang di-Pertua, mekanisme pematuhan yang jelas akan diperkenalkan menurut jenis syarikat bagi memastikan tadbir urus yang cekap di kalangan syarikat bukan sahaja untuk mencapai objektif syarikat dan menjana hasil bagi pemegang saham. Bahkan rang undang-undang ini juga memperkenalkan perundangan yang menyokong tanggungjawab korporat bagi memelihara kepentingan pelbagai pihak.

Perundangan baru itu akan membolehkan seseorang usahawan menubuhkan syarikat dan menikmati ciri-ciri liabiliti terhad dalam menjalankan perniagaan. Dalam masa yang sama usahawan tersebut yang merupakan pemegang syer tunggal syarikat dibenarkan juga bertindak sebagai pengarah syarikat jenis ini. Sambil mengehendaki pengarah tunggal tersebut mematuhi segala peruntukan berhubung pematuhan tadbir urus korporat bagi memastikan hak dan kepentingan pihak-pihak *stakeholders* yang lain adalah terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang berharap bahawa kemudahan untuk menubuhkan syarikat itu tidak disalahgunakan oleh pihak yang tertentu bagi menjalankan perniagaan-perniagaan yang bersifat tidak jujur. Tadi saya dengar Yang Berhormat Sekijang sebut tentang

*ah long* yang saya sekarang saya hendak cakap ialah perniagaan gores menang, skim piramid dan sebagainya. Oleh kerana ini selalu ada ramai rakyat jelata yang ditipu. Saya rasa bahawa kerajaan harus ambil tindakan lebih tegas terhadap syarikat-syarikat seumpama ini.

Masalah bertindak terhadap skim gores menang, adalah saya dulu pernah buat laporan tapi mereka kata selagi tidak ada orang ditipu kalau mereka kelihatan berkeliaran di kawasan *supermarket, shopping hall mall* mereka tidak bersalah. Jadi kena tunggu sampai ada orang kena tipu barulah polis boleh ambil tindakan. Saya ingin tahu langkah-langkah sedia ada dan langkah-langkah baru untuk membanteras modul perniagaan yang tidak sihat ini dan juga kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka perundangan yang baru, syarikat diberi kuasa penuh untuk menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan. Ini bermakna tiada lagi keperluan untuk mewujudkan atau mendaftarkan M&A ketika pemerbadanan. Peruntukan undang-undang yang baru ini juga memberikan kuasa penuh ataupun *unlimited capacity* bagi membolehkan syarikat melakukan apa-apa tindakan atau memasuki mana-mana transaksi tanpa kekangan bidang kuasa. Ini memberikan kemudahan kepada pihak ketiga dalam berurusan dengan syarikat tanpa perlu ragu terhadap sebarang kekangan kuasa yang mungkin terdapat dalam M&A.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua kebimbangan saya ialah adakah para peniaga khususnya yang baru yang kurang pengalaman akan menjadi tidak fokus oleh sebab mereka boleh menjalankan semua jenis perniagaan, jadi sekejap sini, sekejap sana dan akibatnya saya takut kalau, khususnya bagi yang baru yang kurang pengalaman ini akan mengakibatkan perniagaan mereka jadi lagi tidak berjaya. Sekiranya seseorang peniaga yang langsung tidak ada kelayakan ilmu pengetahuan, okey.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Sibuti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat mengatakan bahawa syarikat baru ini boleh membuat apa juga perniagaan-perniagaannya. Apa yang kita musykil di sini Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat apabila syarikat itu membuka perniagaannya dengan *money laundering*, meminjamkan wang dengan sesuka hati kemudian itu sudah tidak dapat bayar *ah long* datang. Jadi, apakah tindakan yang patut pihak SSM ini untuk mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat seperti ini, apa pandangan Yang Berhormat ?

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Ini saya setuju, ini juga yang saya bimbanglah khususnya bagi mereka yang baru masuk bidang perniagaan yang kurang pengalaman dan juga modal kurang mungkin tindakan yang mereka ambil itu tidak begitu wajar. Jadi yang lain saya ingat nanti tunggu Menteri jawab. Oleh sebab, saya tidak boleh jawab bagi pihak Menteri.

Apa yang saya sebut tadi ialah sekiranya ada seseorang peniaga yang langsung tidak ada kelayakan dan ilmu pengetahuan ataupun pengalaman di bidang perniagaan ataupun pengurusan ekonomi. Memohon menubuhkan syarikat untuk berniaga. Adakah kerajaan bercadang mereka mengikuti kursus ataupun latihan tertentu demi mengurangkan kes-kes perniagaan yang gagal. Oleh sebab di antara mereka yang mulakan perniagaan mungkin ada

yang ada pernah belajar di universiti ataupun ada diploma ataupun keluarga memang daripada keluarga peniaga ataupun mereka pernah kerja dan ada pengalaman itu okey, tapi yang langsung tidak ada yang *fresh* mungkin daripada *secondary school* dan keluar dan kemudian cuba hendak berniaga. Adakah mereka perlu diberi sedikit latihan dan pada saya, walau sekiranya mereka belanja sedikit untuk dapatkan latihan tetapi itu mungkin akan menjamin bahawa mereka tidak akan gagal.

Tuan Yang di-Pertua, perkara berikut yang saya hendak bangkitkan adalah berkaitan dengan syarikat berhad dihadkan oleh jaminan. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pengelola Sekolah Cina, SRJK(C), oleh sebab lembaga pengelola itu mereka tidak berdaftar dengan siapa-siapa. Jadi sebenarnya lembaga pengelola SRJK(C) itu mereka bukanlah satu *legal entity*. Oleh itu, mereka sebenarnya tidak berhak untuk memiliki harta, menandatangani kontrak dan sebagainya. Akan tetapi, sekolah Cina ada yang tanah sekolah, milikan sekolah.

Jadi untuk pegang harta ini ataupun *sign contract* bina sekolah, *sign contract* kantin dan sebagainya ada yang tubuhkan syarikat yang dihadkan oleh jaminan. Jadi saya hendak tahu apabila dengan rang undang-undang yang baru ini, adakah syarikat seperti itu yang kepunyaan lembaga pengelola SRJK(C) macam mana mereka dipengaruhi. Apakah kesan ke atas mereka?

Dulu memang ada juga sekolah yang guna cara yang lain. Sistem lain ialah guna sistem *trustee but* sebenarnya lebih banyak sekolah yang masih menggunakan sistem *trustee*. Akan tetap, *trustee* lagi teruk, Tuan Yang di-Pertua, *trustee* biasanya apabila mereka dapatkan harta mereka namakan tiga orang *trustee*, lepas itu sudah dilupakan. Sampai satu hari apabila hendak perlu ambil tindakan terhadap harta itu baru sedar, mungkin tiga semua tidak ada di dunia ini. Jadi macam mana hendak urus. Ini kelemahan, oleh sebab itu sekarang sudah ada sekolah yang mula tubuhkan syarikat berhad yang dihadkan oleh jaminan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang saya hendak sentuh.

*Cuaca panas makan cendol sejuk, gula Melaka,*

*Tebrau menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Syarikat 2015.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

#### ■1540

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ambil sedikit sahaja dalam perbahasan Rang Undang-undang Syarikat 2015 ini. Pertama, sekira diteliti dalam pembentangan *bill* ini ia kelihatan untuk memodenkan atau mempermudah proses dalam memulakan perniagaan. Ada pembaharuan-pembaharuan untuk memudahkan perniagaan. Umpamanya, kalau kita tengok dalam seksyen 21, syarikat-syarikat baru ini mempunyai kapasiti yang tidak terhad. Kalau dahulu, syarikat mesti mendaftar apa-apa benda yang hendak diniagakan, berapa dan sebagainya dengan kos-kos tertentu. Akan tetapi sekarang ini dengan pendaftaran, kita boleh berniaga apa sahaja yang hendak diniagakan. Cuma persoalan yang saya ingin bangkitkan ialah apakah kesan undang-undang yang baru ini terhadap

undang-undang lama kepada syarikat yang telah lama beroperasi apabila undang-undang baru ini diimplementasikan nanti? Adakah ia akan secara automatik tertakluk kepada undang-undang baru atau ia perlu menukar kepada yang baru dengan *fees* yang tertentu?

Kedua, saya lihat sijil saham dalam undang-undang yang baru ini, sijil saham tidak perlu dikeluarkan oleh syarikat. Maknanya, sijil saham ini hanya dikeluarkan dengan permintaan. Jadi, pada pandangan saya, tanpa sijil saham boleh menjadi potensi ataupun risiko peningkatan kes-kes penipuan apabila penjual cuba menjual saham tanpa bukti yang kukuh pemilikan saham. Kita hanya dapat membuktikan melalui *registrar of members* ataupun buat masa ini hanya ditulis menggunakan tangan sahaja. Jadi, cadangan kita agar disyorkan agar pindah milik saham ini perlu didaftarkan setiap kali berlaku pemindahan atau pertukaran pindah milik bagi mengawal penipuan, pemilikan saham.

Seterusnya, seksyen 113 misalnya, dalam *solvency statement* ataupun pernyataan kesolvenan setakat ini, dalam akta baru ini boleh dikatakan kenyataan kesolvenan ini diletakkan tanggungjawabnya ke atas semua pengarah yang kita tahu, pengarah-pengarah syarikat ini, ada pengarah syarikat *nominee*, ada yang tidak eksekutif dan ada pengarah eksekutif. Apa yang kita tahu ialah pengarah-pengarah eksekutif, pegawai kewanganlah yang mengetahui secara detil perkembangan perjalanan syarikat itu. Jadi, bagi saya apakah boleh kenyataan ini hanya dibenarkan kepada *executive directors* dengan pegawai kewangan sahaja untuk menentukan dari sudut kenyataan kesolvenan atau *solvency statement*?

Saya juga melihat seksyen 289, insurans bagi pengarah syarikat. *Company Bill 2015* membolehkan syarikat membeli insurans ke atas pengarah bagi melindungi mereka dalam dua perkara. Pertama, *liability civil* ataupun kos prosiding dan juga *cost compensation* ataupun *cost damages*, yang ini kalau kita tahu kos prosiding ini terlalu mahal. Adakah ini suatu kemestian dan adakah insurans syarikat-syarikat insurans yang hendak mengambil kes-kes yang sebegini? Seterusnya, saya melihat di sudut gulung syarikat, seksyen 466. Kalau dahulu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sepang sekejap tadi bahawa ada jumlah tertentu untuk membawa syarikat ini ke mahkamah untuk gulung syarikat. Akan tetapi ini ia tertakluk kepada budi bicara Menteri yang tidak diletakkan angka minimum atau maksimum sebagai garis panduan. Di situ kita tanya apakah rasionalnya ia dibuat sedemikian? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas Yang Berhormat Setiu, Menteri kalau boleh jawab. Sila Yang Berhormat Setiu.

### 3.44 ptg.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak berdebat sedikit sahaja. Pada keseluruhannya, Rang Undang-undang Akta Syarikat yang baru ini adalah lebih komprehensif kepada saya. Ia bercirikan kepada

perundangan korporat yang dinamik dengan mengambil kira keperluan semasa dan juga keperluan yang akan datang. Ia juga mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan juga kompetitif dalam negara kita.

Saya merujuk tentang perakaunan sahaja untuk debat saya hari ini iaitu mengenai dengan seksyen 245. Jadi, seksyen 245 ini sebenarnya diperkenalkan adalah untuk memudahkan penyediaan laporan kewangan berasaskan kepada piawaian perakaunan sejagat yang akan memastikan semua laporan kewangan syarikat-syarikat tempatan mematuhi piawaian perakaunan yang telah ditetapkan. Ia juga akan mempertingkatkan kebolehpercayaan dan juga tahap ketelusan terhadap laporan kewangan syarikat-syarikat di negara kita ini. Jadi, sebenarnya sistem ini juga akan menjana pelbagai laporan analisa yang lebih terperinci tentang kedudukan kewangan sesebuah syarikat. Jadi, ia akan menjadikan maklumat korporat itu lebih dinamik dan juga lebih canggih bagi membantu pembuatan keputusan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Satu minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati dengan pandangan Yang Berhormat yang tadi mengatakan bahawa dengan Rang Undang-undang Syarikat yang baru ini kita akan meningkatkan tahap ketelusan syarikat-syarikat di Malaysia dan juga akan *create* satu persekitaran perniagaan yang komprehensif, telus, *good governance* dan sebagainya. Soalan saya dan juga minta pandangan Yang Berhormat ialah berkaitan dengan apa yang dipanggil *Panama Leaks* semalam yang telah mengatakan bahawa beberapa buah syarikat Malaysia telah menggunakan *off-shore*, khususnya Panama untuk *tax evasion*.

Nama-nama syarikat itu telah dikeluarkan di Panama Leaks, termasuk dengan anak Yang Amat Berhormat Pekan. Nama pun anak Yang Amat Berhormat Pekan, Nazifuddin Najib Tun Razak. Beliau pun telah dinamakan dalam senarai itu. Akan tetapi saya hendak membandingkan isu pokok, bagaimana kita akan memberhentikan individu di Malaysia, termasuk syarikat-syarikat Malaysia, mengeluarkan wang dari Malaysia untuk *evading tax*, *evading* cukai yang harus dibayar kepada Kerajaan Malaysia. Akan tetapi sekarang mereka menggunakan cara manipulasi untuk mengeluarkan wang dari Malaysia ke Panama dan sebagainya. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya bercakap tentang akaun ya. Mengenai dibawa keluar dan sebagainya, itu saya tidak berapa arif sangat. Akan tetapi cerita saya daripada segi menyimpan penyata akaun itu sebenarnya apa yang saya cuba hendak beritahu. Oleh sebab saya hanya *confined* diri saya kepada seksyen 245 sahaja, yang lain-lain itu saya tidak *go through* lah. Apa yang saya cuba hendak ceritakan hanyalah kepada seksyen 245 itu sahaja daripada segi pengetahuan dan perakaunan. Akan tetapi kita lihat juga sebenarnya apabila ada pendaftaran dan juga daripada segi pengauditan ini disebut dalam akta kita, itu boleh

mengawal sebenarnya kalau syarikat yang tidak diaudit tiga tahun dan sebagainya boleh dibatalkan syarikat tersebut. Akan tetapi kalau perkara-perkara lain daripada segi pendaftaran, boleh diambil kira di bawah Akta Syarikat ini.

Apa yang saya cuba hendak disampaikan di sini adalah berkenaan dengan syarikat yang tidak *viable* ini dalam negara kita. Contoh yang saya hendak beri ialah syarikat KLIDC. Syarikat KLIDC ini kalau dilihat pada tahun 2010 lagi, Audit telah menyoal KLIDC ini mula dengan akaun syarikat. Namun pada tahun itu pun aset sudah negatif, ini yang persoalan sekarang.

■1550

Jadi secara teknikalnya boleh dikatakan syarikat tersebut adalah sudah bankrap. Jadi apa sebenarnya yang berlaku, tetapi kita lihat baru-baru ini apa yang berlaku dekat Pulau Pinang setelah diawarkan kepada syarikat iaitu yang disebut PPR Taman Manggis tadi. Jadi kalau kita lihat kepada KLIDC ini, penyata kewangannya antara 2010 hingga 2014 sudah tiada wang. Daripada segi kewangan memang *out*. Lebih menarik lagi antara 2013 hingga 2014 jumlah pekerja mula-mula ada 12 orang kemudian jadi kosong, tiada pekerja, syarikat yang tiada pekerja sehingga 2014.

Jadi pada 2014 juga bulan Februari, KLIDC ini membuat permohonan kebenaran *planning* untuk membina satu blok yang disebut-sebut 24 tingkat dan juga yang mengandungi hospital, *car park* dan juga *hotel suites*. Pada 2014 kita lihat lagi telah dibenarkan *planning* ini dan pelan bangunan telah diluluskan pada bulan April 2015. Jadi, dalam...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Apakah berkaitan dengan undang-undang syarikat?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...Daripada segi kewangan. Saya hendak bercerita daripada segi kewangan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Ya tetapi- satu *company*.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dari segi kewangan maknanya melihat dalam proses *procedure* dalam tender terbuka dan sebagainya harus dilihat kepada syarikat-syarikat yang *viable*. Tidak boleh maknanya sebagai sumberono sahaja kita menerima. Apa yang peliknya lagi, ada lagi syarikat-syarikat yang diterima ada empat buah syarikat lagi pada masa itu selain KLIDC ini.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya rasa ini buang masa Tuan Yang di-Pertua ini..

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ada lagi syarikat. United Overseas Empire Sendirian Berhad yang ditubuhkan...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Kenapa permit hospital diberikan jikalau syarikat itu tidak *viable* dari segi kewangan?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Viable*. Maknanya kalau apa-apa permohonan untuk...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Kenapakah permit diberikan oleh Kementerian Kesihatan?



**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...Tender dan sebagainya tidak boleh diambil kira. Sepatutnya ditolak awal-awal.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Kenapakah permit diberikan jikalau daripada segi kewangan tidak *viable*?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Masalah sekarang ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak berbuat demikian.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak langsung berkait dengan pindaan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dilihat syarikat yang tidak ada orang pun, tidak ada pekerja, tidak ada duit, masih dibawa masuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat... [*Dewan riuh*] Ahli-ahli Yang Berhormat duduk dahulu, Yang Berhormat. Yang berdiri, duduk dahulu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang hebat lagi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiu duduk dahulu, Yang Berhormat. Kalau berhujah, bergilir-gilir. Jangan ada seorang berhujah, selepas tu berdiri terus berhujah. Siapa yang dengar, siapa yang jawab. Kalau Yang Berhormat dari Klang dan Yang Berhormat yang tadi itu, ada perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Setiu melanggar peraturan atau mengelirukan, cakap sahaja *point of order* dan saya berhentikan Yang Berhormat Setiu. Kalau mencelah bukan begitu caranya. Minta dengan cara baik. Sila Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih atas teguran Tuan Yang di-Pertua pada mereka yang tidak faham. Bukan syarikat KLIDC sahaja yang terlibat dalam berkenaan dengan yang dikata RFP atau *request for proposal* ini, ada tiga syarikat lagi iaitu syarikat United Overseas Empire Sendirian Berhad. Apa yang hairannya ditubuhkan dua hari selepas RFP dan syarikat ini *dormant*. *Dormant* dan bankrap sejak tahun 2009 lagi tetapi masih lagi *dientertain*.

Syarikat yang kedua iaitu GM Healthcare Sendirian Berhad juga adalah satu syarikat yang bankrap dan yang ketiganya Ranting Setia Sendirian Berhad. Syarikat ini juga satu syarikat yang *dormant* dan tidak pernah *submit* dia punya *financial statement* ini selama enam tahun dan hampir tujuh tahun. Ini juga satu perkara yang telah diambil kira untuk *submit* RFP tadi, inilah yang dikatakan perlunya akta ini bagi mengawal perkara-perkara ini. Bermakna kita boleh dapat maklumat dengan cara mudah kalau akta ini diperkenalkan. Itu sahaja dan saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

3.55 ptg.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, 12 kesemuanya Tuan Yang di-Pertua yang telah pun mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang yang baru ini. Termasuk juga dengan beberapa yang mencelah yang memang suka

mencelah seperti Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Batu Pahat dan Yang Berhormat Batu.

Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan, pertama keperluan untuk kita buat pembaharuan undang-undang syarikat ini. Terutamanya kerana hendak memperkenalkan undang-undang yang lebih moden, dinamik serta responsif bagi *business community*. Kita mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, progresif dan kompetitif selaras dengan trend perniagaan yang masa kini yang banyak menggunakan ICT yang begitu meluas sekali waktu ini.

Kita juga ingin mempertingkatkan penarafan *ranking* negara sebagai destinasi terpilih menjalankan perniagaan di peringkat antarabangsa. Contohnya buat masa ini *ease of doing business* kita di kedudukan yang agak baik, nombor 18. Begitu juga dengan indikator untuk *to start a new business* kita di kedudukan yang ke-14 daripada 189. Maka sebab itu kita melihat bahawa kita perlu beberapa penambahbaikan kepada segala akta yang sudah agak lama kepada Akta 1965 tersebut.

Kita mempunyai beberapa objektif, terutamanya untuk memudahkan permulaan perniagaan dan mengurangkan kos. Kita juga cuba untuk pemudahcaraan peruntukan pematuhan yang ada atau *compliance requirement* seperti tidak payah ada AGM untuk *private company*. Semua itu keperluan-keperluan pemudah caraan yang baru. Kita juga memberikan keanjalan atau *flexibility* kepada syarikat dalam mentadbirkan urusan syarikat seperti tidak payah lagi ada M&A, kita boleh buat pilihan. Akhirnya menambah baik sistem kawalan dalaman seperti tadbir urus korporat dan tanggungjawab korporat.

Kita dalam perbahasan yang telah pun ditimbulkan oleh ramai Ahli-ahli yang Berhormat tadi, saya hendak jelaskan satu persatu Tuan Yang di-Pertua. Pertama Yang Berhormat Tanah Merah mempersoalkan bagaimana Rang Undang-undang Syarikat membantu syarikat dalam menyediakan laporan kewangan yang telus. Cuba kita lihat subpenggal 1, penggal 3, dalam bahagian 3. Ia mengandungi peruntukan berhubung keperluan pengarah untuk menyediakan penyata kewangan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan. Maka bermakna penyata kewangan ini mesti diluluskan atau perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan menyatakan akaun tersebut memberi gambaran yang benar dan saksama. Banyak kali dalam akta ini tercatat *true and fair value*.

#### ■1600

Pada sebab itu di samping rang undang-undang ini memperkenalkan laporan kajian perniagaan ataupun *business review report* sebagai sebahagian laporan pengarah, selain mengekalkan pelaporan pengarah berhubung penyata kewangan dan perkara-perkara berkaitan tadbir urus syarikat seperti mana perundangan sedia ada. Pengenalan *business review report* akan memberikan peluang kepada pengarah untuk melaporkan perkara-perkara berhubung prestasi syarikat, berhubung dengan memberikan laporan berkaitan risiko dan peluang berkaitan perniagaan syarikat, polisi yang diguna pakai oleh syarikat, yang memberikan impak kepada

alam sekitar, komuniti sosial, serta polisi yang berkaitan dengan pekerja syarikat akibat daripada aktiviti perniagaannya.

Melalui pelaporan sedemikian lebih banyak maklumat bernilai tambah akan diperoleh untuk membolehkan pelbagai keputusan penting dibuat terhadap tadbir urus, tanggungjawab korporat syarikat, hala tuju dan keseluruhan operasi perniagaan yang dijalankan oleh syarikat seperti apa yang telah saya katakan tadi. Tanah Merah juga bertanyakan tentang kesan rang undang-undang ini kepada TPPA. Objektif utama rang undang-undang yang dicadangkan ini ialah bagi memudahkan usahawan memulakan perniagaan. Perundangan ini seharusnya dilihat dalam konteks untuk mewujudkan persekitaran perniagaan domestik yang kondusif dan mesra usahawan. Maka adalah tidak wajar jika dikaitkan rang undang-undang ini sebagai membawa akibat yang memburukkan perniagaan di negara ini apabila TPPA dilaksanakan.

Ini adalah kerana TPPA telah pun dibahaskan dengan panjang lebar dan diluluskan pada Mesyuarat Khas Parlimen Ketiga Belas, Penggal Ketiga telah bermula Januari yang lepas di Dewan ini. Kelulusan TPPA oleh kedua-dua orang Ahli Parlimen menunjukkan bahawa ia disokong demi kesinambungan ekonomi Malaysia yang akan menerima kelebihan daripada aspek pelaburan langsung asing, perdagangan antarabangsa dan bakal mewujudkan persaingan sihat dalam perniagaan. Maka tak timbul sama ada rang undang-undang ini boleh menyekat dalam TPPA yang telah pun kita luluskan. Sekiranya lembaga pengarah sebuah syarikat menetapkan nilai saham sebanyak RM2 tetapi menawarkan sama ada nilai lebih rendah atau lebih tinggi, adakah ia selaras dengan rejim tiada nilai tara yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Tanah Merah.

Dalam rejim pengeluaran *share* tanpa nilai tara atau *no par value*, syarikat boleh menentukan harga tawaran *share* mengikut keadaan semasa syarikat tersebut. Dalam menentukan harga tersebut, syarikat boleh menggunakan NTA atau *net tangible assets* sebagai asas harga *share* per unit. Walau bagaimanapun, syarikat masih boleh menentukan harga *share* yang lebih tinggi atau lebih rendah berbanding nisbah NTA tersebut. Perlu diingatkan bahawa pemegang *share* sedia ada akan membuat pertimbangan yang wajar dalam membuat keputusan sama ada bersetuju atau tidak kepada harga tawaran *share* yang dicadangkan oleh lembaga pengarah.

Pemegang *share* perlu memahami bahawa pengeluaran *share* yang baru boleh memberi kesan kepada kepentingan mereka dalam syarikat tersebut. Jika *share* diterbitkan dengan nilai yang jauh lebih rendah daripada nilai NTA, keadaan ini boleh mengakibatkan pencairan terhadap kepentingan mereka. Jadi ini kita serahkan kepada member untuk mengambil tentang hak yang mereka ada dalam rang undang-undang ini. Tentang isu penipuan Forex, tentang pelaburan Forex yang dibangkitkan oleh Tanah Merah di mana banyak dalam akhbar-akhbar baru-baru ini telah dikeluarkan, SSM telah ambil maklum tentang perkara ini dan sedang cuba untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut bagi mengambil tindakan yang sewajarnya dalam bidang kuasa SSM.

Tentang adakah rang undang-undang syarikat boleh membantu meningkatkan kualiti audit. Adakah rang undang-undang ini boleh menggalakkan untuk membantu penyediaan penyata kewangan yang telus dan bertanggungjawab. Saya hendak jelas di sini bahawa pihak kementerian berpandangan bahawa audit merupakan sebuah komponen penting dalam sistem tadbir urus korporat sesebuah syarikat, Audit memberikan suatu jaminan ataupun *assurance* yang dilakukan oleh pihak yang bebas berhubung kedudukan kewangan syarikat kepada pemegang *share*, melalui proses pengauditan penyata kewangan dan laporan pengarah ataupun pelaporan kewangan syarikat.

Oleh yang demikian, Rang Undang-undang Syarikat secara dasarnya mengekalkan polisi sedia ada iaitu mewajibkan untuk semua syarikat mengaudit penyata kewangan mereka pada setiap tahun. Namun begitu pihak kementerian maklum berhubung bilangan juruaudit yang sedia ada berbanding dengan jumlah syarikat yang perlu diaudit setakat 31 Mac 2016, terdapat seramai 1,340 juruaudit yang didaftarkan dengan SSM. Berbanding dengan jumlah syarikat yang aktif sebanyak 467,988 setakat 29 Februari 2016. Menurut rumusan laporan Bank Dunia berhubung *ROSC or World Bank Report on Observance of Standard and Codes* pada tahun 2012, ianya telah merumuskan bahawa nisbah juruaudit dan syarikat yang perlu di audit di Malaysia adalah dalam keadaan yang kritikal. Ia boleh memberikan impak kepada kualiti pelaporan kewangan beraudit di negara ini.

Sehubungan itu, rang undang-undang ini telah memberikan kuasa kepada pendaftar untuk mengecualikan kategori syarikat yang tertentu daripada keperluan pengauditan. Dalam melaksanakan peruntukan ini kelak pihak kementerian akan mengambil kira kepentingan audit itu sendiri dan faedahnya kepada pemegang syer dengan mengambil maklum bahawa tiada keperluan audit bagi syarikat yang- dengan izin, *dormant* di Malaysia serta syarikat mikro yang mempunyai pengarah dan pemegang *share* yang sama. Di samping itu, pihak kementerian juga akan memastikan bahawa kepentingan awam tidak akan terjejas sekiranya pengecualian audit diperkenalkan bagi memastikan kepentingan pelaporan kewangan di kalangan syarikat tidak terjejas.

Yang Berhormat Tanah Merah juga mempersoalkan sejauh manakah Yang Berhormat Menteri akan menggunakan kuasa di bawah fasal 615 dalam mengecualikan mana-mana orang-orang perbadanan atau kelas, perbadanan daripada semua atau mana-mana peruntukan rang undang-undang ini. Kuasa Menteri di bawah 615 hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat syor daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai pengawal selia korporat yang diberikan tanggungjawab dalam mentadbirkan rang undang-undang ini. Pada masa yang sama Menteri juga diberikan kuasa untuk:

- (i) membentuk satu jawatankuasa untuk membantunya dalam mencapai keputusan;
- (ii) meminta maklumat atau dokumen atau pernyataan persendirian daripada mana-mana orang, perbadanan atau kelas perbadanan supaya dia berpuas hati dengan syor; dan

(iii) mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut.

Apa-apa pengecualian yang diberikan di bawah fasal ini hendaklah diwartakan untuk memberikan pengiktirafan kehakiman atau *judicial notice* demi kepentingan awam. Oleh yang demikian, dalam melaksanakan tanggungjawab di bawah peruntukan ini Menteri harus berpandukan kepada objektif umum rang undang-undang ini serta kepentingan awam dalam membuat sebarang keputusan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kuasa pengecualian yang sama juga diberikan di bawah akta-akta yang lain termasuk Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Akta Koperasi 1993.

■1610

Yang Berhormat Selayang membangkitkan tentang pendekatan CLRC dan SSM merangka Rang Undang-undang Syarikat dengan merujuk undang-undang di lain-lain negara tanpa mengambil kira faktor sosioekonomi dan politik sedangkan amalan lain-lain negara mengambil kira faktor tersebut, katanya supaya tidak menjadi beban kepada rakyat dan aktiviti ekonomi. Contohnya Undang-undang Syarikat di Australia, tidak mengikut undang-undang di UK. Setiap negara menggunakan undang-undang tersendiri untuk mengatasi isu mereka.

Saya ingin menjelaskan bahawa pendekatan CLRC untuk merujuk kepada undang-undang di negara lain adalah hanya bagi tujuan menjalankan kajian perbandingan perundangan atau *comparative jurisdictional study* sahaja, serta mendapatkan panduan dalam merangka perundangan baru yang akan dicadangkan untuk diperkenalkan dalam Rang Undang-undang Syarikat ini. CLRC telah mengeluarkan 12 siri penerbitan dokumen konsultasi kepada awam dengan mengambil masa empat tahun untuk menyiapkan laporan akhir yang telah diserahkan kepada mantan Menteri KPDNKK pada tahun 2008 bersama 188 cadangan perundangan untuk diperkenalkan di bawah Akta Syarikat baru yang akan dibangunkan oleh SSM.

Oleh yang demikian, perundangan negara luar yang dicadangkan telah melalui proses pemurnian atau *customization*, dengan izin, dengan mengambil kira persekitaran serta senario perniagaan domestik dalam negara kita. Draf perundangan ini telah pun melalui proses konsultasi awam yang amat meluas dan telah mendapat pelbagai maklum balas yang kritikal daripada pihak-pihak berkepentingan. Segala komen dan pandangan ini telah dikaji dengan teliti dan diambil kira sehinggalah draf Rang Undang-undang Syarikat ini didedahkan semula oleh SSM kepada awam bagi proses konsultasi dan maklum balas pada Julai 2013. Setelah itu, ia telah melalui proses penggubalan secara komprehensif yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Peguam Negara yang telah menyemak kesemua peruntukan yang dicadangkan agar kandungannya adalah selaras dengan pendekatan perundangan yang diterima pakai dalam negara kita.

Yang Berhormat Selayang juga mempersoalkan kawal selia terhadap proses penubuhan pengurusan syarikat supaya tidak disalah guna dan melibatkan kecurian identiti orang lain. Yang Berhormat turut memberi cadangan proses verifikasi identiti mengguna pakai sistem biometrik.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengambil maklum akan cadangan bagi proses pengesahan atau verifikasi dalam menangani isu-isu penyalahgunaan kecurian identiti atau dengan izin, *identity theft*. KPDNKK dan SSM akan mempertimbangkan keadaan ini dalam pembangunan sistem baru dalam melaksanakan Rang Undang-undang Syarikat ini nanti.

Yang Berhormat Selayang juga meminta Yang Berhormat Menteri mengkaji semula sama ada lebih baik untuk mengadakan satu M&A yang *convenient* supaya orang biasa boleh mengetahui hak mereka. Yang Berhormat juga meminta Yang Berhormat Menteri untuk melihat semula bagi mengadakan sebuah sampel M&A kerana mengandungi *object clause* yang mengandungi dalam M&A tersebut.

Rang undang-undang memberikan pilihan kepada syarikat atau pemegang syer untuk mengadakan perlembagaannya atau M&A. Polisi ini bertujuan untuk memberikan fleksibiliti kepada syarikat untuk memilih peraturan yang lebih sesuai dengan keadaan syarikat dengan syarat ia hendaklah selaras dengan peruntukan rang undang-undang. Ini bermaksud pemegang saham akan lebih peka dan prihatin terhadap hak-hak mereka yang disuaipadankan dalam M&A mereka. Sekiranya pihak kementerian mengadakan semula suatu set peraturan-peraturan seperti mana *Table A* sedia ada, pemegang syer tidak akan mengambil berat tentang perkara-perkara berhubung hak-hak mereka dalam M&A tersebut.

Tambahan pula, syarikat boleh mendapatkan khidmat profesional untuk memberikan nasihat dan panduan dalam memuktamadkan M&A yang spesifik kepada keperluan syarikat. Walau bagaimanapun, pihak kementerian boleh mempertimbangkan untuk menyediakan contoh M&A sebagai rujukan dalam penyediaan M&A.

Di bawah Rang undang-undang Syarikat ini, tiada keperluan untuk mengadakan AGM. Ini akan membebaskan pemegang syer kerana hanya melalui AGM, pemegang syer boleh mendapatkan maklumat berhubung operasi sesebuah syarikat dan makluman berhubung penggunaan wang yang diberikan kepada syarikat. Maka Yang Berhormat Selayang meminta kerajaan mengkaji semula dan mengambil kira budaya kita yang berlainan dengan budaya di United Kingdom atau Australia dan New Zealand.

Saya hendak menjelaskan sekali lagi kepada Yang Berhormat Selayang, objektif utama mengadakan AGM adalah untuk memberikan platform kepada pengarah untuk membentangkan prestasi syarikat kepada pemegang syer. Sungguhpun begitu, objektif ini akan bermakna sekiranya pengarah dan pemegang syer terdiri daripada pihak yang berlainan. Di Malaysia, kebanyakan syarikat persendirian terdiri daripada syarikat yang mempunyai pengarah dan pemegang syer yang sama. Berdasarkan fakta ini, AGM bukan lagi satu-satunya platform untuk mendapatkan maklumat berhubung prestasi syarikat.

Walaupun demikian, rang undang-undang ini masih mengekalkan hak pemegang syer untuk memanggil suatu mesyuarat anggota pada bila-bila masa sekiranya mempunyai sekurang-kurangnya lima peratus pegangan syer atau jumlah yang lebih rendah sekiranya diperuntukkan dalam M&A. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, perundangan syarikat tidak seharusnya

dikekang oleh budaya tempatan kerana masyarakat perniagaan perlu berdepan dengan arus globalisasi.

Yang Berhormat Selayang juga membahaskan kewajaran berkenaan penggunaan ayat "*reasonably belief*" dan "*rationally belief*" dalam peruntukan berkaitan pembelaan istimewa kepada pengarah syarikat. Yang Berhormat minta Menteri supaya menjelaskan rasional penggunaan ayat "*reasonably belief*" dalam peruntukan tersebut dan bukannya "*rationally belief*" memandangkan skop "*reasonably belief*" adalah lebih kecil jika merujuk kepada kes *law*, mengikut Yang Berhormat Selayang.

Akan tetapi yang sebenarnya tentang mengapa Rang Undang-undang Syarikat ini mengguna pakai frasa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*reasonably belief*" dan bukannya "*rationally belief*" dalam peruntukan berkaitan *business judgement rule* pada fasal 214 rang undang-undang ini ialah, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan berhubung *business judgement rule* ini telah pun diperkenalkan sebagai seksyen 132(1B) dalam Akta Syarikat 1965 melalui Akta Syarikat (Pindaan) 2007 bersama keseluruhan pindaan yang melibatkan pengukuhan kerangka perundangan tadbir urus korporat sebagaimana yang dicadangkan oleh *The High Level Finance Committee* yang telah ditubuhkan selepas krisis kewangan yang melanda Asia Tenggara pada tahun 1997 iaitu menurut laporan *Finance Committee Report on Corporate Governance*.

Maka, polisi untuk memperkenalkan peruntukan *business judgement rule* tersebut dengan penggunaan frasa "*reasonably belief*" telah pun diperdebatkan dan dipersetujui oleh kedua-kedua Dewan Parlimen pada masa itu. Memandangkan perundangan tersebut dilihat telah berfungsi dengan sewajarnya, maka Rang Undang-undang Syarikat yang dicadangkan ini mengekalkan peruntukan yang sama dalam fasal 214.

#### ■1620

Justifikasi seterusnya adalah bagi tujuan penyelarasan di mana standard yang digunakan untuk mengukur pembuatan keputusan adalah berasaskan, dengan izin, pendekatan *reasonable standard* dalam kesemua peruntukan dalam perundangan RUU Syarikat ini. Terutamanya di dalam subpenggal 3, penggal 2, Rang Undang-undang Syarikat ini yang telah memperuntukkan berkenaan kewajipan dan tanggungjawab pengarah. Kesemuanya fasal-fasal 213, 215, 216, 221 dan 227 merujuk kepada pertimbangan berasaskan *reasonable standard*. Malah di keseluruhan perundangan dalam Rang Undang-undang Syarikat ini, piawaian pertimbangan dalam 62 fasal lain adalah merujuk kepada *reasonable standard*.

Perkara yang sama juga diguna pakai dalam pelbagai perundangan lain di negara ini yang secara keseluruhannya mengguna pakai pendekatan yang *reasonable standard*. Yang Arif Hakim dalam analisa beliau mengenai penggunaan perkataan "*rationally belief*" oleh bidang kuasa di Australia dan Amerika Syarikat berbanding dengan penggunaan perkataan "*reasonably belief*" dalam Undang-undang Syarikat Malaysia telah memutuskan seperti berikut. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** *"While it has been argued by the American Law Institute that 'rationally belief' is considerably wider than 'reasonably belief'. I am unable to subscribe entirely to that construction emphasis added. Rational by definition alludes to a decision based on reason or logic. Reasonable as it worked, has much the same effect namely a decision premise on logic or sense. The distinction does not appear to be as wide as if suggested"*. Oleh itu, Yang Arif Hakim telah memutuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang nyata antara perkataan *"rationally belief"* dibandingkan dengan *"reasonably belief"* dalam konteks *business judgement rule* ini.

Analisis yang dilakukan oleh Mahkamah Tinggi mengenai isu *business judgement rule* ini tidak disentuh atau dihuraikan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes yang sama walaupun CLRC di dalam dokumen konsultasi yang diterbitkan pada tahun 2006 mencadangkan agar peruntukan *business judgement rule* sebagaimana *Australian Corporation Act 2001* dengan frasa *"rational belief"* diterima pakai di Malaysia. Peruntukan seksyen 132(1)(b) atau Akta Syarikat 2007 telah menerima pakai frasa *"reasonably belief"* dan peruntukan yang sama ini telah dikekalkan dalam Rang Undang-undang Syarikat 2015 ini. Penggunaan frasa *"reasonably belief"* ini tidak dibincangkan dan tidak menerima sebarang tentangan daripada CLRC dalam laporan akhir CLRC pada tahun 2008 yang diterbitkan selepas pengubalan Akta Syarikat Pindaan 2007.

Yang Berhormat Selayang juga mempersoalkan bolehkah pengarah *nominee* mengambil kira kepentingan syarikat yang melantik mereka sewaktu bertindak sebagai pengarah dalam sesebuah syarikat *joint venture*? Dalam konteks menjalankan tanggungjawab sebagai pengarah *nominee*, pengarah dibolehkan untuk mengambil kira kepentingan orang yang melantiknya selagi ia tidak bertentangan dengan kepentingan syarikat itu. Dalam kes ini, syarikat JV yang dimaksudkan tersebut. Sekiranya kepentingan orang yang melantik itu bertentangan dengan syarikat *joint venture* tersebut, maka pengarah *nominee* harus meletakkan kepentingan syarikat *joint venture over than above* kepentingan lain.

Berkenaan dengan fasal 213 perenggan satu yang disoal oleh Yang Berhormat Selayang, beliau mencadangkan untuk dibubarkan dan diambil seksyen 172 UK berhubung kewajipan pengarah. Saya hendak jelaskan peruntukan di bawah fasal 213 merupakan sebahagian daripada pindaan yang dibuat dan diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2007. Tiada pindaan lanjut yang telah disarankan oleh pihak CLRC berhubung dengan kewajipan pengarah supaya bertanggungjawab untuk memastikan kejayaan sesebuah syarikat seperti mana di bawah peruntukan seksyen 172, Akta Syarikat UK. Ini kerana peruntukan fasal 213 peruntukan am yang meletakkan tanggungjawab pengarah untuk bertindak demi kepentingan syarikat dan bukannya terhadap anggota syarikat seperti mana seksyen 172 Akta Syarikat UK.

Tambahan lagi, RUU ini turut memberikan perlindungan di bawah *business judgement rule* yang telah pun saya jelaskan supaya pengarah mengambil risiko untuk memastikan objektif syarikat turut tercapai. Rang undang-undang ini juga mempunyai peruntukan yang membolehkan pengarah membuat laporan berhubung risiko yang dihadapi oleh syarikat. Polisi yang diguna pakai oleh syarikat berkaitan komuniti dan alam sekitar secara tidak langsung rang



undang-undang menggalakkan pengarah untuk mengambil alih apa-apa tindakan yang perlu bagi menjayakan syarikat. Rang undang-undang ini juga memperuntukkan hak anggota untuk menyoal dan memberi syor kepada pengarah berhubung pengurusan syarikat di bawah fasal 195.

Yang Berhormat Selayang juga bertanya harta yang dimiliki oleh pengarah tidak boleh dimasukkan atau dipindah milik kepada syarikat. Akan tetapi kebanyakan syarikat terdiri daripada syarikat persendirian yang dimiliki oleh keluarga. Fasal 228 rang undang-undang melarang syarikat bertransaksi dengan pengarahnya sendiri atau *substantial shareholder*. Rasional perundangan ini adalah untuk memastikan tadbir urus korporat yang dikenali sebagai *related party transaction*. Fasal 228(2) RUU membenarkan transaksi antara syarikat dengan pengarahnya. Jika transaksi ini diluluskan oleh mesyuarat ahli atau pemegang syer dan fasal 228(4) hanya melarang pengarah yang berkepentingan, *interested director* daripada mengambil bahagian di dalam *voting* jika pengarah tersebut pengarah syarikat awam.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan boleh?

**Seri Hamzah bin Zainudin:** Ya, boleh.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang tentang 228 ini, ini ialah untuk *replace* 132(e) kah? Minta Yang Berhormat Menteri bagi pandangan. Terima kasih. Yang dahulu lah, yang 132(e) yang *Companies Act* dahulu.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Fasal 228 ini diukur untuk melihat daripada segi *related party transaction*. Bagi kita jelaskan dengan mengikut fasal-fasal atau subseksyen selepas itu, contohnya untuk membenarkan satu *transaction* tersebut diluluskan oleh mesyuarat ahli pemegang syer. Jadi kalau yang dahulunya ada tersebut, berapa *related party transaction* yang saya sebut di sini maka dengan ini kita berikan secara lebih teliti tentang definisi seperti rang undang-undang hanya melarang pengarah yang berkepentingan tadi, *interested director* daripada mengambil bahagian dalam *voting* jika pengarah tersebut pengarah syarikat awam. Bagi syarikat sendirian berhad seperti soalan Yang Berhormat Selayang, pengarah syarikat boleh mengundi dalam resolusi untuk meluluskan transaksi di antara syarikat dan pengarah tersebut.

Hak dan remedi ahli. Yang Berhormat Selayang ada mempersoalkan tentang hak dan remedi ahli. Dalam fasal 346 rang undang-undang sedia ada menyediakan perlindungan kepada pemegang syer minoriti untuk mengambil tindakan terhadap pengarah syarikat sekiranya syarikat tidak ditadbir secara baik atau secara *oppressive* atau *prejudicial* kepada mana-mana anggota.

#### ■1630

Tindakan yang boleh diambil termasuk permohonan kepada mahkamah untuk menghalang atau mengubah apa-apa transaksi yang telah dijalankan. Mahkamah juga boleh memberikan perintah supaya syarikat ditadbir secara baik pada masa hadapan. Hak untuk

mengambil tindakan ini wujud dalam rang undang-undang terhadap pengarah ini, juga terbuka kepada bekas anggota syarikat.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang Berhormat Gerik menyatakan sokongan. Saya ucapkan terima kasih atas pandangan positif dan selari dengan apa yang telah saya bantangkan berhubung Rang Undang-undang Syarikat 2015 ini.

Yang Berhormat Batu ada mencelah bertanyakan dari negara mana rang undang-undang ini diadaptasi. Saya hendak jelaskan, kita ikut seperti ada beberapa buah negara yang telah pun mengguna pakai dan adaptasi seperti rang undang-undang ini iaitu UK, Australia, New Zealand dan Singapura.

Yang Berhormat Sungai Siput mempersoalkan kepentingan pekerja langsung tidak diambil kira dalam akta ini. Kami berpendapat hal ehwal berkaitan hak-hak pekerja adalah lebih sesuai ditadbirkan oleh perundangan yang berhubung dengan hak-hak pekerja dan bukannya di bawah perundangan syarikat yang khusus atau fokus untuk mentadbir undang-undang berkaitan pendaftaran, pentadbiran dan penggulangan syarikat. Maka, cadangan untuk mempertingkatkan hak-hak pekerja disingkir perlu dibangunkan di bawah perundangan berkaitan pekerja. Perundangan syarikat di bawah rang undang-undang ini juga ada diperuntukkan hak-hak untuk *unsecured creditor* di bawah fasal 527 yang mengutamakan pembayaran gaji pekerja yang tertunggak perlu dibayar. *Quantumnya* juga telah pun kita naikkan daripada RM1,500 kepada RM15,000.

Yang Berhormat Lipis ada mempersoalkan perniagaan atas talian (*online business*). Sekiranya syarikat menjalankan perniagaan atas talian, rang undang-undang ini adalah terpakai. Bagi golongan individu yang masih tidak berdaftar, pihak kementerian sedang mempertimbangkan peraturan bersesuaian mengikut undang-undang sedia ada di bawah kementerian. Yang Berhormat Lipis juga ada bertanyakan tentang pengecualian syarikat-syarikat dari di audit. Saya hendak jelaskan di sini bahawa *Exam Private Company* (EPC) syarikat yang tidak perlu serah simpan akaun yang diaudit.

Saya hendak sebut sekali syarikat yang tidak perlu serah simpan akaun yang diaudit, namun syarikat tersebut, *Exam Private Company* hendaklah menyerah simpan laporan juruaudit atau *solvency statement* daripada *auditors* kepada pendaftar. Manakala status serah simpan penyata tahunan, saya hendak jelaskan bahawa penyerah simpan penyata tahunan hendaklah diserahkan simpan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh ulang tahun pendaftaran syarikat. Penyata kewangan hendaklah diserahkan simpan selepas diaudit, diedarkan dalam kes syarikat awam yang juga telah dibentangkan melalui AGM.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Minta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanah Merah bangun ya.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Ya, ya.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak minta sedikit penjelasan tentang tidak perlu diaudit. Saya ada tanya- maaf sebab tadi rasa Yang Berhormat Menteri telah tanya yang- sekarang syarikat-syarikat yang dormant itu, bererti syarikat yang *dormant* sekarang tidak perlu lagi buat audit? Saya hendak minta penjelasan yang lebih lanjut dan juga mengenai dengan Yang Berhormat Lipis tadi. Boleh bagi penjelasan lebih lanjut lagi?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tadi saya sudah jawab Yang Berhormat Tanah Merah punya soalan tentang ini dan saya hendak beritahu bahawa syarikat-syarikat yang dormant itu apabila pendaftar telah menerima bahawa ini adalah syarikat-syarikat yang dormant, maka ia tidak perlu di audit lagi. Cuma, kepada syarikat-syarikat yang saya sebutkan tadi seperti *Exam Private Company*, ia mesti di audit. Cuma yang tidak perlu dibuat adalah tidak perlu serah simpan akaun yang diaudit itu dan hanya menyerah simpan laporan juruaudit ataupun *solvency statement by the auditors*. Ia ada satu surat beritahu bahawa syarikat ini adalah merupakan syarikat yang masih lagi ada *solvency statement* yang dibuat oleh *auditors* tersebut. Masih lagi *solvent*. Itu maksudnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Ya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Kalau dalam AGM, adakah akaun ini tidak perlu lagi ditunjukkan kepada ahli-ahli ketika itu sebab kalau, yalah mungkin kita tidak berapa arif lagi dengan jawapan Yang Berhormat Menteri itu kerana memandangkan akaun-akaun itu boleh disimpan sahaja. Adakah boleh pihak-pihak yang di dalam syarikat ini mengesahkan kedudukan kewangan tersebut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanah Merah bangun lagi, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Menteri, okey tentang tadi yang Yang Berhormat Menteri telah beritahu tentang syarikat dormant tidak perlu lagi seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi kalau syarikat domain, bagaimana dengan syarikat dormant ini. Berapa tahunkah syarikat *dormant* ini kalau tidak aktif baru kita *strike out* atau dia kena mohon untuk *strike out* ataupun automatik *strike out* setelah dormant berapa lama? Terima kasih.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Dalam undang-undang syarikat yang baru ini, saya hendak jelaskan. Pertama, semua syarikat yang beroperasi mesti diaudit. Semua mesti di audit. Cuma *Private Exam Company* itu kita berikan kelonggaran untuk dia tidak payah buat penyata tetapi dia mesti serah simpan akaun tersebut dan dengan *auditors* mengeluarkan satu *statement* bahawa syarikat itu masih lagi *solvent*. Itu maksudnya.

Akan tetapi kalau syarikat itu dormant, selepas tiga kali penyata tahunan mengatakan dia dormant, tahun pertama *dormant*, tahun kedua *dormant*, tahun yang ketiga juga dormant dan

setiap tahun hantar penyata tahunan, ketika itu boleh diambil kira sama ada pemegang saham masih lagi hendak syarikat itu ataupun *distrike out* daripada *list* pendaftar, ketika itu selepas tiga tahun kalau dia tidak hantar penyata kewangan. Maka status yang Yang Berhormat Lipis tanya tadi adalah setiap syarikat mesti diaudit. Cuma *Private Exam Company* tadi tidak perlu serah simpan akaun yang diaudit tersebut.

Yang Berhormat Kelana Jaya ada bertanyakan tentang sama ada fasal 28 menggantikan 132E tadi saya sudah jelaskan. Betul, ini adalah peruntukan melarang aktiviti *related party transaction* yang ada dalam seksyen 132E, dalam Akta Syarikat 1965.

Yang Berhormat Sepang ada bertanyakan Menteri untuk melihat kembali kepada syarikat di bawah fasal 464E.

■1640

Di bawah Fasal 464(e) ini saya hendak jelaskan, Rang Undang-undang Syarikat, Menteri boleh memfailkan petisyen untuk menggulung atas alasan jika seksyen 465 - *Circumstances in which company may be wound up by Court*. Begitu juga Menteri boleh menggunakan mengikut perundangan 465(1)(d), *the company has no member*. Contoh juga 465(1)(l), *the Minister has made a declaration under section 590*. Juga mahkamah akan, atas permohonan Menteri, boleh mengarahkan penggulangan syarikat tersebut.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, sudah habis jawabkah? Saya Yang Berhormat Sepang, ada lagi? Saya ada bangkitkan dua isu Menteri, tadi itu fasal penggulangan syarikat. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, tidak minta izin Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, boleh ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh, boleh Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Sorry* Tuan Yang di-Pertua. Menteri, pertama tadi saya bangkitkan fasal isu *Memorandum of Association* (MOA). Oleh sebab dalam undang-undang ini tidak mewajibkan MOA mesti diadakan.

Keduanya, fasal *winding up* ini, saya bangkitkan juga fasal 465(e) ini ialah berkaitan dengan jumlah amaun yang *company* berhutang, yang boleh digunakan untuk menggulung syarikat. Kalau kita lihat dalam 465(e) apabila, *the company is unable to pay its debts*; dan seksyen 466(1) Menteri, dia mengatakan bahawa Menteri yang tentukan jumlah itu, berapa yang kita boleh buat petisyen. Akan tetapi dalam *plenary statement*, penjelasan itu dinyatakan RM5,000, ia tidak letakkan dalam seksyen 466, itu yang saya tanya tadi. Jadi, macam mana, apa sebenarnya jumlah yang boleh digunakan untuk kita fail *one year petition against the company under 465(1)(e)*.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya pertamanya tentang *winding up* yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sepang tadi. Saya sudah beritahu bahawa Menteri ada dalam rang undang-undang ini membenarkan kuasa untuk Menteri membuat *winding up process*. Cuma tentang jumlah RM5,000 dalam *definition exactly* kenyataan tersebut, *statement* tersebut, ada pindaan tentang ini. Itu Yang Berhormat Sepang ada

kebenarannya dan kita akan buat dalam *Committee* nanti. Itu ada kekhilafan atau tersilap tentang jumlah yang dalam *definition* atau *exemplary statement*. Betul dan akan kita buat dalam *Committee* nanti. Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, hendak dapat pengesahan. Makna nanti dalam peringkat Jawatankuasa, Menteri akan pinda seksyen 466 itulah? Atau apa yang dipinda itu?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Kita tidak pinda seksyen tersebut, cuma definisi tentang jumlah tersebut akan kita beritahu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, okey.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Sepang juga ada bertanyakan tentang MNA kerana kalau tidak ada MNA ia akan menggalakkan penipuan daripada kalangan syarikat. Itu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang. Saya hendak jelaskan di sini bahawa ini tidak benar sama sekali kerana syarikat masih perlu menjalankan aktiviti yang sah di sisi undang-undang mengikut fasal 14(2). Jadi, walaupun ia tidak ada MNA tetapi ia kena mengikut fasal 14(2), mengikut undang-undang yang sah. Syarikat juga boleh- kita boleh benarkan untuk mereka melakukan apa-apa perniagaan dan untuk mengadakan MNA. Apa-apa perubahan berhubung pertukaran jenis perniagaan seperti dimaklumkan kepada SSM juga boleh dibenarkan untuk pemegang saham atau *members* melakukan perkara-perkara tersebut.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit Menteri.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Menteri. Menteri, tentang MNA, tentang *constitution* ataupun *Memorandum of Association* ini, kita tahu kalau dahulu di bawah peraturan seksyen 18(1), Akta *Company* 1965 dahulu, kandungan Memorandum Persatuan ini antara nama syarikat, tujuan syarikat, amaun, modal syer, liabiliti anggota terhad ini mesti yang dimasukkan dalam memorandum. Akan tetapi sekarang ini oleh kerana tidak wajib *company* itu mesti ada memorandum, bermakna seperti mana saya telah *quote Judgment of Brown LJ* dan mengatakan tujuan MOA ini adalah untuk memastikan orang luar ini, pihak ketiga dan juga pemiutang tahu apakah objektif syarikat itu.

Kalau kita lihat dalam seksyen 355(1), *conclusion* mesti ada tulis *object of the company*, tujuan *company* ditubuhkan. Akan tetapi sekarang ini apabila tidak ada keperluan itu, macam mana orang luar yang hendak berinteraksi ataupun mengadakan interaksi dengan *company* itu tahu apa objek *company* itu? Dengan keadaan tidak wajib ada perlembagaan, itu yang pertama.

Keduanya Menteri, apakah masalahnya apabila sebuah syarikat ini ada MOA? Saya tidak rasalah ada *complain* sebelum ini bahawa MOA ini menyusahkan syarikat untuk buat syarikat. Kalau tidak ada *complaint* atau sebagainya, apa yang kita hendak buang Perlembagaan ini? Apakah rasionalnya?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Awal-awal tadi saya telah jelaskan bahawa objektif untuk kita buat undang-undang baru ini undang-undang yang lebih moden, dinamik serta *responsive* bagi komuniti perniagaan. Kita juga telah menjelaskan

banyak dalam rang undang-undang ini untuk memudahkan sesiapa untuk menubuhkan syarikat. Itu objektif yang pertama. Kalau seseorang hendak menubuhkan syarikat dengan secepat mungkin, dia boleh buat terus tanpa mengadakan MNA.

Oleh sebab dia seorang yang ingin menubuhkan syarikat tersebut. Kedua, apabila dia telah pun menubuhkan syarikat tanpa MNA, dia selepas 30 hari boleh melantik *company secretary*, setiausaha syarikat. Ketika itu apabila dia menambahkan lagi pemegang saham, dia bukan hanya- dia tidak keseorangan lagi. Kalau dia hendak- kalau *the other partner* atau seorang pemegang saham yang lain memerlukan supaya adakan MNA, kita beri peluang untuk mereka membuat MNA *customize* mengikut kehendak mereka sendiri.

Tidak perlu tentang orang lain, ini keperluan mereka. Manakala, apa yang saya telah sebutkan tadi bahawa aktiviti yang mereka jalankan mesti sah mengikut akta di sisi undang-undang fasal 14(2). Ia mengikut- semuanya mesti ikut fasal 14(2). Jadi, tidak timbul lagi sama ada ia perlu ataupun tidak kerana yang pentingnya adalah kerana perkara yang dinyatakan dalam seksyen 18(1), Akta Syarikat 1965 telah pun dimasukkan sebagai keperluan pendaftaran di bawah fasal 14 yang saya sebutkan tadi. Setelah pendaftaran dibuat, maklumat ini boleh didapati oleh pihak awam untuk semakan dan sebagainya. Jadi tidak menyulitkan sesiapa. Dia memudahkan lagi kepada sesiapa untuk menubuhkan syarikat, Yang Berhormat Sepang.

■1650

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelebu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, tetapi kalau kita tengok seksyen 14(2) Yang Berhormat Menteri, tidak ada langsung dalam seksyen 14(2) itu mengatakan apa...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Jelebu yang bangun, yang Sepang bercakap dahulu kenapa? Bagi Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** [Ketawa]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia bangun tetapi tak nak cakap. Dia bangun sahaja tetapi tak nak cakap.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Sepang dahulu, Yang Berhormat Sepang dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh ya, boleh ya.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Sepang ingat, Yang Berhormat Sepang sahaja hendak bercakap dalam Dewan ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, Yang Berhormat Menteri bagi sekarang ini.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Bila Yang Berhormat Menteri bagi, Yang Berhormat Menteri belum cakap lagi sudah mengada-ngadalah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Jelebu tidak dengarkah baru sekejap ini dia bagi saya, sebab dia tahu saya bangun dan bercakap. Yang Berhormat Jelebu cuma bangun tetapi tidak cakap [*Ketawa*]

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okeylah. Yang Berhormat Jelebu dahululah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelebu dahulu, Yang Berhormat Jelebu dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Jelebu dahulu pun tidak apa, *it's okay*. Saya hendak bertanya ini sebab Yang Berhormat Menteri *quote* seksyen 14(2), saya hendak tanyalah. Sila, Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri sudah jelaskan tadi tetapi saya tidak berapa faham. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri jelaskan sekali lagi. Di bawah undang-undang syarikat yang lama ini, syarikat sama ada *dormant* ataupun tidak *dormant (active)*, perlu mengemukakan akaunnya kepada pendaftar syarikat dan *audited account* sekali untuk disimpan dan ini undang-undangnya. Dalam tempoh-tempoh tertentu akhir *financial year* masing-masing.

Akan tetapi di bawah undang-undang baru ini saya faham bahawa syarikat yang *dormant* dia masih perlu mengemukakan akaun tetapi tidak perlu mengemukakan *audited account*. Apakah yang saya faham itu betul atau minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan yang mana yang betulnya? Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Jelebu sekali lagi. Ini sudah masuk tiga kali saya jelaskan tentang *audited account*. Apa yang saya jelaskan tadi awal-awal adalah tentang *private exempt company*. Dia yang punya, pemegang saham itu katalah dia seorang lembaga pengarah dan pemegang saham. Jadi Yang Berhormat Jelebulah sebagai contoh.

Yang Berhormat Jelebu pengarah syarikat dan pemegang saham syarikat tersebut. Maka Yang Berhormat Jelebu minta pendaftar katalah *this is a private exempt company*, pendaftar kata okey. Kalau buat perniagaan sudah tentu kena ada *auditor* supaya hendak menentukan semua akaun yang dibuat itu mengikut perundangan yang ada dalam negara kita. Akan tetapi oleh kerana itu *is a private exempt company*, maka yang perlu hanyalah *statement* daripada *auditor* bahawa syarikat ini masih *solvent*. *Auditor* sudah buat cuma tidak payah hendak hantar banyak-banyak, tebal-tebal mengatakan *this is a financial statement of the company*. Itu maksudnya. Faham, Yang Berhormat Jelebu?

Okey, jadi tentang Yang Berhormat Sepang pula tadi tentang seksyen 14(2) saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Sepang saya hendak jelas. Sekali lagi Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang tubuh syarikat sendiri punya. Yang Berhormat Sepang *director*, Yang Berhormat Sepang juga merupakan pemegang saham. Jadi dalam undang-undang ini mengatakan Yang Berhormat Sepang kena mengikut undang-undang Akta Syarikat yang baru ini, 14(2). Kena ikut semua, segala perniagaan semua apa yang ada mesti ikut undang-undang.

Kemudian, Yang Berhormat Sepang hendak buat M&A untuk apa? Untuk diri sendiri? Mungkin tidak payah tetapi kalau Yang Berhormat Sepang kata hendak buat juga, boleh buat, kita berikan. Bukan kata tidak perlu cuma terpulang kepada Yang Berhormat Sepang apabila hendak buat. Akan tetapi *if it is a public listed company*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dia kena ada M&A. Oleh sebab itu kita berikan peruntukan yang ada di sini untuk beberapa buah syarikat untuk memudahkan seperti yang awal-awal saya nyatakan ini adalah untuk memberikan kemudahan kepada mereka yang hendak menubuhkan syarikat.

Kemudian apabila Yang Berhormat Sepang sudah ada pemegang saham yang lain dua atau tiga orang selepas itu yang mengatakan saya tidak percaya dengan Yang Berhormat Sepang, maka sebab itu saya hendak perlukan M&A. Saya takut oleh sebab Yang Berhormat Sepang merupakan seorang yang saya kurang percaya, maka saya hendak adakan M&A *customized* kepada syarikat tersebut, maka dia boleh buat dan boleh minta untuk mengadakan M&A dan pemegang saham tersebut boleh ikut undang-undang mengikut M&A, juga undang-undang 14(2).

Jadi sama. Cuma dia lebih berpihak *customized* mengikut pemegang-pemegang saham yang lain, yang itu maksud yang sebenarnya. Jadi saya hendak teruskan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri sedikit, sedikit...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak teruskan kepada...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, bagi saya peluang sedikit sebab Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Isu yang sama?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Isu sama.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Okey.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Fasal seksyen 14 ini. Mungkin tadi Yang Berhormat Menteri jawab yang saya faham, walaupun tidak ada *requirement* kewajipan untuk *company* yang selain daripada *limited by guarantee* ini untuk ada perlembagaan ataupun *constitution* ataupun *Memorandum of Association*, tetapi bila dia memohon untuk buat syarikat, keperluan-keperluan dinyatakan mungkin Yang Berhormat Menteri *refer* pada 14 subseksyen (3) kot bukan (2) sebab (2) itu dia hanya mengatakan *the company cannot be formed for any unlawful purposes*.

Akan tetapi yang (3) itu apa kandungan-kandungannya, *the name of the company, the status of the company, private or public*, betul tidak Yang Berhormat Menteri? 14(3), kan? Mungkin tadi Yang Berhormat Menteri sebut 14(2) itu, bagi saya *slipped of tongue*. Saya



bersangka baiklah. Cuma Yang Berhormat Menteri, saya hendak soal ini adalah kalau kita kata tidak perlu ada MOA ini sebab ada 14(3), saya rasa Yang Berhormat Menteri, dengan penuh hormat mengatakan ini sebenarnya tidak begitu tepat, Yang Berhormat Menteri.

Sebab apa kalau kita lihat dalam 14(3) itu, walaupun ada (a) sampai (j), apa *requirement-requirement* ataupun *requirement* yang perlu untuk *incorporate the company*, hendak *register* tetapi dalam (a) sampai (j) itu tidak ada langsung diterangkan tujuan syarikat ditubuhkan. Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat dalam seksyen 18 dahulu Akta Syarikat lama, dia ada sebut tujuan tetapi kalau kita dalam 35, seksyen 35 dia ada sebut kalau *company* yang ada Perlembagaan mesti sebut, kalau ada Perlembagaan mesti sebut tujuan. Kalau tidak ada Perlembagaan, Yang Berhormat Menteri kata boleh gunakan 14(3).

Persoalannya Yang Berhormat Menteri, saya katakan tadi Perlembagaan tujuannya untuk notis kepada orang luar, pihak ketiga. Jadi sekarang Yang Berhormat Menteri kalau tidak ada objektif sebab apa yang undang-undang *company* ini ada satu fasal yang *ultra vires* ini. Sebab kalau sekiranya apa-apa perniagaan yang dibuat itu *ultra vires* dengan *Memorandum of Association*...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap Yang Berhormat Menteri, sekejap Yang Berhormat Menteri sabar dahulu.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tidak, sudahlah saya hendak...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak nyatakan *ultra vires* ini yang kita rujuk kepada Perlembagaan. Sekarang kalau Perlembagaan tidak ada macam manakah kita hendak *question* bahawa ini syarikat yang menjalankan perniagaan yang tidak betul...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** *All right.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Yang bertentangan dengan matlamatnya. Matlamat itu kita tidak tahu.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Okey duduk, duduk. Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya nampak Yang Berhormat Menteri tidak berapa *prepare* hendak jawab ini.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang saya hendak beritahu. Yang Berhormat Sepang pun kata tadi ini yang satu *bill* yang rang undang-undang yang tebal sebab itu Yang Berhormat Sepang tidak sempat hendak baca. Itu apa yang Yang Berhormat Sepang cakap tadi. Selepas itu saya sudah sebutkan tadi 14(2) itu adalah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** (3), kalau (2) tidak ada.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Dengarlah dahulu. Ini *problem with you*. Masalah *you* ini Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang kata, kalau ada masalah nanti dia menyebabkan pihak ketiga yang tidak tahu langsung tentang kedudukan *company* tersebut, kan kita sudah jelaskan di sini. Mengikut undang-undang di sini *company shall not be formed for any*

*unlawful purposes*. Itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Sepang dia takut di pihak ketiga dan saya jelaskan kalau takut itu *don't worry* kerana ada di sini yang menunjukkan bahawa saya sudah katakan tadi semua siapa sahaja yang hendak menubuhkan syarikat, dia kena ikut rang undang-undang yang ada. Manakala kalau hendak tahu bagaimana hendak menubuhkan, *then you follow* 14(3). Seksyen 14(3), *the application for incorporation*. Semua ada di sini.

Itu tepat. Ini Yang Berhormat Sepang tidak faham, bukannya saya tidak faham, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, saya tidak faham Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Okey, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak terangkan dahulu ini. Yang Berhormat Menteri, 14(2) itu *for unlawful purposes* dan sekarang ini kalau syarikat buat *for lawful purposes* tujuannya tetapi dia tukar kepada tujuan lain yang *lawful* juga. Kita tidak boleh gunakan 14(2) untuk halang dia. Oleh sebab itulah saya kata mesti terang apa objektif contohnya objektif untuk 'A', tiba-tiba buat untuk 'B'. Dua-dua *lawful* tetapi *you* tukar. Inilah masalahnya dekat mana kita hendak tahu tujuannya dia tukar kita tidak tahu sedangkan tidak ada dinyatakan, tidak ada satu perlindungan di sini.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** *All right*, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya hendak beritahu semua perniagaan mengikut undang-undang yang ada di sini asalkan *it is a lawful business transaction* yang mereka hendak lakukan. *Then*, dia ikut undang-undang ini, okey?

#### ■1700

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *But unlawful, dia- ultra vires!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang-seorang.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum jawab lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, seorang-seorang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri tidak faham. Menteri kelam-kabut hendak jawab, tidak faham. Lain kali *prepare* betul-betul. Jangan jawab macam itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang komen itu tidak payah buatlah Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang dengar betul-betul kemudian...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah dengar... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menteri, seorang-seorang Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri tidak berapa hendak faham, cakap tidak faham...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Buat macam mana pun dia tidak faham, Yang Berhormat Sepang ini. Dia tidak faham.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak bagi dia lebih mudah. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi dia lebih mudah jawapan ya. Saya sudah kata sesiapa sahaja yang hendak menubuhkan syarikat mesti melakukan sesuatu perniagaan yang *lawful*. Okey. Kalau perniagaan apa pun, dia hendak tukar kah tidak apa, asalkan dia *lawful*. Akan tetapi kalau dia hendak menukarkan- sebab inilah masalah yang ada dengan Yang Berhormat Sepang, dia kira macam ini, kalau syarikat itu hendak jual nasi lemak, dia hendak tukarkan kepada syarikat hendak jual teh dia mesti ada M&A supaya dia hendak tukarkan dari satu kepada satu. Tidak. Kalau *lawful*, dia boleh buat apa sahaja, *unlimited capacity*. Faham ataupun tidak? Yang menjadi masalahnya yang Yang Berhormat Sepang tadi takut ada penipuan. Oleh sebab itu saya kata kalau ada penipuan, itulah yang saya katakan seksyen 14(2), ada faham?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, ada faham tidak saya cakap begini ya. Yang Berhormat Menteri, tengok dalam 35, kata kalau ada memorandum mesti ada objektif. Yang Berhormat Menteri pandang belakang buat apa? Dengar saya cakap ini supaya Yang Berhormat Menteri faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tahu ini bukan bidang Yang Berhormat Menteri, saya tahu Menteri jawab pun kalam-kabut. Saya tahu.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Sepang saya tengok semua Ahli Yang Berhormat yang duduk di sini termasuklah Yang Berhormat Sepang. Jadi saya boleh tengok depan belakang asalkan ada yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri jangan membelakangi kamera. Orang bukan hendak tengok *you* punya bahagian belakang. *They want to see your face*.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menjawab, Yang Berhormat Sepang tidak faham, saya tidak boleh kata apa-apa lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, saya bukan kata saya tidak faham. Saya hendak betulkan sebab Yang Berhormat Menteri bercakap seolah-olah macam dia rasa dia pandai tetapi sebenarnya dia bercakap, dia tidak faham apa dia cakap. *Let me explain why you* tidak faham apa yang *you* cakap. Yang Berhormat Menteri, *can I explain, can I ask?*

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** *No, no*. Saya hendak jelaskan. Yang Berhormat Sepang duduk dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tanya Menteri...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Pergi *check in*, buat pemeriksaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Kalau permintaan Yang Berhormat Sepang, *"Let me explain"* itu sudah luar daripada *contact* Yang Berhormat. Yang Berhormat minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak minta penjelasan Menteri, Yang Berhormat Menteri boleh?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tidak boleh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya tidak bagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri tidak bagi. Jadi Yang Berhormat Menteri kata saya tidak faham tetapi Yang Berhormat Menteri tidak bagi saya hendak *explain*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri tidak bagi, duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak terangkan bahawa Yang Berhormat Menteri kata saya tidak faham, tidak betul. Saya boleh tunjukkan kenapa sebenarnya Yang Berhormat Menteri tidak faham. *I can explain to you.*

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya tidak bagi jalan kerana dalam ramai-ramai ini dia seorang sahaja Yang Berhormat tidak faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Nampak, dia cakap begitu. *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Jadi, oleh sebab itu saya rasa biar saya teruskan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dalam ramai-ramai Menteri, Menteri ini seorang sahaja yang jawab berbelit-belit. Menteri lain okey jawab. Menteri ini jawab belit-belit. Dalam ramai-ramai Menteri ini, Menteri ini sahaja yang pembelit... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak perlu komen macam itu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia lagi kurang ajar, dia cakap saya kurang ajar. Dia mengata saya tidak faham. Saya hendak terangkan kenapa jawapan Menteri tidak betul. *I can engage with you, please engage with me.*

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang-seorang ya- tidak bagi jalan Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri mari kita *engage* secara *intellectual* okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dalam Dewan tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Selepas ini, dekat luar saya *explain*...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *I want to clarify*...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** *I want to explain*...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri tadi ada silap. Tadi Yang Berhormat Menteri mengaku, saya dengar Menteri pun sudah mengaku ada kesilapan, jadi tidak mustahil Yang Berhormat Menteri boleh silap. Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya soalan?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tidak, tidak. Duduk, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak benarkan, takut.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Ini bukan takut. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri takut, cakap takut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang itu tidak perlu...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang ini siapa pula? Yang Berhormat Pendang ini kenapa? Yang Berhormat Pendang tidak ada kelas...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Sepang duduk dahulu, Yang Berhormat Sepang duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang duduk dahulu.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Sepang duduk...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri tidak boleh. Tuan Yang di-Pertua yang boleh arahkan saya duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, duduk Yang Berhormat.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Presiden *hang*, aku bagi kalah tahu. Ini lawan dengan Mat Sabu lawan tahu... *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Kelas tak kelas pun, Mat sabu saya lawan, tau?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudahlah Yang Berhormat Pendang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Sepang duduk.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** ...Kalah dengan saya tau.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hei! *Recycle*, duduklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, cukup.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Pigilah kelas dia itu. Pigilah, kalau berani...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Recycle* MP duduklah...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tidak kelas. Presiden PAS itu...

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** *Point of order...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Jelebu ada *point of order*.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** *Point of Order*, Perkara 36 iaitu seorang Ahli tidak boleh mengeluarkan jangkakan jahat atas sesiapa Ahli lain. Tadi Yang Berhormat Sepang dengan jelas mengatakan Yang Berhormat Menteri berbelit-belit, pembelit. Ini bersangka jahat dan saya mohon Yang Berhormat Sepang tarik balik tuduhan ini dan kata-kata ini. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini memang jawapan yang berbelit-belit, apakah masalah? Kalau Yang Berhormat Jelebu pun membelit, saya pun akan kata ini Ahli Parlimen pembelit.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Itu sangkaan jahat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang ya.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat belit-belit ini ular macam Yang Berhormat Sepang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau macam itu dia kena tarik balik kata saya berbelit-belit macam ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak pertahankan peraturan mesyuarat tetapi jangan tuduh orang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang bila ada *point of order*, *Speaker will address the Point of Order*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi dia pun membelit juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah. Tidak perlu. Ya Yang Berhormat Jelebu. Tidak apalah Yang Berhormat, saya mendengar tadi kedua-dua

belah pihak dan Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bawah jawapannya itu bukan jawapan yang berbelit, jadi tidak perlulah kita *involve*. Tiada pelanggaran Yang Berhormat pada saat ini.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya kasihan dengan Yang Berhormat Sepang, saya hendak jelaskan sekali lagi Yang Berhormat Sepang. *You listen properly...*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Meloncat macam spring. Apakah ini? Macam spring.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab dia menuduh saya tidak faham...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya kata mungkin Yang Berhormat Sepang terlampau faham sehingga dia tersilap. Jadi saya hendak perbetulkan kesilapan yang terlampau faham. Pertama, dalam rangka perundangan yang baru ini, syarikat diberikan kuasa penuh untuk menjalankan apa-apa aktiviti-aktiviti perniagaan seperti yang saya sebut tadi. *Unlimited capacity*. Ini bermakna, tiada lagi keperluan untuk mewujudkan M&A. Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat berhasrat untuk mempunyai M&A seperti Yang Berhormat Sepang, syarikat masih boleh berbuat demikian. Saya sudah jelaskan, tidak pelik pun, pada bila-bila masa selepas pemerbadanan dan syarikat akan tertakluk kepada peruntukan M&A yang dibuat sendiri. Kemudian, peruntukan undang-undang yang baru juga memberikan ini. Saya sudah jelaskan juga, kuasa penuh- *unlimited capacity* bagi membolehkan syarikat melakukan apa-apa tindakan atau memasuki mana-mana transaksi tanpa kekangan bidang kuasa.

Ini memberikan kemudahan kepada pihak ketiga dalam berurusan dengan syarikat tanpa perlu ragu terhadap sebarang kekangan kuasa yang mungkin terdapat dalam M&A tersebut. Jadi Yang Berhormat, Yang Berhormat Sepang ini tadi mengatakan ada kekeliruan *ultra vires* di bawah seksyen 20 Akta Syarikat 1965. Yang Berhormat, saya tidak mahu sebut perkataan keliru atau kurang faham tetapi saya hendak jelaskan yang sebenarnya *ultra vires* di bawah seksyen 20 Akta Syarikat 1965 hanya mengikat syarikat dan pemegang saham sahaja dan bukannya pihak ketiga, Yang Berhormat Sepang.

Saya ingat cukup, saya sudah jelaskan, kalau tidak faham lagi saya ingat Yang Berhormat Sepang kita keluar nanti saya jelaskan satu-satu. Seorang kepada seorang. Mungkin tidak dengar atau tersilap dengar jadi sebab itu saya masih lagi sayang Yang Berhormat Sepang yang keluar dan kita jelaskan kerana Yang Berhormat Sepang ini seorang peguam yang diperlukan oleh rakyat. Maka sebab itu saya kena jelaskan takut nanti rakyat tersilap dia atas kekhilafan Yang Berhormat Sepang terhadap rang undang-undang ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh Menteri? Boleh, sebab ini *live* Menteri. Ada orang rakam... [*Dewan riuh*] Kalau di kedai kopi orang tidak dengar, *live* ini orang dengar semua. Boleh Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Pengkalan Chepa...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak boleh bagi pula...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Pengkalan Chepa ada mempersoalkan tentang sijil saham yang tidak perlu hanya dengan permintaan. Jadi mungkin terdapat risiko penipuan tersebut. Dia meminta supaya syor pindah milik saham perlu didaftar setiap kali pindah milik.

■1710

Saya hendak jelaskan di sini Yang Berhormat Pengkalan Chepa, apabila syer tidak lagi perlu dikeluarkan kecuali dengan permintaan, maka bukti pemilikan syer termasuk dalam daftar anggota. Rang undang-undang ini juga memerlukan syarikat untuk memaklumkan kepada pendaftar sekiranya terdapat sebarang perubahan termasuk apabila saham dipindah milik. Jadi mudah tentang rang undang-undang berkenaan dengan sijil saham. Ia ada dalam pendaftaran. Cuma kalau pindah milik, dia kena dalam waktu yang tertentu untuk memaklumkan kepada pendaftar.

Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Bagan Serai, isu berhubung syarikat-syarikat disalah guna bagi tujuan penipuan termasuk skim *Forex*, Skim Cepat Kaya dan pinjaman wang tanpa lesen atau ceti haram.

SSM sentiasa komited dalam memastikan syarikat-syarikat tidak disalah guna bagi menjalankan aktiviti yang melanggar undang-undang seperti pelaburan haram, penipuan, pinjaman wang tanpa lesen dan sebagainya. Melalui Jawatankuasa Jenayah Kolar Putih, SSM dan agensi-agensi lain seperti Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, PDRM, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan SPRM telah mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya terhadap entiti-entiti perniagaan termasuk syarikat-syarikat yang didapati terlibat dalam aktiviti penipuan dan pelaburan haram supaya diambil tindakan sewajarnya di bawah peruntukan undang-undang yang dikawal selia oleh agensi-agensi berkaitan.

Dalam hal di atas, SSM akan mengambil tindakan berdasarkan bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965 termasuk kegagalan menyerah simpan penyata tahunan dan penyata kewangan dan tidak mengadakan mesyuarat agung, tidak membentangkan laporan kewangan beraudit dan kegagalan menyimpan rekod perakaunan.

Yang Berhormat Tebrau ada bertanya tentang peniaga baru, adakah kerajaan bantu mereka dengan beri kursus. Saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Tebrau, daripada semasa ke semasa, pihak kementerian melalui SSM mengadakan banyak taklimat dan kursus yang percuma berhubung proses prosedur keperluan perundangan kepada usahawan-usahawan yang baru. SSM juga menawarkan seminar berkaitan tanggungjawab pengarah dan pegawai syarikat melalui Akademi Latihan SSM. Di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Yang



Berhormat Menteri juga mempunyai kuasa untuk menentukan jenis latihan yang perlu dihadiri oleh pengarah-pengarah syarikat.

Yang Berhormat Tebrau juga bertanya tentang syarikat berhad dengan jaminan seperti Lembaga Pengelola Sekolah Cina yang bukan *legal entity* tapi menjalankan aktiviti. Apakah kesan ke atas entiti ini dan banyak sekolah yang wujudkan *trustee*?

Sekiranya sekolah ditubuhkan melalui syarikat berhad menurut jaminan, Tuan Yang di-Pertua, syarikat tersebut perlu mematuhi sepenuhnya peruntukan Akta Syarikat yang berkaitan. Sekiranya bukan ditubuhkan sebagai syarikat, terdapat peruntukan undang-undang lain yang terpakai seperti *Trustees Incorporated Act* dan sudah tentunya perlu mematuhi peruntukan undang-undang tersebut. Jadi kalau ia ditubuhkan mengikut akta ini, maka dia terpakai mengikut undang-undang yang akan kita luluskan nanti, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Bagan Serai bertanya pemantauan syarikat yang menawarkan skim *Forex*. Saya sudah jawab tadi. *Insya-Allah*, kita akan cari maklumat-maklumat untuk kita mencari bukti-bukti yang tertentu kalau mereka ada menyalahkan apa-apa kesalahan. Buat masa ini kita belum tahu syarikat yang dimaksudkan.

Mengenai M&A, telah pun saya jelaskan walaupun Yang Berhormat Pengkalan Chepa ada mempersoalkan ini tadi.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang telah pun dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Kalau tidak silap saya, isu perniagaan melibatkan warga asing yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai belum saya jawab.

Berhubung isu penglibatan warga asing dalam aktiviti perniagaan di Malaysia, SSM telah mengambil inisiatif menjalankan pemeriksaan secara berkala ke atas aktiviti perniagaan didapati melibatkan warga asing bagi memastikan perniagaan dan syarikat yang berdaftar dengan SSM tidak disalahgunakan untuk menjalankan aktiviti yang bercanggah dengan kepentingan awam serta menyalahi undang-undang di Malaysia.

Selain mengambil tindakan ke atas kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti berdasarkan kuasa dan peruntukan akta yang dikawal selia oleh SSM, isu-isu yang memerlukan tindakan agensi lain khususnya Jabatan Imigresen, pihak berkuasa tempatan (PBT) turut dirujuk kepada agensi-agensi berkaitan untuk tindakan lanjut.

Bermula Januari sehingga 29 Mac 2016, SSM telah memeriksa sejumlah 1,202 buah premis perniagaan di seluruh negara yang melibatkan warga asing. Jumlah tersebut adalah termasuk pemeriksaan yang dijalankan melalui lapan operasi bersepadu dengan pelbagai agensi termasuk Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, PBT dan lain-lain agensi penguatkuasaan di Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Pahang dan Perlis. Sebanyak 443 kesalahan melibatkan premis perniagaan telah dikenal pasti dan telah diambil tindakan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Lanjutan daripada pemeriksaan yang dijalankan, sebanyak 206 kes telah dirujuk kepada Jabatan Imigresen dan pihak berkuasa tempatan setiap negeri untuk tindakan selanjutnya kerana didapati terdapat penglibatan warga asing dalam aktiviti yang dijalankan.

Dalam memastikan kesejahteraan dan persekitaran perniagaan yang baik dan kondusif di Malaysia dan sebagai salah sebuah agensi di bawah KPDNKK yang berpegang kepada slogan “*Caring Ministry*”, SSM akan terus komited melaksanakan aktiviti-aktiviti pemeriksaan dan pemantauan secara berkala di kawasan-kawasan yang dikenal pasti padat dengan kehadiran warga asing bagi memastikan agar undang-undang sedia ada dipatuhi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis jawab, Yang Berhormat?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya. Maka itulah Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab segala pertanyaan yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan]*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Tuan Yang di-Pertua, jika saya hendak usulkan hantar ke Jawatankuasa Pilihan, bolehkah saya usulkan sekarang? Hendak hantar ke *Select Committee*. Ini P.M. 54.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. *That is...*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *P.M. 54(1) and (2).*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** P.M. 54.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Suatu Rang Undang-undang boleh diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan. Boleh dicadangkan oleh mana-mana ahli tanpa buat apa-apa. Ini boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya melihat P.M. 54(1), Yang Berhormat boleh kemukakan tanpa notis.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Ya, tanpa notis.

#### ■1720

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *So, you want to invoke P.M. 54(1)?*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *P.M. 54(1) and (2).*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ia ada melibatkan sedikit pemakluman kepada ahli. Saya cadangkan agar mesyuarat dtempohkan selama 15 minit *for them to prepare*. Mesyuarat ditangguhkan selama 15 minit.

**[Mesyuarat dtempohkan selama 15 minit]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 5.38 petang.]**

#### ■1738

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya jemput Yang Berhormat bagi kawasan Sungai Siput untuk mengemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 54(2).

**5.38 ptg.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usul saya, saya pohon rang undang-undang akta syarikat diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan (*Select Committee*) supaya dibincang dan dimantapkan seperti diperuntukkan di bawah 54(1) dan (2). Terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan juga. Mengapakah perlu ditundakan? Benda ini boleh dilakukan tadi, bukan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak, *it is not*, kita tidak melakukan kesalahan untuk menunda 15 minit *for us to prepare the proper text* Yang Berhormat supaya Yang Berhormat Sungai Siput pun boleh kemukakan teks dengan bagus dan Speaker boleh menjawab dengan bagus, mengikut teks yang bagus.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya hairan tadi Tuan Yang di-Pertua, sebab kata tak cukup... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, kita tak salah. Daripada segi peraturan, tak salah Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tiba-tiba ramai yang datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis, usul Yang Berhormat Sungai Siput seperti yang dikemukakan tadi untuk diputuskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2) usul ini hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda ataupun dibahas.

[*Usul dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui.*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[*Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui*]

[*Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa*]

■1740

[*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*]

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa***]

[*Fasal-fasal 1 hingga 212 dikemukakan kepada Jawatankuasa*]

[*Fasal-fasal 1 hingga 212 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang*]

**Fasal 213 [Pindaan] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengusulkan beberapa tambahan kepada seksyen 213. Ini untuk beri perlindungan yang lebih...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Pengerusi, minta maaf. Fasal 1 sampai 212 itu sudah lepas?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah berlalu sudah Yang Berhormat ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Eh, macam mana itu? Kita ada banyak lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput, teruskan Yang Berhormat Sungai Siput.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Sepatutnya kita buat- katalah 50 dahulukah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sudah berlalu sudah, Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Sungai Siput ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Berlalu dengan satu ayat sahaja? Lalu macam itu? Fasal 213.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya. Tidak perlulah Yang Berhormat ya. *The next one is 213 to 620* ya. *Standby* Yang Berhormat ya. Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Tuan Pengerusi, akta ini ada banyak seksyen yang melindungi kepentingan pemegang saham. Akan tetapi untuk pekerja yang kerja di syarikat-syarikat ini, tidak ada perlindungan yang mencukupi. Saya sudah sebut tadi pada masa perbincangan dasar bagaimana pekerja yang dibuang kerja akibat kemuffisan syarikat, banyak kali mereka tidak dapat apa-apa pampasan pun walaupun ada dalam Akta Buruh. So, ada perlu. Kita perlu bawa peruntukan dalam Akta Syarikat juga dan apa yang saya bawa ada dua perubahan.

Satu, yang mewajibkan setiap syarikat simpan beberapa aset syarikat itu dalam satu syarikat berasingan. *A special purpose company* yang boleh pegang- ada syarikat yang ada *venue* dia. Tempat dia. Mungkin ini boleh di *park* di bawah sebuah syarikat yang lain yang tidak akan disentuh oleh *liquidator* jika ada kemuffisan dan aset itu boleh dipakai, boleh dicairkan dan dipakai sebagai pampasan untuk pekerjaanya sekiranya berlaku kemuffisan.

Ini tidak akan ganggu syarikat ini kerana ini bukan di bawah *working capitalnya*. Ini hanya tempatkan aset, fizikalnya mesti dia ada. Ditempatkan, dimiliki oleh satu *special purpose vehicle* dan mungkin kita kena *adjust* sikit. Kena *refine*, halus sedikit. Itulah sebabnya saya minta satu *Select Committee* untuk bincang ini secara lebih mendalam bagaimana ini boleh dilakukan. Pindaan kedua yang saya minta ialah kita menjadikannya tanggungjawab *director* untuk memastikan langkah-langkah telah dibuat, diambil untuk memastikan kepentingan dan kebajikan pekerja dilindungi sekiranya berlaku kemuffisan.

So, jika dia tidak buka syarikat macam *special purpose company* ini dan tidak simpan cukup aset di bawah syarikat itu sehingga mereka tidak dapat secara penuh pampasan yang harus dibayar, mereka ditanggung bayar itu. So, ini dua idea yang saya bawa dan saya rasa tidak ada undang-undang lain yang boleh bawa perlindungan yang sama macam ini kerana memang dalam *Labor Law* ada. Dia kata jika seseorang dibuang kerja, dia akan dapat pampasan macam itu. Akan tetapi jika dia dapat *paper agreement*, ada banyak kes. Mereka sudah pergi *Labor*, sudah menang. Dapat surat mengatakan kena bayar beberapa ribu setiap pekerja itu. So, bila mereka datang balik, syarikat itu di bawah *liquidator* dan *liquidator* akan jual dulu, dia akan *settle* dulu, *secured creditors*, akan dapat sebahagian besar, selepas itu *liquidator* akan dapat, *lawyer* akan dapat... [*Telefon bimbit berdering*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bolehlah matikan *phone* yang sedang berdering itu ya.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Dan selepas itu, yang tinggal itu tidak cukup untuk pekerja. Ini yang sedang berlaku. So, ini kita kena buat dalam akta ini. Tidak ada akta lain yang boleh beri perlindungan ini. So, sebab itulah saya bawa bawah ini supaya kita buat dan kita ini sekarang buat satu rombakan yang besar. *Big reform of the act*. Saya rasa *it is time* kita pun boleh masukkan idea ini, perlindungan ini untuk pekerja juga. Oleh kerana pekerja kita selalu cakap *tripartite* tetapi nampaknya bahagian pekerja, *stand* pekerja itu, kepentingan pekerja ini tidak diambil kira dalam akta yang sedang digubal sekarang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Sungai Siput yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Tidak ada membahar ya?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.

5.46 ptg.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa dalam pindaan ini tidak perlu disokong kerana jelas di bawah fasal 213 ini ia bukan menceritakan apa yang perlu dibuat kepada pekerja. Ia kewajipan. Kewajipan pengarah. Semua kepada pengarah syarikat dan sebagainya dan juga tanggungjawab. Bukan makna daripada pekerja. Ia ada undang-undang tertentu. Undang-undang Buruhnya ada. PERKESOnya ada Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja. Ia sudah ada dalam akta masing-masing. Itu kalau berlakunya, tidak perlulah maknanya syarikat itu akan bertanggungjawab. Bukan dalam Akta Syarikat ini. Ini hanya menyatakan apa yang perlu dibuat dan bukan maknanya semua tanggungjawab hendak dinyatakan dalam akta ini. Ia kena dinyatakan dalam akta-akta tertentu sahaja. Akta yang *special*. Itu sahaja yang saya hendak beritahu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang. Selepas itu, Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

**5.46 ptg.**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya bangun untuk menyokong pindaan seksyen 213 yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Ketiga-tiga isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Sungai Siput harus diteliti saya percaya oleh Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab satu masalah kita ada sekarang yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi ialah bila mana-mana syarikat *close shop* atau *bailout* atau muflis, masalah yang besar, *the biggest victims* ialah pekerja. *They are the last to get any benefits. So therefore, the strategy* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sungai Siput akan memberi kepentingan kepada pekerja yang selalu dipinggirkan. Itu satu.

Kedua, dalam pindaan yang telah dibawa oleh kerajaan, saya tidak nampak mana-mana kepentingan ataupun fokus kepada *corporate social responsibility*. *Corporate social responsibility* bukan satu kepinggiran. *Its outlier*. Tidak. *It must be part and parcel of the company itself*. *Corporate social responsibility* mestilah suatu yang tengah-tengah ataupun *the center of any company*, operasi mana-mana syarikat. Saya fikir cadangan yang dikemukakan ini akan memenuhi keperluan-keperluan *corporate social responsibility* yang Kerajaan Barisan Nasional menyokong dan juga semua rakyat sokong. Akan tetapi kalau kita tidak masukkan ke dalam pindaan ini, maka ini menunjukkan bahawa *we do not have the sense of social responsibility* kepada masyarakat. Tidak. Isu ketiga Tuan Pengerusi, saya percaya bahawa *we have to move on*. Dalam akta-akta, khususnya Akta Syarikat di lain-lain negara, ada kepentingan dijamin oleh kerajaan.

**■1750**

Satu ialah jaminan untuk '*higher local standards*'. Kedua mengenai *environment-sustainable environment*. Sekarang *United Nations* mengatakan bahawa *sustainable environment is important* dan Kerajaan Malaysia pun menyokong *sustainable environment* dalam mana-mana perbincangan *climate change*. Akan tetapi kalau kita tidak masuk dalam undang-undang, maka ini hanya akan jadi satu cakap-cakap saja. *Therefore, I think we have to take this a bit seriously* dan saya sekali lagi harap bahawa Yang Berhormat Menteri dan semua Ahli Parlimen akan *consider to...*

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh Yang Berhormat Klang? Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Klang. Saya hendak kembali menyentuh sedikit tentang kebajikan pekerja tadi seperti mana yang menjadi inti kepada pindaan seksyen ataupun usul pindaan daripada Yang Berhormat Sungai Siput. Adakah Yang Berhormat Klang maklum bahawa dalam laporan *PricewaterhouseCoopers* dengan izin berkaitan dengan TPPA.

Ada beberapa pandangan daripada pakar ini yang telah memberikan satu analisa bahawa syarikat-syarikat asing khususnya yang akan bermain selepas daripada pelaksanaan TPPA ini, memberikan keutamaan kepada *the employee welfare*, dengan izin. Ini tentunya perlu diberikan kesan dalam rang undang-undang yang baru ini kerana sudah tentu mereka akan menubuhkan syarikat di Malaysia. Kita lihat ada satu keadaan yang lebih *relax* dengan izin terhadap isu kebajikan pekerja ini. Apa pandangan Yang Berhormat Klang? Terima kasih.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Saya hendak respons kepada Yang Berhormat dengan dua jawapan. Pertama, semasa Yang Berhormat Menteri MITI berbahas isu yang berkait dengan TPPA, beliau mengatakan bahawa dalam *30 chapter*, bab yang ada dalam TPPA, satu adalah berkait dengan pekerja. Malaysia khususnya menandatangani satu *agreement* yang dipanggil *side agreement on labor* dengan Amerika Syarikat dan *side agreement* itu diwajibkan. *It's compulsory, it's binding on the Malaysian Government.*

Kalau kita baca *side agreement* Malaysia dengan Amerika Syarikat, apa yang dikatakan di sini ialah bahawa Malaysia tidak menghormati hak pekerja, jelas. Oleh sebab itu Amerika Syarikat katakan kepada mereka, sekarang *you* tukar undang-undang di Malaysia sebelum kita *sign agreement TPPA*. So, jelas *side agreement* itu mengatakan, iktiraf bahawa ada masalah cara Malaysia menguruskan warga pekerja di Malaysia. Itu satu.

Isu yang kedua yang dibangkitkan Yang Berhormat Bukit Katil semasa perbincangan dalam TPPA ialah Menteri mengatakan bahawa *we need the higher standards. The higher standards* dalam konteks TPPA ialah untuk mempertahankan dan juga melindungi *environment* termasuk dengan hak pekerja, termasuk dengan pekerja-pekerja asing yang kerja di Malaysia. So saya tidak faham. Kerajaan Malaysia mengatakan dalam satu rundingan dengan Amerika Syarikat dan 12 buah negara lain, Malaysia akan melindungi pekerja, *environment* dan sebagainya. Akan tetapi datang ke Parlimen, hendak menggubal akta undang-undang, kita tolak. Saya tidak faham macam mana. Satu, kerajaan boleh adakan dua buah dasar yang berlainan dan bertentangan. Sekian, terima kasih.

### 5.53 ptg.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak jelaskan di sini berkenaan yang diminta oleh Yang Berhormat Sungai Siput ini adalah sama seperti apa yang dibahaskan sebentar tadi.

Sekali lagi saya hendak jelaskan. Saya berpendapat hal ehwal berkaitan hak-hak pekerja adalah lebih sesuai ditadbirkan oleh perundangan yang berhubung dengan hak-hak pekerja dan bukannya di bawah perundangan syarikat yang khusus atau fokus untuk mentadbir- saya hendak jelaskan. Ini fokus, khusus untuk mentadbir undang-undang berkaitan pendaftaran, pentadbiran dan penggulungan syarikat. Maka cadangan untuk mempertingkatkan hak-hak pekerja yang

diusulkan di bawah perundangan, itu perlu dibangunkan di bawah perundangan berkaitan pekerja dan bukan Rang Undang-undang Syarikat.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui]*

#### **Fasal-fasal 213 hingga 620 -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya. Walaupun begitu banyak fasal Yang Berhormat dalam peringkat ini, perbahasan masih terhad kepada 10 minit Yang Berhormat ya.

#### **5.55 ptg.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Saya tak payah 10 minitlah. Kalau boleh Tuan Pengerusi, saya hendak buat 213 dulu, lepas itu kalau Menteri boleh jawab saya akan sambung dengan 404.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ia bersekali Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Sekali? Okey. 213 ialah mengenai isu *directors*. *Duty* dan *responsibility of directors*. Saya merujuk balik kepada seksyen 2 – interpretasi *director*. Saya minta, saya baca definisi *director* ini dalam bahasa Inggeris, dengan izin.

*“director” includes any person occupying the position of director of a corporation by whatever name called and includes a person in accordance whose directions or instructions the majority of directors of a corporation are accustomed to act and an alternate or substitute director.*

Saya minta penjelasan daripada Menteri. Definisi *director* ini memang berubah daripada definisi *director* pada Akta 1965. Beri penjelasan, *the difference is the word ‘in majority’*. Beri penjelasan penuh, saya nak *test* sedikit Menteri, apa sebab pindaan ini dibuat dan juga beri penjelasan sama ada ini adalah satu pindaan yang lebih baik dan daripada segi mana yang baik.

Saya rujuk kepada pindaan 404 – *Application to Court for company to be placed under judicial management and for appointment of a judicial manager*. *Judicial management* ini saya dah kata tadi dalam perbahasan dasar, saya sokong, saya tidak ada isu. Cuma saya hendak penjelasan apakah definisi *judicial manager* sebab dalam interpretasi seksyen 2, memang tidak ada sebut apa makna *judicial manager*, cuma ada *manager*. *Definition manager* adalah, saya baca balik, *“Manager is define in relation to a company, means to principal executive officer of the company...”*. Maknanya lebih kurang CEO ataupun *executive officer* yang pentinglah, *“...of the company for the time being by whatever name called and whether or not he is a director.”*

Jadi saya minta penjelasan daripada Menteri, *judicial manager* itu adakah ini *refer to a manager within the definition appointed by the judges to deal with this matter*. Kalau boleh beri



penjelasan penuh tentang isu ini sama ada kita boleh bawa satu *judicial manager* dari luar atau tidak. *Can the manager be appointed from externally*, maknanya pergi ke *court*, *judge look at the issue* dan kata kita nak *appoint manager* daripada luar ataupun adakah ia cuma untuk *judicial manager* daripada dalam syarikat tersebut di bawah definisi seksyen 2.

Satu lagi isu ialah tentang *non compliance*. Isu ini nampak *big* sebagai *general observation*. Berapa lamakah kita akan *apply*? Katakan kita *pass* undang-undang ini dan digazetkan, *is there going to be a grace period* dengan izin untuk *compliance*, adakah satu, dua tahun sebab penaltinya kuat ini. Ada yang lima tahun penjara, RM500,000. *The breach of duties of fiduciary duties of directors* lima tahun sampai RM3 juta. Jadi saya hendak tanya secara am tentang *provision-provision* semua ini kalau tidak *comply*, apa maknanya dalam satu, dua tahun ini, adakah ia ada *grace period* atau tidak. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ada lagi hendak bahas? Sila Yang Berhormat Menteri.

■1800

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Pertamanya, tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tentang *director duties* dan 213, saya hendak jelaskan di sini tentang *duties and responsibilities of director*. Saya faham Yang Berhormat keliru tentang *person* yang dimaksudkan dalam *section duties and responsibilities of director* ini. Saya hendak jelaskan bahawa tidak ada perbezaan tentang *one person, two person* semua itu kerana yang penting pada kita ialah *as long as he is the director of company, he has to follow duties and responsibilities* yang dimaksudkan dalam seksyen 213. Itu digariskan secara *detail* dalam semua seksyen mengenai dengan *duties and responsibilities of directors*.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Menteri, kalau boleh saya tanya soalan. Sebenarnya soalan saya ialah tentang definisi *director*.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** *I know.*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *Can you go to section regarding definition of director* dalam seksyen 2 sebab ini *duties and responsibilities of directors*, sebab dalam definisi Akta 1965 dia berlainan dengan definisi sekarang ini dan *definition difference* saya baca *the words is* dia at *in the majority of directors* dalam *line* keempat. Kalau *director, includes any person occupying the position of director of a corporation by whatever name called and includes a person in accordance with whose directions or instructions the majority of directors*. Ini ditambahkan definisi baru. Jadi, saya hendak tanya kenapakah ditambahkan definisi *the majority* dan apakah pemikiran di belakang secara dasarnya? Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Oleh sebab itu saya hendak jelaskan tadi *it is more on duties and responsibilities of directors*. Jadi bila kita sebut *directors* tadi, kita tengok sini,

“...whatever name called and includes a person in accordance with whose directions...”. Bila kita kata *whose direction or instruction* itu yang menyebabkan kita kata *the majority of director of a corporation*. Jadi, *instruction and direction* itu hendaklah ditentukan oleh *majority of directors in that company*. Itu maksud saya, *it is a duties and responsibilities* yang mesti diikuti oleh *all directors in that company*. Itu maksudnya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Menteri, Kalau saya boleh tambah. Boleh tak Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh Yang Berhormat Menteri? Ada pencelahan. Ya, duduk Yang Berhormat Kelana Jaya duduk, satu-persatu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Kemudian tentang *judicial management*.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Pengerusi, kita masih dalam isu *majority of directors*.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** *I am not debating with you, you* tanya dengan saya dan saya jelaskan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Saya faham, cuma saya hendak tahu Menteri, isu ini ialah isu tentang *shadow directors*. Ini adalah satu *major amendment* dalam *Companies Act* ini. *Shadow director* dijaga di dalam Akta 1965 cuma sekarang dimasukkan ayat “*The majority of directors*”. Jadi saya hendak tahu pemikiran ataupun dasar di belakang isu pemasukan ayat “*The majority of directors*”. Kalau bolehlah Menteri, kalau Menteri tidak boleh jawab...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya jelaskan, seperti yang saya katakan tadi,

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat Kelana Jaya duduk, kita jangan berdialog, satu-persatu. Okey, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tuan Pengerusi, sebab itu saya tidak hendak dialog. Saya sudah jelaskan bila kita katakan *majority* dalam seksyen 213 ini, kita kena tengok 213 baru *you* balik definisi *directors*, yang *you* hendak maksudkan definisi *directors* itu adalah kekeliruan terhadap definisi yang mengatakan “...*include a persons in accordance with whose directions or instructions the majority of directors*”.

Jadi, yang bagi- *you cannot debate with me*, yang memberikan *instruction* mestilah datangnya *majority of directors of a corporation*. Ini adalah kerana bagi membolehkan, kita hendak membolehkan *majority* adalah pekerjaan baru yang dimasukkan bagi membolehkan *shadow directors*, kita tidak mahu- dibuktikan di mana undang-undang akan lebih jelas. So, *that* kita boleh *determine* siapa *shadow directors* yang ada dalam syarikat ini.

Ini sebab itu, *the direction* itu adalah daripada *majority of directors of a corporation*. Jadi kalau dalam *board members* itu sudah bersetuju satu-satu *instruction then directors have to follow 213 duties and responsibilities of directors*.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Menteri. Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya, isu yang sama Yang Berhormat Kelana Jaya?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, memang isu yang sama. Tidak apalah Menteri kalau bagi jawapan macam itu, tidak apa. Cuma saya hendak tambah sedikit sahaja untuk tolong Menteri. Isu *majority* ini ayat yang dimasukkan itu, ini penting sebab *shadow director*...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Maksud *shadow director* pada akta 1995 susah untuk *prove* sebab *you* kena *prove* semua *directors* ikut *instruction* dia. Maknanya kalau ada satu *advisor in board of director meeting, legal advisor* sebab di Malaysia ini banyak *legal advisor* sebenarnya bos besar. Dia duduk situ, dia panggil *directors* buat kerja. Akan tetapi, bila kita hendak tangkap *shadow director* dia itu dia akan kata saya tidak *influence* semua orang, saya *influence majority* sahaja sebab itu akta ini masuk perkataan *the majority*. Saya cuma hendak tahu sama ada benar kah ini kah pemikiran di bawah pindaan ini dengan ayat "*The majority*" sahaja, terima kasih.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Telah saya jelaskan tadi bahawa ini membuktikan bahawa *majority* adalah perkataan yang dimaksudkan bagi membolehkan *shadow directors* dibuktikan. Saya faham bukannya mudah membuktikan *shadow directors* di mana undang-undang akan lebih jelas apabila kita hendak *determine* siapakah *shadow directors* apabila *majority of directors* yang memberikan *instruction*. Itu yang maksud dalam itu ya. Jadi sama, fahaman *you* pun betul, apa yang saya jelaskan itulah yang sebenarnya cuma bila kita hendak mencari siapakah hendak *determine* siapa maka *majority of directors* yang memberi *instruction* itulah yang dimaksudkan.

Kedua, tentang siapakah *judicial manager* dalam 407(1), "*The applicant shall nominate a person who is an insolvency practitioner, who is not the auditor of the company, to act as a judicial manager*". Mudah sahaja. Jadi sesiapa sahaja yang boleh kita iktiraf sebagai *insolvency practitioner* boleh dianggap sebagai *judicial manager*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat, sebelum saya pergi kepada untuk mengesahkan, saya difahamkan bahawa pihak kerajaan sudah ada pindaan dan pindaan tersebut belum lagi diedarkan dan dibentangkan oleh Yang Berhormat sekalian. Jadi saya tempohkan persidangan kita selama 15 minit.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, sampai pukul berapakah malam ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selama 15 minit.

**Seorang Ahli:** Sampai pukul berapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sehingga selesai.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Sampai selesai untuk akta ini ya? Okey, terima kasih.

*[Mesyuarat dtempohkan selama 15 minit.]*

■1835

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 6.35 ptg.]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal 213 hingga 577 dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 213 hingga 577 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Fasal 578 - Pindaan:**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, fasal 578 bertujuan untuk menetapkan keperluan dan tatacara apabila syarikat asing berhenti menjalankan peniagaan di Malaysia. Kementerian ini mencadangkan agar fasal 578 dipinda dalam sub fasal 6 iaitu dengan menggantikan perkataan 'pegawai pematuhan' dengan perkataan 'ejen'. Cadangan pindaan ini bertujuan untuk memastikan satu notis yang menyatakan bahawa syarikat asing telah dibubarkan dan supaya pendaftar mengeluarkan nama syarikat itu dari daftar telah diterima daripada agen dan bukan pegawai pematuhan.

Ini kerana ejen merupakan seseorang yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab sebagaimana yang diperuntukkan dalam peruntukan fasal 578 rang undang-undang, manakala pegawai pematuhan hanya dipertanggungkan dengan tanggungjawab sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743]. Oleh itu sokongan dan kerjasama dari semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini adalah diharapkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan fasal 578 oleh Yang Berhormat Menteri terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Fasal 578 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal-fasal 579 hingga 620 dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 579 hingga 620 diperintahkan jadi sebahagian rang undang-undang]*

#### **Jadual 8 - [Pindaan]:**

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kementerian ini turut mencadangkan pindaan terhadap Jadual ke 8 yang memperuntukkan perkara-perkara berhubung moratorium dalam satu perkiraan sukarela korporat. Kementerian ini mencadangkan agar Jadual 8 dipinda dalam teks bahasa Inggeris dalam sub perenggan 10(c) iaitu dengan menggantikan perkataan "...or one widely circulated in Malaysian newspaper in the English language" dengan perkataan "...and one widely circulated newspaper in Malaysia in the English language". Cadangan pindaan ini bertujuan untuk memastikan pemberitahuan permulaan moratorium diiklankan dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk melalui Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini amat diharapkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan Jadual 8 oleh Yang Berhormat Menteri terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Jadual 8 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Jadual diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

■1840

## RANG UNDANG-UNDANG SKIM KEPENTINGAN 2015

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.42 ptg.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta untuk pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran skim-skim berikutan kepentingan serta untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini penawaran skim kepentingan adalah dikawal di bawah Bahagian 5, Perenggan 4, Akta Syarikat 1965. Skim kepentingan adalah aktiviti pengumpulan modal oleh pemegang kepentingan bagi membiayai suatu aktiviti perusahaan, pelaburan atau kemudahan dengan tujuan untuk mendapatkan pulangan kewangan atau hak menggunakan kemudahan yang disediakan. Antara skim kepentingan yang ditawarkan pada masa ini adalah skim kepentingan berasaskan pertanian seperti perladangan kelapa sawit dan perikanan, skim kepentingan berasaskan rekreasi seperti golf dan marina dan kongsi masa seperti rumah dan hotel percutian.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mencadangkan supaya kerangka perundangan yang berasingan diperkenalkan untuk mengawal selia penawaran skim kepentingan kepada orang ramai secara lebih komprehensif dan telus serta memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada pelabur. Cadangan pengenalan kerangka perundangan skim kepentingan yang berasingan ini adalah tepat pada masanya dan selaras dengan pendekatan supaya Rang Undang-undang Skim Kepentingan yang dicadangkan ini memperuntukkan perundangan spesifik yang mengawal selia keperluan dan tatacara penajaan atau pengumpulan dana secara alternatif selain daripada penawaran saham melalui kerangka pasaran modal sedia ada atau pinjaman dari institusi kewangan. Pembaharuan yang dicadangkan di bawah rang undang-undang ini menjurus ke arah pengawalseliaan yang lebih sistematik melalui proses pendaftaran yang lebih jelas dan mudah. Menambah baik mekanisme perlindungan pelabur dengan mengkanunkan tugas dan tanggungjawab syarikat pengurusan dan pemegang amanah. Pelaporan yang lebih telus serta hak untuk menggulung skim yang ditawarkan dalam keadaan yang tertentu.

Secara keseluruhannya, pengenalan Rang Undang-undang Skim Kepentingan ini dapat memperkasakan industri kecil dan sederhana (IKS) sebagai pemangkin untuk mendapatkan suntikan modal melalui pengumpulan modal pelabur yang berkeyakinan dengan model perniagaan yang diketengahkan. Antara ciri-ciri penting yang terkandung dalam Rang Undang-undang Skim Kepentingan yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:-

- (a) memperkenalkan kerangka perundangan yang baru bagi mengawal selia penawaran skim kepentingan kepada pihak awam;
- (b) menyediakan prosedur pendaftaran skim kepentingan yang lebih sistematik;
- (c) memberikan akses kepada IKS untuk mendapatkan suntikan modal termasuk membenarkan syarikat persendirian menawarkan skim kepentingan dengan syarat-syarat yang tertentu;
- (d) mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mengkanunkan tugas dan tanggungjawab syarikat pengurusan dan pemegang amanah;
- (e) memperkenalkan mekanisme penguatkuasaan yang lebih efektif untuk melindungi hak pemegang kepentingan, termasuk kuasa pendaftar untuk campur tangan dalam keadaan tertentu serta untuk mengarahkan pemberhentian skim yang tidak berdaftar; dan
- (f) menjelaskan prosedur penggulungan skim kepentingan, termasuk memberikan hak kepada pemegang kepentingan untuk mengarahkan penggulungan skim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Skim Kepentingan yang dibentangkan ini mencadangkan tujuh bahagian yang dipecahkan kepada 92 seksyen serta dua jadual seperti berikut:-

Bahagian I. Bahagian ini menerangkan tajuk ringkas permulaan kuat kuasa dan tafsiran.

Bahagian II. Bahagian ini menerangkan perkara-perkara berkenaan dengan pendaftaran suatu skim kepentingan seperti berikut.

Fasal 3 melarang penawaran sebarang kepentingan dalam suatu skim sekiranya tidak didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan. Fasal ini juga menerangkan bahawa penawaran sebarang kepentingan dalam sesuatu skim hanya boleh dibuat oleh syarikat pengurusan.

Fasal 4 menerangkan ciri-ciri skim kepentingan iaitu skim pelaburan, skim keahlian deklarasi dan skim kongsi masa.

Fasal 5 menerangkan pengelasan skim yang boleh didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan yang terdiri daripada skim premium, skim kecil atau skim asing.

Fasal 6, 7, 8, 9, dan 10 masing-masing bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai syarat-syarat dan prosedur bagi pendaftaran sesebuah skim kepentingan iaitu skim premium, skim kecil atau skim asing. Ini termasuk tatacara dan kehendak permohonan, kuasa tambahan yang diberikan kepada pendaftar untuk mengarahkan syarikat pengurusan untuk membayar pampasan kepada mana-mana orang yang telah membeli apa-apa kepentingan sebelum pendaftaran dan untuk menyekat syarikat pengurusan dari menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan penawaran atau pelawaan untuk melanggan atau membeli kepentingan sebelum permohonan diluluskan serta pengeluaran perakuan kebenaran setelah permohonan diluluskan.

Fasal 11 dan 12 menerangkan kuasa pendaftar untuk menggantung untuk mendaftarkan pendaftaran skim jika terdapat tindakan untuk menentukan pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah akta yang dicadangkan atau Akta Syarikat 2015 yang dicadangkan atau terma dan syarat berhubung dengan kelulusan.

Fasal 13, 14 dan 15 masing-masing memperuntukkan tatacara rayuan kepada Menteri atas perintah pembatalan yang dibuat oleh pendaftar serta mengenai perkiraan bersaling atau *reciprocity* berkenaan dengan skim asing yang didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan jika skim itu telah digantung di negara asal, hilang kelayakan atau operasinya disekat.

Fasal 16, 17 dan 18 memperkatakan perkara berkaitan penukaran skim kecil kepada skim premium dan syarat-syarat yang berkaitan serta kesan penukaran tersebut terhadap aset dan liabiliti skim kepentingan itu.

Bahagian III. Bahagian ini menerangkan Surat Ikatan Amanah, pemegang amanah serta prospektus dan terbahagi kepada bab-bab berikut.

Bab 1 yang merangkumi fasal 19, 20 dan 21 menyatakan perkara berkaitan keperluan dan tatacara kelulusan Surat Ikatan Amanah dan perjanjian kontrak kandungan serta keperluan yang perlu dipatuhi sekiranya terdapat pindaan.

#### ■1850

Bab II yang merangkumi fasal 22, 23, 24, 25, dan 26 memperkatakan perkara yang berhubung dengan pelantikan, syarat dan kelayakan, tanggungjawab serta liabiliti pemegang amanah bagi suatu skim kepentingan. Selanjutnya bab ini juga memperkatakan tatacara berhubung peletakan jawatan atau pemecatan pemegang amanah.

Bab III yang merangkumi fasal 27 sehingga 43 memperkatakan perkara berkaitan prospektus dan perjanjian kontrak. Bab ini menyatakan larangan berhubung penawaran kepentingan dalam sesuatu skim tanpa prospektus atau perjanjian kontrak yang diluluskan dan didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan. Seterusnya bab ini juga menerangkan kandungan yang perlu ada dalam prospektus atau perjanjian kontrak tersebut, dokumen berkaitan yang perlu disimpan, dokumen yang dianggap sebagai prospektus serta liabiliti sivil atau jenayah, berkaitan pengeluaran sesuatu prospektus atau perjanjian kontrak.

Bab ini juga memperuntukkan kuasa mendaftar untuk mengeluarkan perintah berhenti supaya penawaran kepentingan dihentikan sekiranya prospektus atau perjanjian kontrak itu tidak mematuhi keperluan akta yang dicadangkan. Bagi menggalakkan pelaburan berasaskan syariah, bab ini juga membolehkan suatu prospektus atau perjanjian kontrak disediakan mengikut prinsip-prinsip syariah melalui garis panduan yang diluluskan oleh SSM.

Bahagian IV, secara umumnya bahagian ini menjelaskan perkara-perkara berhubung pengurusan audit dan mesyuarat berkaitan sesuatu skim kepentingan dan terbahagi kepada 3 bab seperti berikut.

Bab I yang merangkumi fasal 44 hingga 50 menjelaskan perkara berhubung syarikat pengurusan. Ini termasuk keperluan untuk mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia, tugas am dan obligasi sesebuah syarikat pengurusan, obligasi syarikat pengurusan kepada pemegang



amanah, tanggungjawab untuk membeli semula unit kepentingan sekiranya dimohon oleh pemegang kepentingan, keperluan untuk mengasingkan akaun bagi setiap skim, bab ini memberikan kuasa kepada pendaftar untuk menentukan tugas obligasi dan perlakuan syarikat pengurusan bagi setiap jenis atau kelas skim yang diuruskan.

Bab II yang merangkumi fasal 51 hingga 54 menyatakan perkara yang berkaitan akaun dan audit. Bab ini menjelaskan keperluan syarikat pengurusan untuk menyimpan rekod perakaunan, menyedia dan mengaudit penyata kewangan berkaitan sesuatu skim yang diuruskan. Bab ini juga menerangkan kewajipan untuk melantik juruaudit, serta tugas dan tanggungjawab juruaudit tersebut.

Bab III yang merangkumi fasal 55 hingga 61 dan memperkatakan perkara yang berhubung mesyuarat sesuatu skim kepentingan. Bab ini menjelaskan hak pemegang kepentingan untuk memanggil mesyuarat tatacara bagaimana mesyuarat tersebut diadakan serta kewajipan untuk menyimpan rekod ketetapan mesyuarat yang berkaitan.

Bahagian V memperuntukkan perkara-perkara berhubung penggulungan skim kepentingan. Fasal 62, 63, 64 dan 65 masing-masing menyatakan jenis-jenis penggulungan skim iaitu penggulungan seperti yang disebut di dalam surat ikatan amanah atau perjanjian kontrak, penggulungan melalui kelulusan ketetapan pemegang kepentingan, penggulungan yang disebabkan tujuan skim telah dicapai atau sebaliknya serta penggulungan yang diarahkan oleh mahkamah.

Fasal 66, 67 dan 68 menjelaskan tanggungjawab syarikat pengurusan untuk memastikan penggulungan skim dibuat mengikut peruntukan di dalam surat ikatan amanah atau perjanjian kontrak atau sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah. Selanjutnya, peruntukan berkaitan wang yang tidak dituntut juga terpakai bagi mana-mana aset atau harta berkaitan skim kepentingan yang telah digulung itu.

Fasal 69 pula menjelaskan perkara berhubung permohonan untuk pembatalan pendaftaran sesuatu skim secara sukarela yang boleh dibuat kepada pendaftar bersama keperluan-keperluan yang hendak dipatuhi.

Bahagian IV, bahagian ini memperuntukkan perkara-perkara berhubung dengan penguatkuasaan akta yang dicadangkan. Fasal 70 memperuntukkan kuasa kepada pendaftar untuk memohon injunksi sekiranya terdapat pelanggaran atau cubaan untuk melanggar peruntukan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 71 menjelaskan kuasa pendaftar untuk campur tangan di dalam pengurusan sesuatu skim kepentingan sekiranya pendaftar berpuas hati bahawa skim itu tidak dapat memenuhi syarat yang ditetapkan, pengurusan skim tersebut tidak mengikut peruntukan surat ikatan amanah atau perjanjian kontrak atau sekiranya terma dan syarat perakuan pendaftar telah dilanggar.

Fasal 72 memberikan kuasa kepada pendaftar untuk memberhentikan mana-mana skim kepentingan yang tidak berdaftar di bawah akta yang dicadangkan termasuk kuasa untuk

memaksa bayaran pampasan dibuat kepada pelabur yang telah membeli mana-mana unit kepentingan.

Fasal 73 memberikan kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan pemakaian mana-mana peruntukan akta yang dicadangkan ini serta mengenakan syarat-syarat yang bersesuaian.

Fasal 74 pula memberikan perlindungan kepada mana-mana pegawai syarikat pengurusan yang membuat laporan berhubung apa-apa perkara yang boleh atau akan jadi pelanggaran akta yang dicadangkan atau kesalahan serius akan dilakukan pegawai lain oleh syarikat pengurusan. Mana-mana pegawai yang membuat penzahiran sedemikian, tidak boleh didiskriminasikan termasuk dipecat, diturunkan pangkat atau tertakluk kepada apa-apa tindakan tatatertib.

Fasal 75 menjelaskan peruntukan penalti am bagi mana-mana kesalahan yang mana penalti tidak diberikan secara spesifik.

Bahagian VII pula memperuntukkan perkara-perkara berhubung pentadbiran akta yang dicadangkan. Fasal 76 hingga 80 menjelaskan keperluan syarikat pengurusan untuk menyenggara daftar pemegang kepentingan serta keperluan untuk menyerah simpan penyata tahunan dan penyata kewangan skim kepentingan dengan pendaftar. Seterusnya, syarikat pengurusan juga diwajibkan menyimpan dokumen yang tertentu di pejabat berdaftar serta penggunaan alat-alat elektronik dalam menyimpan dokumen dan daftar tersebut perlu memberikan akses kepada pihak-pihak tertentu yang berkepentingan untuk memeriksa dan meminta salinan daripada daftar atau dokumen yang disimpan oleh syarikat pengurusan.

Fasal 81 menyatakan keperluan pendaftar untuk menyelenggarakan daftar yang berkaitan di bawah akta yang dicadangkan serta membolehkan pihak awam diberi akses untuk memeriksa daftar atau mendapatkan salinan daripada daftar tersebut.

Fasal 82 hingga 85 menjelaskan kesalahan mana-mana orang yang memberikan maklumat palsu dan mengelirukan. Standard nilai keterangan berkaitan dokumen yang diserahkan simpan dengan pendaftar serta pembetulan terhadap daftar yang diselenggarakan oleh pendaftar.

Fasal 86 hingga 88 memperuntukkan kuasa pendaftar untuk menyediakan perkhidmatan penyerah simpan secara asas talian serta perkara berkaitan.

Fasal 89 dan 90 memperuntukkan kuasa Menteri untuk meminda jadual-jadual kepada akta yang dicadangkan serta kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang sesuai, manfaat atau perlu bagi perjalanan yang lebih baik, tujuan dan maksud atau yang dicadangkan.

Fasal 91 pula memperuntukkan kuasa Menteri untuk membuat pengisytiharan dan peraturan-peraturan berhubung kepentingan atau kelas kepentingan yang tertentu yang lebih wajar dikawal selia di bawah undang-undang sekuriti atau atas permintaan Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi kewangan.

Fasal 92 pula memperuntukkan perkara yang berhubung kecualian dan peralihan.

Jadual Pertama akta ini memperuntukkan waad yang perlu dimasukkan di dalam surat ikatan amanah atau perjanjian *contractual* bagi sesuatu skim. Jadual kedua akta ini memberi

peruntukan berhubung kandungan prospektus dan pernyataan penzahiran produk yang berhubung dengan sesuatu skim.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran skim yang berhubung dengan kepentingan dan perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang terhormat Kelana Jaya.

**6.59 ptg.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Belum larut malam lagi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana berikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 ini. Perbahasan saya pendek, tidak panjang sangat.

Tuan Pengerusi, setahu saya rang undang-undang ini berdasarkan seksyen 84 Akta Syarikat 1965. Baru tadi kita bincang tentang Rang Undang-undang Syarikat baru dibahas dan juga diluluskan, sekarang ini adalah dengan kata lain *part 2* lah daripada Akta Syarikat 1965.

■1900

Pada asasnya saya tidak mempunyai bantahan yang serius tentang Rang Undang-undang Skim Kepentingan ini, sehubungan itu saya akan membahaskan dua perkara sahaja daripada sudut penggubalan dasar. Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama ialah mengenai skim-skim kepentingan yang merangkumi kelab-kelab golf, rekreasi, skim pertanian dan kongsi masa ataupun *time sharing* merupakan syarikat-syarikat ataupun koperasi-koperasi yang seharusnya dipantau dengan baik oleh pihak berkuasa. Jadi, rang undang-undang ini memang matlamatnya cuba untuk memantaulah dan pada pembacaan saya, nampaknya *complete* dan baik.

Perkara dua, saya akan melihat tentang isu dasar tentang keahlian atau *membership* yang boleh dijual beli dan juga diperdagangkan. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara pertama. Saya menjangka banyak skim baru yang bakal akan diperkenalkan dalam zaman moden ini di mana *time sharing* nya kuat, *growers scheme* pun ada. Oleh itu, kita kena membaca. Saya pernah membaca beberapa kes yang melibatkan pihak pelabur dan juga ahli skim-skim yang mengalami kerugian. Bagi saya secara personal, bukannya saya telah membeli skim ini tetapi saya tahu sangat secara terperinci tentang kes Country Heights Growers Scheme yang telah ditubuhkan oleh Tan Sri Lee Kim Yew di mana skim telah dijual kepada masyarakat umum kebanyakannya suri rumah tangga. Isu ini penting sebab isu ini bagi saya adalah *first growers scheme* dan isunya tentang penanam kelapa sawit di kawasan Kelantan. Harga jualan

pada masa itu – masa itu banyak *housewife* di *approach* oleh *salesman* adalah lebih kurang RM8,000 satu plot tanah sebesar satu suku ekar, *quarter acre at the cost of RM8,000*, Tuan Yang di-Pertua.

Maknanya satu ekar itu lebih kurang kalau jual empat lot ini RM32,000. Tuan Yang di-Pertua, tanah Country Heights ini terletak di Gua Musang, dekat Gua Musang. Saya kenal kawasan ini sebab saya selalu lalu kawasan Gua Musang, ayah saya ada *business* di kawasan Gua Musang juga dan saya tahu sangatlah apakah harga tanah sawit di kawasan Gua Musang. Country Heights telah menjual tanah kosong dengan janji menanam kelapa sawit ini pada harga RM32,000 seekar. Kos tanaman seekar sehingga kelapa sawitnya membesar sampai umur empat tahun itu baru dia keluar buah dia, *from the first year to the fourth year* cuma RM4,000 sahaja kos penanaman, *land clearing*, baja semua ini untuk empat tahun lebih kurang RM4,000 sahaja. Harga kos tanah kosong di Kelantan ini pada anggaran saya lebih kurang RM7,000 ke RM8,000 seekar.

Jadi jumlah kos kepada Country Heights pada permulaan projek ini ialah cuma RM12,000 seekar, apabila Country Heights menjual tanah pada harga RM32,000 seekar, ia nampaknya meragut keuntungan besar sekali lebih kurang RM20,000 lebih seekar. Oleh kerana keuntungan yang besar sekali iaitu lebih kurang 200% daripada kos dia, Country Heights berani berjanji pada ahli-ahli skim bahawa mereka akan menerima pulangan sebanyak 8% bagi tahun pertama hingga ke tahun keempat. Pulangan daripada tahun kelima hingga ke tahun 23 sebab pokok sawit ini ada *maturity date* 23 tahun lebih kurang, perlu akan berdasarkan harga minyak sawit mentah selagi harga tersebut tidak kurang daripada RM800 satu tan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ini penting sebab skim tersebut dapat sambutan yang baik sekali dan telah melihat RM215 juta wang bertukar tangan untuk skim ini. *RM215 million was paid to Country Heights* untuk skim ini di mana kebanyakan pembeli adalah suri rumah. Malangnya kita semua tahu sekarang skim ini telah hancur, wang yang diterima oleh Country Heights tidak digunakan sepenuhnya untuk menanam kelapa sawit. Ini telah di *expose* oleh *The Edge*, satu artikel yang panjang dua, tiga tahun yang lalu dan apa yang dijanjikan tidak berlaku dan Country Heights pula kata dia rugi RM4 juta. Hakikatnya Country Heights menamatkan skim tersebut dan cuba mengembalikan wang yang telah dilaburkan serta membuat *goodwill payment* daripada Tan Sri Lee Kim Yew sebanyak RM25 juta pada para pelabur tetapi *this administration took a few years*, dua tiga tahun.

Isu ini telah menjadi skandal. Saya rasa Menteri boleh *confirm*, skandal yang terbesar dalam sejarah pengendalian skim-skim kepentingan khususnya *growers scheme*. Kes ini berlaku pada tahun 2013, dia tamat pada tahun 2013. Tuan Yang di-Pertua, jikalau sesuatu skim memberi kepentingan besar sekali kepada *promoters* seperti Country Heights dengan pulangan 200% daripada kos mereka, maka skim ini dengan izin, *is just too good to be true*. Mana ada orang labur RM12,000 satu ekar, jual RM32,000 satu ekar. Pendapatannya 200% *growth*.

Jadi dengan izin, *this scheme should has never been approve by the government or by the ministry in the first place. It is too good to be true*. Sekarang kita semua tahu bahawa skim ini

gagal dan setahu saya, yang ini lebih penting, tidak ada seorang pun dibawa ke mahkamah ataupun didenda dalam perkara ini. Jadi saya berharap melalui rang undang-undang ini, kerajaan akan dapat memantau dengan lebih baik dan memastikan skim-skim seperti Country Heights ini tidak akan menjadi skandal kewangan yang besar lagi, yang penting kita mesti prihatin. Dalam semakan saya, dalam *research* yang kita buat daripada *staff* saya dan *intern* saya, kita dapati sekarang masih ada 148 skim yang didaftar dengan SSM.

Bagi saya, saya hendak tahu daripada Menteri, adakah 148 ini boleh tak kita masuk balik *retrospectively incorporate into the law* dan kita pantau bermula daripada sekarang ataupun adakah undang-undang ini untuk yang masa akan datang. Jadi saya harap dan saya dah baca seksyen ini, semua seksyen dia dan nampaknya mencukupi, kita boleh pantau tetapi seperti yang saya katakan tadi, *'The proof of the pudding, is in the eating'* lah. Kita kena tengok, bila kita pakai ini boleh atau tidak kita pantau secara dalam dunia korporat, dalam dunia sebenarnya. Kita masih perlu juga, yang penting saya rasa, kita perlu mendidik selain daripada undang-undang ini ialah pegawai-pegawai penguat kuasa kena pandai menganalisis dan juga mencari refleks yang automatik. Apabila tengok skim-skim yang nampaknya *too good to be true, the ministry*, Menteri saya minta kalau boleh itu bagi kursus yang kuat pada penguat kuasa untuk buat analisa. *If the scheme is too good, please do not approve them, do not register them. This is not good.* Country Heights ini cerita yang mujurlah Tan Sri Lee Kim Yew bayar balik semua. Kalau dia bukan orang kaya, *I can't imagine RM215 millions just disappeared* daripada suri rumah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara kedua saya iaitu isu keahlian yang boleh dijual. Seperti yang kita maklum, apabila kita membeli satu keahlian kelab golf, keahlian tersebut mempunyai bilangan ahli yang terhad, *there is a limit to what the membership is*. Terdapat kelab-kelab yang membenarkan *membership* ini dijual beli. Oleh kerana bilangan keahlian adalah terhad, maka *market forces* sebenarnya menentukan harga keahlian di pasaran. Katakan dahulu kalau saya tak tahulah siapa dalam Dewan ini kebanyakannya saya rasa sebelah sana yang ada *membership* KLGCC beli dengan harga RM300,000 mungkin hari ini keahlian RM300,000 ini sekarang ini dah sampai setengah juta.

Jadi kita faham, *membership* ini kalau dia ada *limited to said 2,000 golfers or 3,000 golfers* dan ada orang yang jadi kaya, ada yang jadi muflis, dia akan jual beli. Oleh kerana *this membership* dalam skim rang undang-undang ini adalah *tradeable* dengan izin, *we need very strong regulations on this trading practices*. Seperti yang saya katakan tadi, saya dah baca dan nampaknya memang adalah *some of the measures* yang kita perlu lakukan dan ini juga bermakna bahawa semua syarikat ataupun kelab-kelab skim kepentingan ini perlu mengadakan akaun-akaun yang rapi dan juga *transparent* kepada semua member dia. Saya harap Menteri dan kementerian akan *continue to focus on this issue* di mana transparensi akaun dia untuk kita dapat harga pasaran yang betul dan patut.

#### ■1910

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang telah saya bangkitkan nampaknya lebih kurang— *it is all covered*lah, bukan isu yang besar sangat. Jadi, saya tidak mempunyai apa-apa bantahan

serius terhadap rang undang-undang ini. Hakikatnya, seperti yang telah saya katakan, kita cuma boleh berharap penguat kuasa, ahli-ahli skim dan promoter-promoter skim ini boleh bekerjasama semua dan memastikan satu *implementation* rang undang-undang itu secara baik. Itu sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Gerik. Ada yang minat selepas Yang Berhormat Gerik? Ya, selepas Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

#### **7.10 mlm.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun turut bersama membahaskan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015.

Kita tengok latar belakangnya. Pada masa ini, penawaran skim kepentingan ditadbir di bawah Akta Syarikat 1965. Skim kepentingan adalah aktiviti pengumpulan modal oleh pemegang kepentingan bagi membiayai suatu aktiviti perusahaan, pelaburan atau kemudahan dengan tujuan untuk mendapatkan pulangan kewangan atau hak menggunakan kemudahan yang disediakan.

Latar belakang lagi. Skim kepentingan merupakan kaedah alternatif yang memberi tambahan pilihan untuk usahawan-usahawan terutamanya syarikat yang kecil dan sederhana mendapatkan dana bagi mengembangkan perniagaan mereka di samping kaedah sedia ada melalui pinjaman bank, kemudahan kredit, dana, geran atau bantuan daripada kerajaan atau mengumpul dana daripada pasaran modal terbuka.

Skim kepentingan juga merupakan kaedah alternatif yang memberi tambahan pilihan untuk orang ramai dan pelabur mencipta kekayaan dengan mempelbagaikan portfolio pelaburan berdasarkan penilaian pelabur terhadap strategi, potensi dan risiko perniagaan sesuatu skim pelaburan yang disertai.

Antara skim kepentingan yang ditawarkan pada masa ini adalah skim kepentingan berasaskan pertanian seperti perladangan kelapa sawit dan perikanan, skim kepentingan berasaskan rekreasi seperti golf dan marina, dan skim kepentingan kongsi masa seperti penginapan percutian dan tempat peranginan. Mengapa perlu adanya akta baru ini? Walaupun Menteri mungkin cakap, saya ulang balik, perundangan sedia ada mempunyai peruntukan terhad.

Terdapat banyak evolusi dan skim dari pelbagai industri yang perlu dikawal selia. Perundangan baru ini membolehkan tadbir urus yang lebih sistematik dan pengawalseliaan yang lebih efektif dapat dilaksanakan untuk memelihara kepentingan dan hak pemegang skim kepentingan dengan lebih teratur dan konsisten.

Teknik perniagaan masa kini adalah begitu dinamik dan di kalangan masyarakat peniaga dan usahawan-usahawan, terdapat pihak tertentu yang memperkenalkan pelbagai modal skim yang inovatif dan kreatif. Bagaimanapun, sifat tamak dan ingin mengaut keuntungan berlipat

ganda serta keinginan cepat kaya menyebabkan perniagaan yang berpotensi berakhir dengan kegagalan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mencadangkan supaya kerangka perundangan yang berasingan diperkenalkan untuk mengawal selia penawaran skim kepentingan kepada orang ramai secara lebih komprehensif dan telus serta memberi perlindungan yang sewajarnya kepada pelabur-pelabur. Oleh sebab itu kita wujudkan, pisahkan daripada Rang Undang-undang Syarikat, kita khaskan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015.

Kita buat perbandingan undang-undang baru yang dicadangkan. Satu, larangan penawaran skim kepentingan tidak berdaftar. Kalau dalam undang-undang yang sedia ada, tiada melainkan dalam bentuk garisan panduan. Peruntukan baru, kalau kita justifikasikan, peruntukan baru secara spesifik melarang mana-mana orang daripada menawarkan skim kepentingan melainkan jika skim itu berdaftar dan diberi kuasa di bawah akta baru. Kedua, pada masa ini, larangan itu tidak diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan perkara tersebut hanya dikawal selia melalui garis panduan sahaja.

Kedua, jenis-jenis skim yang boleh didaftarkan. Kalau dahulu, tidak ada. Penerangannya, peruntukan baru dicadangkan bagi mengurangkan jenis skim dengan memperihalkan ciri-ciri skim pelaburan, skim rekreasi dan skim kongsi masa. Peruntukan baru juga mencadangkan kelas skim yang boleh didaftarkan yang terdiri daripada skim premium, kecil dan asing. Cadangan ini akan menggalakkan penyertaan SME yang akan diberi peluang menjana modal perniagaan melalui penawaran skim kepentingan.

Ini jenis-jenis skim. Skim premium ditawarkan oleh syarikat awam. Objek syarikat berhubung menguruskan skim dinyatakan dalam perlembagaan. Mempunyai modal berbayar minimum.

Skim kecil pula ditawarkan oleh syarikat pengurusan awam atau sendirian berhad. Objek syarikat berhubung menguruskan skim dinyatakan dalam perlembagaan. Mempunyai modal berbayar minimum. Dana yang diraih tidak boleh melebihi *threshold* yang ditentukan oleh pendaftar syarikat.

Skim asing ditawarkan oleh syarikat asing dan syarikat asing tersebut merupakan syarikat awam di negara asal. Objek syarikat berhubung menguruskan skim dinyatakan dalam perlembagaan. Mempunyai modal berbayar minimum. Mensyaratkan supaya skim asing dikawal selia dan dilindungi oleh kerangka perundangan tertentu di negara asal.

Ketiga, kita tengok dalam ini ialah pendaftaran skim. Kalau tengok yang lama dalam Akta Syarikat, tiada melainkan garis panduan. Antara yang dinyatakan, undang-undang baru menyatakan peruntukan-peruntukan bagi syarat-syarat dalam prosedur bagi pendaftaran skim premium, skim kecil atau skim asing. Ini termasuk prosedur dan keperluan permohonan pendaftaran sesuatu skim.

Keempat, kuasa pendaftar untuk menggantung. Dalam yang lama, tiada. Undang-undang baru memberi pendaftar kuasa untuk menggantung pendaftaran skim jika ada

perlanggaran mana-mana peruntukan di bawah akta yang dicadangkan atau terma dan syarat berhubung dengan kelulusan. Pendaftaran juga diberi kuasa untuk membatalkan skim jika terdapat kegagalan untuk mematuhi peruntukan Rang Undang-undang Skim Kepentingan yang dicadangkan atau jika skim itu telah digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang.

Kelima, rayuan kepada Menteri mengenai pembatalan. Kalau yang lama, tidak ada. Undang-undang baru mengadakan peruntukan bagi tatacara rayuan kepada Menteri atas perintah pembatalan yang dibuatkan oleh pendaftar.

Keenam, kuasa pendaftar atau menolak pendaftaran. Dalam Akta Syarikat dahulu berkaitan skim kuasa yang diberikan di bawah akta tahun 1965 adalah terhad. Terjemahannya ialah undang-undang baru mengadakan peruntukan bagi kuasa pendaftar untuk menolak suatu permohonan bagi pendaftaran skim atas alasan bahawa skim yang dicadangkan itu berkemungkinan akan digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau bertentangan kepentingan awam.

#### ■1920

Yang ketujuh, tanggungjawab syarikat pengurusan skim kepentingan. Had lama tidak ada. Dinyatakan undang-undang baru mengenakan tanggungjawab keamanahan ke atas syarikat pengurusan seperti berikut. Untuk menggunakan usaha wajar yang cermat dalam menguruskan dana dan tanggungjawab kepada pemegang kepentingan untuk membeli semua kepentingan untuk mengasingkan dana bagi setiap skim yang ditadbirkan, larangan untuk meminjam dana kepada syarikat pengurusan.

Saya rasa saya tidak perlu bercakap lebih panjang dan saya menyokong kepada skim yang diadakan dan saya harap kita semua luluslah dengan serta-merta. Dengan ini saya menyokong skim tersebut.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri.

#### 7.21 mlm.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih kepada, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli yang telah pun membahaskan rang undang-undang ini. Pertama Yang Berhormat Kelana Jaya bersama dengan Yang Berhormat Gerik tadi. Saya hendak jelaskan di sini sebenarnya kita mewujudkan rang undang-undang ini adalah kerana hendak memperkenalkan rangka kerja pengawalseliaan skim kepentingan sebagai alternatif untuk meraih dana selain penawaran sekuriti di bawah Undang-undang Sekuriti atau pinjaman daripada institusi kewangan.

Ini adalah kerana kita hendak tentukan ianya lebih telus dan komprehensif seperti permintaan Yang Berhormat Kelana Jaya tadi. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya yang memberitahu bahawa dia merasakan rang undang-undang ini telah pun *complete* dan baik maka saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada beliau. [*Tepuk*]. Kalau ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sama ada



sebelah sini atau sebelah sana yang mempunyai sikap sebegini saya ingat mudah kepada kita semua.

Keduanya tentang isu untuk jual beli saya hendak jelaskan di sini, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya ini saya hendak terangkan sebenarnya hak penjualan keahlian tertakluk di bawah perjanjian keahlian dan prospektus tersebut. Secara umum tiada larangan untuk menjual kecuali jika ada tunggakan bayaran oleh penjual. Jadi pihak kelab selalunya mengenakan caj. Itu akan ditentukan dalam prospektus yang ada sebagai yuran pentadbiran. Harga ditentukan oleh kuasa pasaran. Jadi tertakluk kepada *willing seller- willing buyer*. Jadi yang *buyer* ini tidak payah tengok *Fengshui* pun tidak apa. *[Ketawa]*.

Keduanya tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya seperti kes Country Height ini, saya bersetuju kita hendak mengetatkan undang-undang ini supaya tidak timbul lagi perkara ini. Dalam peruntukan yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri akan kita lihat *administratively* tentang kuasa-kuasa yang ada itu akan kita ketatkan dari masa ke semasa.

Contohnya, apabila kita hendak melihat sama ada skim, *the grower scheme* sebagai contoh. Kalau kita tidak mempunyai pakar-pakar kita akan cuba untuk melantik profesional untuk membantu kita. Begitu juga dalam *auditing* skim-skim yang telah pun dibangkitkan oleh sesiapa sahaja dalam negara kita. Jadi kita akan cuba ketatkan undang-undang ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik ini saya hendak lihat Yang Berhormat Gerik apa yang disebut itu, itulah kepentingan kita. *[Ketawa]* Jadi dia sebenarnya memudahkan saya untuk menjelaskan tentang skim yang saya bawa. Itulah dia Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

***[Fasal-fasal 1 hingga 23 dikemukakan kepada Jawatankuasa]***

***[Fasal-fasal 1 hingga 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

#### **Fasal 24 – Pindaan:**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Fasal 24 rang undang-undang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan pemegang amanah termasuk kewajipan untuk menjalankan usaha wajar dalam memantau hak dan kepentingan pemegang kepentingan dan untuk memastikan bahawa wa'ad yang dinyatakan di dalam surat ikatan amanah atau perjanjian *contractual* diserahkan. Kementerian mencadangkan supaya Fasal 24 dipinda dalam Perenggan 1(B) dengan menggantikan perkataan "memastikan bahawa wa'ad dalam surat ikatan amanah, surat ikatan amanah tambahan atau perjanjian *contractual*" dengan perkataan "memastikan bahawa wa'ad dalam surat ikatan amanah, surat ikatan amanah tambahan, perjanjian *contractual* atau perjanjian *contractual* tambahan".

Cadangan penambahan ini bertujuan untuk memastikan wa'ad yang disebut dalam Perenggan 24(1B) termasuklah satu perjanjian *contractual* tambahan. Oleh itu sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini adalah amat diharapkan. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Kepenggunaan yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Kepenggunaan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

*[Pindaan dikemukakan dan bagi diputuskan, dan disetujui]*

**[Fasal 24 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal-fasal 25 hingga 92 dikemukakan kepada Jawatankuasa]**

**[Fasal-fasal 25 hingga 92 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, Hari Selasa, 5 April 2016.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam]**